



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Laporan Tahunan 2009

www.kpwkm.gov.my





Kandungan

LAPORAN TAHUNAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2009

06

SEKAPUR SIREH

Menteri,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

07


SEULAS PINANG

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

08 - 11

MAKLUMAT KORPORAT

Visi
Misi
Piagam Pelanggan
Strategi
Carta Organisasi





LAPORAN PRESTASI TAHUN 2009 ***KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT***

13 - 17	Bahagian Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
18 - 21	Bahagian Kewangan
22 - 28	Bahagian Pelaksanaan Dasar Sosial Negara
29 - 38	Bahagian Hubungan Antarabangsa
39 - 47	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
48 - 58	Bahagian Khidmat Pengurusan
59 - 66	Bahagian Pembangunan
67 - 74	Bahagian Pengurusan Maklumat
75 - 77	Pengurusan Undang-Undang
78 - 82	Unit Audit Dalam
83 - 86	Unit Komunikasi Korporat
87 - 92	Unit Lembaga Kaunselor
93 - 98	Pusat Sumber dan Maklumat

JABATAN / AGENSI DI BAWAH KPWK

99 - 119	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)
120 - 129	Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
130 - 138	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
139 - 147	Institut Sosial Malaysia (ISM)
148 - 154	Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-Negara Pergerakan Berkecuali NAM (NIEW)

Sekapur Sireh Seulas Pinang

Maklumat Korporat



SEKAPUR SIREH

YB Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

YB. SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

*Assalamualaikum wrt. wbt.
dan salam sejahtera.*

Saya bersyukur ke hadrat ilahi kerana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah berusaha menerbitkan buku Laporan Tahunan 2009. Buku ini merupakan wadah bagi memuatkan pelbagai aktiviti Kementerian serta agensi di bawahnya bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai sebuah Kementerian bagi memelihara rakyat ke arah mencapai taraf kehidupan yang lebih baik dan bermakna. Kementerian berperanan besar dalam usaha membangun dan mengupayakan kaum wanita, keluarga dan masyarakat di Malaysia. Sehubungan itu masyarakat di negara ini sentiasa diberi pengiktirafan dan sokongan oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan membela kaum yang tidak berupaya.

Usaha Kementerian dan agensi di bawahnya telah menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan dalam usaha membanteras kemiskinan serta memelihara pelbagai kaum dari dihipit kesusahan. Berkat dari usaha padu warga Kementerian dapat diterjemahkan melalui hasil Laporan Tahunan 2009 ini.

Akhir sekali saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat menerbitkan Laporan Tahunan 2009. Saya berharap ianya akan dijadikan panduan bagi memaparkan program Kementerian keseluruhannya, di samping dapat memberikan gambaran kepada masyarakat terhadap usaha murni Kementerian dalam membangunkan kaum wanita, keluarga dan masyarakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.

YB. SENATOR DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL



SEULAS PINANG

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

YBHG. DATUK NOR HAYATI SULAIMAN

*Bismillah hir Rahman nir Rahim
Assalamualaikum wrt. wbt.,*

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana pada tahun ini Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) 2009 dapat diterbitkan. Ia merupakan laporan komprehensif yang boleh dijadikan rujukan terhadap kepelbagaian isu membabitkan wanita, keluarga dan masyarakat serta satu imbasan terbaik dalam menterjemahkan kesungguhan Kementerian dalam usaha memperkasa dan memastikan peranan serta penyertaan wanita, keluarga dan masyarakat dalam pembangunan negara.

Pencapaian tahun 2009 ini dapat dilihat di mana KPWKM telah melangkah lebih yakin ke arah pembangunan insan dan masyarakat yang membanggakan. Pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti telah membuktikan komitmen Kementerian dalam usaha memartabatkan wanita, memantapkan institusi keluarga dan sekali gus meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat. Kejayaan demi kejayaan yang terhasil adalah berkat kerjasama dan usaha gigih anggota kerja KPWKM untuk melaksanakan transformasi dalam segala aspek pengurusan sebaik mungkin. Ia merupakan manifestasi terhadap satu komitmen yang jitu dalam usaha merealisasikan visi, misi dan objektif KPWKM.

Kejayaan ini merupakan kayu pengukur kepada keberkesanan dasar dan polisi serta pelaksanaan pelan strategik Kementerian melalui jabatan dan agensi-agensi dibawahnya. Ia dizahirkan dengan penerimaan dan kelulusan Kerajaan terhadap saranan serta tindakan oleh Kementerian ini, agar masyarakat dapat menikmati faedah terbaik daripada setiap penambahbaikan yang dibuat kepada dasar dan polisi tersebut. Saya berharap penerbitan Laporan Tahunan 2009 ini menjadi rujukan dan manfaat dalam membuat rancangan penambahbaikan serta pelaksanaan program dan aktiviti pada masa hadapan. Insyallah.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK NOR HAYATI SULAIMAN



VISI

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

MISI

Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat yang memerlukan ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

PIAGAM PELANGGAN

KPWKM dengan penuh tekad dan iltizam berjanji untuk melaksanakan semua dasar dan program yang telah ditetapkan melalui agensi di bawah Kementerian ke arah mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan iaitu :

Memastikan dasar-dasar dan undang-undang mengenai pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat sentiasa relevan, berkualiti dan praktikal untuk dilaksanakan;

Menentukan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat dijalankan dengan baik dan berkesan serta mengikut jadual yang ditetapkan;

Membuat penyelarasan yang lebih berkesan terhadap semua program Kementerian dan agensi di bawahnya serta penglibatan masyarakat am dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO's);


Melaksanakan pengurusan yang cekap dan peka kepada isu, kualiti dan produktiviti;

Memberi perkhidmatan yang cekap, saksama dan mesra;

Menjalankan penyelidikan dan penilaian yang berterusan untuk mendapatkan maklumat dan maklumbalas bagi perancangan yang baik dan pelaksanaan yang berkesan; dan

Menerapkan budaya ilmu melalui usaha penambahan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran ICT dan lain-lain kemahiran serta mewujudkan etika kerja yang positif dan dinamik di kalangan semua anggota Kementerian dan Jabatan serta agensi di bawahnya.





STRATEGI

Memastikan perspektif gender, keluarga dan kumpulan masyarakat diintegrasikan dalam pengubalan dasar dan perancangan serta pelaksanaan program.

Memantapkan penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan di kalangan masyarakat melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

Mengaudit undang-undang dan peraturan sedia ada dan mencadangkan perundangan baru bagi menjamin kelangsungan hidup, perlindungan dan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan dalam bidang gender, kependudukan, pembangunan keluarga dan masyarakat bagi memperkenalkan pendekatan-pendekatan inovatif dalam perancangan dan pembangunan program.

Membangun dan memantapkan pangkalan data sosial yang komprehensif dan bersepadu untuk tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian program-program untuk kumpulan sasaran.

Mempertingkatkan tahap kemahiran dan pengetahuan serta memperkasakan kumpulan sasaran bagi membolehkan penyertaan mereka yang berkesan dalam pembangunan negara.

Menambah dan mempelbagaikan peluang kumpulan sasaran untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui program-program pembangunan dengan kerjasama agensi-agensi pelaksana.


Memperkuatkan jaringan kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan tujuan berkongsi maklumat, pengalaman dan kepakaran.

Menubuhkan mekanisme pemantauan dan penilaian untuk menambah baik dasar dan pelaksanaan program.

Memperluaskan akses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada wanita, keluarga dan masyarakat.


Memantap dan memperkuat sistem penyampaian perkhidmatan di semua peringkat melalui pengurusan sumber manusia kewangan dan teknologi secara profesional dan optimum.

Menyebarkan maklumat mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di pelbagai agensi dan pertubuhan bagi membantu wanita, keluarga dan masyarakat mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan.





Carta Organisasi

Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat 2009



Y.B. TIMBALAN MENTERI



The page features abstract, colorful swirls in the corners, rendered in shades of purple, blue, green, and red, resembling paint splatters or watercolor washes. The main title is centered in a dark purple serif font, flanked by horizontal lines. Below the title, the subtitle is written in a black serif font.

LAPORAN PRESTASI

TAHUN 2009

*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat (Kpwkm)*



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

DASAR PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



Bahagian Dasar KPWK terbahagi kepada 2 cawangan iaitu Cawangan Dasar Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Cawangan Dasar Pembangunan Masyarakat.

Cawangan Dasar Pembangunan Wanita dan Keluarga bertanggungjawab ke atas isu-isu berkaitan wanita dan keluarga. Cawangan Pembangunan Masyarakat pula bertanggungjawab ke atas isu-isu berkaitan pembangunan masyarakat seperti kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, orang papa dan kebajikan masyarakat.

FUNGSI BAHAGIAN DASAR, KPWK

Fungsi Bahagian Dasar KPWK antara lain adalah untuk merancang, menggubal serta memantau dasar dan pelan tindakan serta merangka strategi dan program pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat bagi memastikan perspektif gender, keluarga dan masyarakat diintegrasikan dalam dasar dan program pembangunan negara. Selain itu, Bahagian Dasar KPWK juga mengkaji undang-undang dan peraturan sedia ada serta menggubal undang-undang baru, sekiranya diperlukan, bagi memastikan kebajikan dan kepentingan kumpulan sasar KPWK dilindungi dan terpelihara.

CAWANGAN DASAR PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA

(i) Dasar Wanita Negara Dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita

Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang baru telah diluluskan oleh Kerajaan pada 22 Julai 2009 dan dilancarkan secara rasmi oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 25 Ogos 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini merupakan kesinambungan kepada Dasar Wanita Negara yang digubal pada tahun 1989 dengan mengambil kira isu, peluang, cabaran, persekitaran masa kini dan keperluan masa hadapan. Secara amnya, Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk mempercepatkan pencapaian matlamat kesaksamaan gender di negara ini selaras dengan komitmen kepada Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

(ii) Pelan Tindakan Ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan

Satu Pelan Tindakan Ke Arah Mencapai Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan telah disediakan dengan kerjasama pihak *United Nations Development Programme* (UNDP). Pelan tindakan ini menggariskan strategi dan program untuk meningkatkan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan, khususnya dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Inisiatif ini dapat memperbaiki jurang gender di Malaysia di peringkat global. Pelan Tindakan ini akan dikemukakan untuk persetujuan pihak Kerajaan pada pertengahan tahun 2010.

(iii) Pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994

Pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) kini dalam peringkat akhir setelah mengambil kira saranan Jabatan Peguam Negara supaya KPWK mengadakan konsultasi dengan Polis Diraja Malaysia dan mahkamah bagi persetujuan Seksyen 17A berkaitan penyampaian ganti. Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga dijangka diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 2010.

(iv) Akta Antipemerdagangan Orang 2007

KPWK selaku pengerusi Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa Pernerdagangan Orang di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang, memikul tanggungjawab terhadap pelaksanaan Bahagian V Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang memfokuskan kepada perlindungan dan pemulihan

mangsa pemerdagangan orang. Dalam hal ini, tempat-tempat perlindungan mangsa pemerdagangan orang telah ditubuhkan bagi memberi perlindungan dan memulihkan mangsa-mangsa ini. Sehingga kini, sebanyak tiga tempat perlindungan telah disediakan dan diuruskan oleh KPWK (2 buah rumah perlindungan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita dan sebuah rumah perlindungan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat). Bagi memastikan tempat-tempat perlindungan ini diuruskan dengan teratur dan berkesan, KPWK telah menggubal dan memuktamadkan Peraturan-Peraturan (Tempat Perlindungan) Akta Antipemerdagangan Orang 2009. Draf peraturan ini telah dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk dimuktamadkan dan proses ini dijangka selesai pada tahun 2010.

Bagi tujuan pembangunan kapasiti dan kemahiran, dua siri latihan telah diadakan iaitu pada bulan Julai dan November 2009 sebagai latihan kepada pegawai pelindung dalam pengendalian mangsa pemerdagangan orang. Seramai 81 orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita telah menyertai latihan ini.

Selain itu, KPWK juga telah mengenal pasti sebuah kuarters JKR di Jalan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur untuk dijadikan rumah perlindungan wanita.

(v) Inisiatif Mengarusperdanakan Gender

Inisiatif mengarusperdanakan gender dalam semua peringkat perancangan, penggubalan dasar dan pelaksanaan projek / program Kerajaan diteruskan sepanjang tahun 2009. Antaranya ialah:

• Bajet Gender

Usaha dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai bajet gender dilaksanakan melalui kursus dan latihan amali. Tiga kursus mengenai bajet gender telah diadakan pada tahun 2009. Kursus pertama anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dari 7 hingga 9 April 2009 telah dihadiri oleh 30 orang peserta. Manakala dari 4 hingga 7 Mei 2009 pula, satu sesi Training of Trainers mengenai Bajet Gender telah diadakan

dengan kerjasama pihak INTAN. Sesi ini yang melibatkan pegawai pemeriksa bajet kementerian dan agensi kerajaan bertujuan melatih pakar rujuk di kementerian dan agensi masing-masing. Selain itu, bagi memastikan kesinambungan pengetahuan dan kemahiran berhubung pengaplikasian bajet gender ini, satu bengkel diadakan di peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi-agensi di bawahnya pada 15 dan 16 Julai 2009. Seramai 50 orang pegawai telah menyertai bengkel ini.

• Pemerkasaan Gender Focal Point (GFP)

Satu bengkel berhubung Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) telah diadakan pada 16 dan 17 November 2009 untuk Gender Focal Point (GFP) kementerian dan agensi Kerajaan. Bengkel yang diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bertujuan untuk meningkatkan pemahaman serta pengetahuan GFP berhubung isu-isu berkaitan CEDAW dan pelaksanaannya di Malaysia. Seramai 29 orang GFP telah menghadiri bengkel ini.

(vi) Kenaikan Kelayakan Pendapatan Bagi Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA di Tempat Kerja Dalam Sektor Awam

Susulan cadangan daripada KPWK, tahap kelayakan pendapatan isi rumah bulanan untuk mendapatkan subsidi yuran TASKA sebanyak RM180 seorang anak telah dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3,000 sebulan berkuat kuasa 1 Januari 2009. Selain itu, semua kementerian dan jabatan Kerajaan diwajibkan untuk menyediakan TASKA di tempat kerja sektor awam. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM200,000 bagi setiap kementerian dan jabatan Kerajaan untuk menubuhkan TASKA berkenaan.

(vii) Keberkesanan Pelaksanaan Badan Pendamai di Bawah Seksyen 106, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976

Satu perbincangan Meja Bulat mengenai keberkesanan Badan Pendamai di bawah Seksyen 106, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) diadakan pada 26 Mei 2009. Pelbagai maklum balas dan cadangan bagi mengukuhkan fungsi dan peranan badan pendamai serta tribunal perkahwinan telah diperolehi. Laporan lengkap beserta syor perbincangan telah dimajukan kepada agensi dan jabatan Kerajaan yang berkenaan seperti pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara untuk tindakan sewajarnya bagi meningkatkan keberkesanan Tribunal Perkahwinan serta langkah mewujudkan lebih banyak badan pendamai.

(viii) Sidang Kemuncak Wanita 2009

Sidang Kemuncak Wanita 2009 telah diadakan pada 18 Ogos 2009 di Pusat Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Bertemakan “Mampukah Wanita Menukar Kesusahan Kepada Peluang?”, persidangan ini memberi fokus kepada inisiatif yang boleh diambil oleh wanita bagi mengubah cabaran yang dihadapi semasa kegawatan ekonomi kepada peluang untuk meningkatkan kerjaya dan taraf hidup.

Sidang Kemuncak ini telah dirasmikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dan dihadiri seramai lebih 1,000 orang peserta yang terdiri daripada wakil sektor awam, sektor korporat, perusahaan kecil dan sederhana (SME) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara perkara yang diketengahkan dalam Sidang Kemuncak ini termasuk keperluan bagi wanita untuk membaiki pemahaman terhadap pengurusan kewangan; keseksamaan gender di tempat kerja untuk wanita; dan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan.

CAWANGAN DASAR PEMBANGUNAN MASYARAKAT

(i) Dasar Dan Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara

Dasar Kanak-kanak Negara telah diluluskan oleh Kerajaan pada 29 Julai 2009. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berdaya saing, progresif dan mempunyai jati diri serta nilai-nilai murni. Selaras dengan penggubalan Dasar Kanak-kanak Negara ini, Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara turut disediakan. Pelan Tindakan ini menggariskan program dan aktiviti yang melibatkan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, NGO, ahli akademik, pakar perubatan, pekerja sosial dan sukarelawan.

(ii) Dasar Dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak

Dasar Perlindungan Kanak-kanak telah diluluskan oleh Kerajaan pada 29 Julai 2009. Dasar ini bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi. Dasar ini juga menjadi pemangkin kepada kesedaran dan komitmen semua pihak, termasuk setiap anggota masyarakat untuk melindungi kanak-kanak.

Dasar Perlindungan Kanak-kanak ini turut dilengkapi dengan Pelan Tindakan yang perlu dijadikan sebahagian daripada pelan perancangan strategik agensi dan pihak yang terlibat termasuk kepada pihak berkuasa tempatan. Tiga perkara yang diberi tumpuan khusus dalam Pelan Tindakan ini ialah program kesedaran masyarakat, kursus perlindungan kanak-kanak dan template Dasar Perlindungan Kanak-kanak.

(iii) Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi Dan Sosial Kebangsaan

Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan diluluskan oleh Kerajaan pada 6 November 2009. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial yang terpakai kepada semua lapisan masyarakat tanpa

mengira peringkat umur. Pelaksanaan dasar ini turut mengambil kira kepelbagaian agama, budaya serta nilai hidup masyarakat di Malaysia.

(iv) Pindaan Akta Kanak-kanak 2001

Pindaan Akta Kanak-kanak 2001 bertujuan untuk memasukkan peruntukan berkaitan aspek perkembangan dan penyertaan kanak-kanak selaras dengan 4 komponen utama Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Penambahan peruntukan ini bertujuan untuk melengkapkan Akta Kanak-kanak sedia ada yang hanya memfokuskan kepada aspek kelangsungan hidup dan perlindungan kanak-kanak.

(v) Akta Orang-Orang Papa 1977

KPWKM telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Akta Orang-Orang Papa 1977. Hasil kajian ini mendapati satu akta baru yang lebih komprehensif wajar diwujudkan bagi melindungi golongan orang papa di negara ini. Antara intipati akta baru ini ialah peruntukan mengenai penguatkuasaan dan hukuman ke atas pesalah bagi menangani sindiket pengemisan. Peruntukan sedia ada di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 berkaitan perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian semula orang papa ke dalam masyarakat pula akan turut dimasukkan dalam akta baru ini. Draf pertama rang undang-undang bagi akta baru ini dijangka siap pada bulan Jun 2010.

(vi) Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya

Pihak Kerajaan, pada 19 Ogos 2009, telah bersetuju dengan cadangan supaya Malaysia meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU). Konvensyen ini merupakan konvensyen hak asasi manusia komprehensif yang pertama dalam milenium ini yang membolehkan golongan OKU menikmati kesaksamaan hak dan peluang serta memastikan kesejahteraan dan penyertaan penuh OKU dalam masyarakat, sama seperti anggota masyarakat yang lain. Ini termasuk aspek-aspek

kehidupan seperti aksesibiliti, mobiliti, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, pemulihan, kesamarataan, penyertaan dalam bidang politik, ekonomi dan sosiobudaya, serta tiada diskriminasi. Konvensyen ini dijadualkan untuk diratifikasi oleh Malaysia pada bulan April 2010.

(vii) Penarikan Balik Reservasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak atau Convention on the Rights of the Child (CRC) pada 17 Februari 1995 dengan reservasi ke atas 12 artikel. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menarik balik reservasi ke atas Artikel 22, 28 (1) (b), (c), (d) dan (e), 40 (3) dan (4), 44 dan 45 pada 9 Disember 1998. Reservasi ke atas Artikel 1, 2, 7, 13, 14, 15, 28(1) (a) dan 37 CRC pula dikekalkan sehingga kini.

Selaras dengan saranan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Mengenai Hak Kanak-Kanak, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sewaktu pembentangan laporan negara pada 25 Januari 2007, KPWKM telah meneliti reservasi yang mungkin boleh ditarik balik. Dalam hal ini, pihak Kerajaan, pada 30 Oktober 2009, telah bersetuju supaya reservasi ke atas Artikel 1 (takrif kanak-kanak) dan Artikel 13 (kebebasan bersuara) ditarik balik.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

KEWANGAN

Bahagian Kewangan bertanggungjawab untuk melaksanakan tatacara kewangan dengan cekap dan berkesan berpandukan peraturan kewangan melalui perancangan bajet dan perolehan, pelaksanaan pengawasan dan kawalan yang menyeluruh bagi mencapai objektif kementerian.

FUNGSI BAHAGIAN

Terdapat 3 fungsi bahagian di bawah Kewangan iaitu Unit Bajet, Unit Perolehan dan Unit Akaun dan Bayaran.

i. Unit Bajet

Bertanggungjawab menyelaraskan dan memohon peruntukan mengurus tahunan Kementerian dan Jabatan – jabatan di bawahnya setiap tahun kepada Perbendaharaan. Bertindak sebagai Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Kementerian dan perlu menghantar Laporan Suku Tahun JPKA dan Harta Modal kepada Perbendaharaan.

ii. Unit Perolehan

Kementerian telah memutuskan untuk memusatkan segala urusan perolehan di Unit Perolehan, Bahagian Kewangan. Ini bermaksud Kajian Pasaran tidak dilakukan oleh Bahagian yang memohon, sebaliknya dilaksanakan oleh Unit Perolehan bagi memastikan pembekal yang dipilih benar – benar memberi nilai harga yang menguntungkan Kerajaan. Unit ini juga bertindak sebagai Urusetia Lembaga Perolehan A dan B Kementerian.

iii. Unit Akaun dan Bayaran

Bertanggungjawab ke atas pembayaran bil dalam masa 14 hari dan menyelenggara akaun Kementerian secara berkala setiap bulan. Unit ini juga bertanggungjawab menyelaraskan laporan bulanan seperti Laporan Perbelanjaan Bulanan, Penyata Penyesuaian, Laporan bil tertunggak dan lain – lain laporan berkaitan dari semua Jabatan untuk dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara dan

Perbendaharaan pada setiap bulan.

PENCAPAIAN TAHUN 2009

Tahun 2009 merupakan tahun sangat bermakna bagi Bahagian Kewangan kerana mendapat pengiktirafan oleh Agensi Pusat dan memenangi beberapa pertandingan yang dianjurkan oleh pihak KPWKM seperti berikut:

i. Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (AKPK) Anjuran Kementerian Kewangan

Warga Bahagian Kewangan KPWKM telah memberi sepenuh komitmen dan usaha bagi memastikan mendapat tempat bagi AKPK anjuran Kementerian Kewangan. Pertandingan ini turut disertai oleh pelbagai kementerian lain. KPWKM berjaya apabila disenarai pendek oleh Perbendaharaan, bagaimanapun tidak memenangi sebarang tempat. Warga Bahagian Kewangan akan terus berusaha memperbaiki kelemahan agar dapat memenangi pertandingan ini pada masa akan datang.

ii. Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan Anjuran KPWKM

Bahagian Kewangan berjaya mendapat tempat pertama bagi pertandingan AKPK anjuran KPWKM tahun 2009. Pertandingan ini turut disertai oleh jabatan – jabatan di bawah Kementerian.

Kemenangan ini telah memberi semangat dan inspirasi kepada warga Bahagian Kewangan untuk terus memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan secara langsung dan tidak langsung Kementerian.

iii. Pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan dari Jabatan Audit Negara

Bahagian Kewangan telah mendapat pengiktirafan empat bintang (tertinggi) dalam Pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan

kewangan dari Jabatan Audit Negara. Penarafan ini juga turut memberi semangat kepada Warga Kewangan untuk menjadi penanda aras pengurusan kewangan kepada jabatan – jabatan di bawahnya.

iv. Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Anjuran KPWKM

Bahagian Kewangan turut mengambil bahagian pertandingan KIK yang dianjurkan oleh Kementerian. Bahagian kewangan telah berjaya memenangi tempat pertama dalam pertandingan ini dengan tajuk ‘Pembayaran Bil Dalam Tempoh Empat Belas (14) Hari menewaskan beberapa kumpulan lain yang turut disertai oleh semua Jabatan di bawah kemeterian. Pertandingan ini telah merapatkan lagi hubungan semua warga Kewangan di mana semua saling bekerjasama memberi pendapat dan idea – idea baru untuk perbaiki kelemahan dan tambah baik pengurusan kewangan Kementerian.

v. Prestasi Perbelanjaan Mengurus KPWKM tahun 2009

KPWKM telah membelanjakan sebanyak RM 827,940,607.76 @ 102.31% dari keseluruhan peruntukan mengurus tahunan kementerian iaitu sebanyak RM 809,266,620 yang telah diterima. Perbelanjaan melebihi peruntukan ini adalah kerana perbelanjaan emolumen JKM akibat dari pengisian jawatan. Kementerian telah memohon peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan dan dimaklumkan pelasaran akaun akan dibuat oleh Kementerian Kewangan selepas penutupan akaun 2009.

Perincian peruntukan mengurus adalah seperti berikut:

JADUAL 01

Kementerian / Jabatan	Peruntukan (RM)
KPWKM	74,384.486.00
JPW	43,202,220.00
JKMM	621,256,064.00
ISM	11,473,200.00
LPPKN	52,599,600.00
NIEW	6,351,050.00
JUMLAH KESELURUHAN	809,266,620.00

Selain itu, kementerian turut menerima peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi ke 2 (PRE) berjumlah RM51.1 juta dan peruntukan di bawah B11 Perbendaharaan bagi bayaran bantuan kebajikan berjumlah RM383 juta. Secara keseluruhan, Kementerian telah menerima sebanyak RM1.24 bilion peruntukan mengurus bagi tahun 2009.

vi. Pelaksanaan e-Perolehan KPWKM

a. eP enabled

Sebanyak 80 PTJ Kementerian telah mendapat taraf e-Perolehan enable pada tahun 2009. Modul-modul e-Perolehan yang telah diguna pakai oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- i. Kontrak Pusat dan Pembelian Terus
- ii. Tender
- iii. Sebut Harga
- iv. Kontrak Kementerian
- v. e-Bidding

b. Bengkel e-Perolehan

Sebanyak 4 siri Bengkel Mandatory Hands Holding Modul Kontrak Pusat Dan Pembelian Terus telah diadakan pada tahun 2009 kepada semua PTJ (JKMM dan JPW Ibu Pejabat Negeri) seluruh Malaysia iaitu pada:

- i. Siri 1-(17 hingga 19 Febuari 2009)
- ii. Siri 2-(11 hingga 12 Mac 2009)
- iii. Siri 3-(15 hingga 16 April 2009)
- iv. Siri 4- (6 hingga 7 Julai 2009)

Sebanyak 20 orang peserta bagi setiap siri telah menghadiri Bengkel berkenaan. Sebanyak 1 siri Bengkel Mandatory Hands Holding Modul Kontrak Kementerian telah diadakan iaitu pada 18 Ogos 2009 bertempat di Makmal Komputer ISM. Seramai 10 orang Pentadbir Kontrak di dalam sistem e-Perolehan telah menghadiri bengkel ini.

c. Laporan Keseluruhan nilai transaksi secara eP

Bilangan Pesanan Tempatan yang telah diproses oleh Bahagian Kewangan, KPWKMM adalah sebanyak 1685 dengan nilai keseluruhan bagi 1685 Pesanan Tempatan adalah RM20,831,250.23

vii. Sebutharga dan Tender KPWKMM

Sebanyak 16 sebutharga dan 1 tender e-Perolehan telah diproses pada tahun 2009.

vii. Pewujudan Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Bagi memperkemaskan dan mempercepatkan urusan bayaran bantuan kebajikan Persekutuan, Kementerian dan JKM telah

mengambil langkah dengan mewujudkan Pusat Tanggungjawab. Sebanyak 17 PTJ telah diwujudkan dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu 11 bahagian di Negeri Sarawak dan 6 bahagian di Negeri Sabah. Ianya juga dapat mengurangkan risiko dari aspek keselamatan.

Selain itu, sebanyak 80 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) juga telah dilantik sebagai PTJ bagi memastikan hasrat kerajaan untuk melaksanakan pembayaran bantuan selewat-lewatnya pada 1 haribulan setiap bulan tercapai.

ix. Tabung Bantuan Segera Jabatan Kebajikan Masyarakat

JKM bersama Kementerian telah mengambil langkah proaktif bagi mewujudkan Tabung Bantuan Segera JKM. Sebanyak 15 Akaun Panjar Khas Tabung Bantuan Segera JKM telah ditubuhkan di 15 buah negeri dengan apungan sebanyak RM280,000.00 dan telah beroperasi sepenuhnya sepanjang tahun 2009. Tabung ini bertindak membantu memberi bantuan kepada penerima bantuan yang datang ke PKMD dalam jangka masa pendek sebelum satu - satu kes itu dikaji dan diluluskan.

x. Laporan Pemerhatian Audit Tahun 2009

Sebanyak 8 Laporan Pemerhatian Audit diterima sepanjang tahun 2009 dan dijawab dalam tempoh yang telah ditetapkan selaras dengan arahan dan pekililing kewangan yang berkuatkuasa.

xi. Bayaran Bil Dalam Tempoh 14 Hari

Sebanyak 5,611 baucar bayaran telah diproses sepanjang tahun 2009 berjumlah RM195, 050,605.00 Daripada jumlah tersebut sebanyak 99.3% @ 5,572 bil berjumlah RM190,996,177.00 telah berjaya diproses dalam tempoh kurang dari 14 hari.

Baki sebanyak 0.7 peratus yang merangkumi 39 bil berjumlah RM4,054,428.00 diproses melebihi tempoh 14 hari berikutan masalah sistem eSPKB dan ePerolehan yang kurang stabil.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

DASAR SOSIAL NEGARA



Objektif Bahagian

Melaksana dan menyelaras Dasar Sosial Negara (DSN) di semua peringkat yang meliputi perancangan, penilaian, pemantauan dan pelaporan.

Visi Bahagian

Menjadi peneraju utama pelaksanaan Dasar Sosial Negara.

Misi Bahagian

Memastikan Dasar Sosial Negara dilaksanakan secara bersepadu.

Strategi Bahagian

Mempergiatkan pelaksanaan Dasar Sosial Negara, mengukuhkan jentera Dasar Sosial Negara, membangunkan instrumen-instrumen perancangan sosial dan mempertingkatkan pelaksanaan agenda integriti untuk Institusi Keluarga, Komuniti dan Masyarakat Sipil.

Latar Belakang

DSN diluluskan Kabinet pada 19 Februari 2003 dan pelancaran rasmi telah dilakukan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 19 Ogos 2003. DSN ditubuhkan sebagai dasar payung bagi menyelaras pelaksanaan program / aktiviti pembangunan sosial.

Pengenalan

Dasar Payung yang merangkumi falsafah dan berbagai dasar pembangunan sosial yang lain dan memberi panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial.

Objektif Khusus

DSN menggariskan empat objektif khusus yang saling melengkapi dengan menerapkan nilai-nilai murni di setiap peringkat pelaksanaannya iaitu memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi, membangun dan memperkasakan insan sepanjang hayat, memperkukuh dan membangunkan sistem sokongan sosial dan perkhidmatan sosial serta menjana sinergi multisektor.

Pencapaian Program Tahun 2009

Sepanjang tahun 2009, Bahagian DSN telah melaksanakan beberapa program antaranya Program NADI, Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang ke-6, Pusat Bantuan Khidmat Sosial Chow Kit, Pelaksanaan Fasa I Program Pembangunan Kejiranan Lestari, Kuala Lumpur Krash Pad, Pelan Strategik HIV/AIDS KPWK M Tahun 2009 dan Program Perlindungan HIV/AIDS untuk 7 NGO.

Program NADI 2009

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan Majlis Penyerahan Peruntukan NADI Tahun 2009 kepada Pengerusi NADI pada 14 September 2009 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dihadiri oleh seramai 371 Pengerusi NADI. Peruntukan sebanyak RM10,000.00 telah diberikan kepada setiap Pengerusi NADI sebagai bantuan segera untuk mereka menjalankan khidmat kepada masyarakat setempat. Jumlah peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM3.71 juta bagi tahun 2009.



Majlis Taklimat NADI di Hotel Hilton



Pengerusi NADI mengambil cek



Majlis Sosial Negara ke-6

Mesyuarat Majlis Sosial Negara (MSN) ke-6

Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang ke-6 telah diadakan pada 10 September 2009 yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet, Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan serta Menteri-Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan sektor sosial. Majlis Sosial Negara telah ditubuhkan di peringkat persekutuan sebagai jentera penyelarasan pelaksanaan bagi merealisasikan pelaksanaan strategi-strategi di bawah Dasar Sosial Negara. Pelbagai keputusan telah dicapai di dalam mesyuarat ini khususnya bagi melaksanakan program pembangunan sosial di dalam komuniti antaranya meneruskan Program Pembangunan Kejiranan Lestari bagi fasa kedua.



TPM mempengerusikan MSN


Program Pembangunan Kejiranan Lestari (PPKL) di Johor Bahru

Program Pembangunan Kejiranan Lestari (PPKL) adalah satu program perintis untuk memulihkan kawasan yang mempunyai kadar gejala sosial dan jenayah yang tinggi. Program ini membabitkan pemulihan infrastruktur dan pembangunan modal insan masyarakat di kawasan berkenaan bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.

Lima kawasan di Johor Bahru yang terlibat dalam PPKL adalah Kg. Skudai Kiri, Taman Tampoi Indah, Kg. Datuk Sulaiman Menteri, Kg. Melayu Pandan dan Taman Puteri Wangsa.

Teras utama PPKL telah menggabungkan program fizikal atau *quick wins* dan program pembangunan modal insan atau soft program. Quick wins adalah program yang boleh dilaksanakan dengan segera yang memberi visibiliti serta impak yang tinggi dan hasil program dapat dimanfaatkan dalam jangka masa pendek. Antara program yang dilaksanakan ialah meningkatkan kemudahan jalanraya, dewan orang ramai dan masjid. Soft program pula adalah program yang melibatkan pembangunan kapasiti seperti latihan kemahiran menambah pendapatan, kursus motivasi, kursus kemahiran keibubapaan, kem jatidiri remaja dan community policing.

Semua projek quick wins dan soft program fasa 1 telah disempurnakan pada tahun 2009 dengan peruntukan sebanyak RM5.608 juta.



Pelaksanaan PPKL di Kg. Melayu Pandan, Johor Bahru Tapak permainan yang telah dibaikpulih

Pusat Khidmat Sokongan Sosial Chow Kit

Pusat Bantuan Khidmat Sosial (PBKS) Chow Kit diwujudkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyediakan perkhidmatan sosial dan kebajikan kepada kumpulan terpinggir termasuk mereka yang menghidap HIV/AIDS, pekerja seks dan Mak Nyah. PBKS beroperasi mulai Ogos 2007 dan diharapkan dapat menjadi focal point bagi membantu golongan sasar. Yayasan Pink Triangle (YPT) merupakan pihak pengurusan yang bertanggungjawab terhadap operasi pusat ini.

PBKS Chow Kit menyediakan tiga bentuk perkhidmatan utama iaitu:

i) Pusat Persinggahan (Drop-in Centre)

Klien disediakan dengan ruang selamat jauh dari diskriminasi, penindasan serta gangguan. Klien akan diberi perkhidmatan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan yang asas. Selain itu, klien juga diberi maklumat dan pendidikan terutama mengenai HIV/AIDS melalui sesi dialog, forum, bengkel dan seminar.

ii) Jangkauan / Temu Seru (Outreach)

Program outreach adalah bertujuan untuk bertemu dengan klien yang tidak datang ke Pusat Singgahan tetapi masih memerlukan sokongan dan bantuan serta memberi penerangan mengenai langkah-langkah menghindari HIV/AIDS. Perkhidmatan bantuan sokongan ini lebih tertumpu kepada pekerja-pekerja seks di lorong-lorong, rumah pelacuran dan hotel-hotel. Klien akan diberi 'safe sex kit' yang mengandungi 2 unit kondom, 1 paket lubricants dan set maklumat mengenai HIV/AIDS dan pengamalan seks yang selamat.

iii) Kaunseling serta khidmat nasihat termasuk sesi informasi.

Klien akan dibantu atau dirujuk untuk mendapatkan sebarang perkhidmatan yang diperlukan dari mana-mana agensi yang berkaitan. Bagi yang memerlukan bantuan kewangan, mereka akan dirujuk ke Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Jabatan Agama Islam. Bagi yang memerlukan rawatan pula, pekerja-pekerja *outreach* akan membantu klien pergi ke hospital. Perkhidmatan pusat ini menekankan kepada aspek pendidikan, pencegahan, rawatan, penjagaan dan bantuan khidmat sokongan sosial kepada kumpulan sasar. Pusat ini juga dijadikan sebagai rujukan kepada pelbagai agensi Kerajaan yang lain dan juga pusat pengajian tinggi.

KPWKM menyediakan peruntukan sebanyak RM760,956.00 setahun untuk mengendalikan pusat ini.



Sesi Kaunseling



Bertemu pelanggan PBKS

Kuala Lumpur Krash Pad (KLKP)

Kuala Lumpur Krash Pad ditubuhkan berfungsi sebagai pusat perlindungan kepada remaja berumur di antara 13 hingga 21 tahun bagi mengelakkan penglibatan dalam aktiviti berisiko tinggi. Penubuhan dan pengurusan Kuala Lumpur Krash Pad adalah berkonsepkan kerjasama bestari di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yayasan Salam Malaysia dan sektor-sektor swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Program-program yang akan dijalankan di pusat aktiviti adalah seperti program pantry, perkhidmatan kesihatan, program kaunseling dan pendidikan dan latihan/aktiviti vokasional.

KPWKM menyediakan peruntukan sebanyak RM378,192.00 setahun kepada pihak Yayasan Salam Malaysia untuk mengendalikan projek ini selama 3 tahun.



Lawatan YB Menteri ke KLKP



Persembahan Peserta KLKP

Pelan Strategik HIV/AIDS KPWKM Tahun 2009

Pelan Strategik HIV/AIDS KPWKM telah melaksanakan 22 program bagi tahun 2009 yang dijalankan oleh agensi Kementerian. Kementerian Kesihatan telah meluluskan peruntukan di bawah Pelan Strategik Kebangsaan HIV/AIDS sebanyak RM598,000.00 untuk pelaksanaan program-program tersebut.

Program Perlindungan HIV/AIDS untuk 7 NGO

Kementerian Kesihatan telah meluluskan peruntukan di bawah National Strategik Pelan HIV/AIDS sebanyak RM2 juta telah diagihkan kepada 15 buah rumah perlindungan HIV/AIDS. Majlis AIDS Malaysia (MAM) telah dilantik sebagai pihak yang akan memantau dan menguruskan agihan dana bantuan kepada rumah perlindungan ini.

Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 5 rumah perlindungan telah dipantau oleh KPWKM dari segi pengurusan dan operasi pusat tersebut.



Rumah Perlindungan HIV/AIDS di Batu Arang



Rumah Perlindungan HIV/AIDS DIC di Pahang

Perancangan Bahagian DSN Tahun 2010

Di samping program-program yang telah dilaksanakan, beberapa penambahbaikan kepada program-program akan dilaksanakan pada tahun 2010 seperti berikut:

- i. Program Intervensi Sosial yang melibatkan kerjasama kementerian yang berkaitan bagi mengadakan program kerjasama latihan kemahiran kepada peserta Kuala Lumpur Krash Pad.
- ii. Pelaksanaan Fasa kedua Program Pembangunan Kejiranan Lestari di Johor Bahru.
- iii. Program pembiayaan 19 buah Pusat Jagaan HIV/AIDS. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama bestari dengan Majlis Aids Malaysia untuk menyediakan tempat tinggal bagi pesakit HIV/AIDS yang terpinggir terutamanya golongan kanak-kanak serta wanita.
- iv. Pembangunan Pelan Integriti Nasional (PIN) Kementerian bertujuan untuk mencapai sasaran ke-4 PIN iaitu Memantapkan institusi keluarga dan komuniti dengan mewujudkan Jawatankuasa PIN peringkat Kementerian dan membangunkan program dengan kerjasama agensi Kementerian.
- v. Mewujudkan rumah perlindungan HIV/AIDS untuk Muslim.
- vi. Penyediaan kertas cadangan pelaksanaan *Task Force* HIV/AIDS peringkat Kementerian.
- vii. Merancang dan menyelaras pembangunan pelan Strategik HIV/AIDS untuk Kementerian.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Selain dari memastikan pelaksanaan pendirian dan dasar sosio-budaya negara dapat diketengahkan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) berperanan dalam menentukan pendirian dan dasar tersebut dapat diketengah dan diambilkira dalam segala penggubalan dasar atau pelan tindakan di peringkat antarabangsa. Dalam memenuhi komitmen Kerajaan, KPWK telah menyelaraskan hubungan dengan pihak antarabangsa di peringkat pelbagai hala, serantau dan dua hala bagi menentukan komitmen Kerajaan dipenuhi.

Dalam hubungan itu, Bahagian Hubungan Antarabangsa merupakan bahagian di bawah Sektor Dasar yang bertanggungjawab menyelaraskan hubungan di antara KPWK dan pihak antarabangsa. Bahagian ini mengandungi tiga unit utama iaitu Unit Pelbagai Hala, Unit Serantau dan Unit ASEAN dan Dua Hala.

KEANGGOTAAN DAN KOMITMEN KPWK DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Peringkat Pelbagai Hala

- Commission on the Status of Women (CSW)
- Convention on the Elimination of Violence Against Women (CEDAW)
- Convention on the Rights of the Child (CRC)
- Convention on Protection of Rights and Dignity of Persons With Disabilities (CRPD),
- UN Commission on Human Rights Council (HRC)
- Commission on Population and Development (CPD)
- Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM)- Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial
- UNESCO Management of Social Transformation (MOST)
- Global Summit for Women (GSW)
- United Nation Economic and Social Commission for ASIA and the Pacific (UNESCAP)

Peringkat Serantau

- Commonwealth Women's Affairs Ministers Meeting (WAMM)
- Organization of Islamic Conference (OIC) Ministerial Conference on Women's Role in the Development of OIC Member States
- OIC Islamic Conference of Ministers in Charge of the Child
- Non Aligned Movement (NAM) on the Advancement of Women

- East Asia Ministerial Forum on Families (EAMFF)
- East Asia Gender Equality Ministerial Meeting
- East Asia and Pacific Ministerial Consultation on Children
- China - ASEAN High Level Women's Forum
- APEC Gender Focal Point Network Meeting (GFPN)
- APEC Women Leaders Network (WLN)

Peringkat ASEAN

- ASEAN Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (AMMSWD)
- ASEAN Committee on Women (ACW)
- ASEAN Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD)
- ASEAN +3, ASEAN Dialogue Partners
- ASEAN Government (GO)-NGO Forum
- ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR)
- ASEAN Commission For the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC)

Kerjasama Dua Hala

- Memorandum Persefahaman Malaysia-Iran dalam Bidang Wanita dan Keluarga
- Memorandum Persefahaman Malaysia-Indonesia dalam Bidang Pemerkasaan Wanita dan Keluarga
- Memorandum Persefahaman Malaysia-Mesir dalam Kerjasama Sosial

PROGRAM DAN PENCAPAIAN TAHUN 2009

UNIT PELBAGAI HALA

1) Sesi ke-4 Universal Periodic Review (UPR), Human Rights Council, Geneva, 11 – 13 Februari 2009

Ketua Setiausaha KPWK M telah mengetuai delegasi negara untuk membentangkan Laporan Hak Asasi Manusia Negara pada sesi ke-4 UPR. Pembentangan laporan tersebut telah melengkapkan kitaran yang pertama bagi proses penilaian hak asasi manusia Negara, seterusnya memenuhi obligasi dan komitmen Negara terhadap hak asasi manusia.

2) Mesyuarat Sesi ke-53 Suruhanjaya Mengenai Taraf Wanita (CSW), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York, 2 – 13 Mac 2009

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh mantan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menghadiri mesyuarat ini yang bertemakan *“The equal sharing of responsibilities between women and men, including care giving in the context of HIV/AIDS”*. Mesyuarat telah membincangkan isu perkongsian tanggungjawab secara saksama antara lelaki dan wanita termasuk penjagaan dalam konteks HIV/AIDS, penyertaan yang saksama antara lelaki dan wanita dalam proses membuat keputusan serta krisis kewangan dari perpektif gender.

3) Mesyuarat Sesi ke-42 Suruhanjaya Mengenai Populasi dan Kependudukan (CPD), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), New York, 30 Mac – 3 April 2009

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah LPPKN selaku ketua delegasi. Mesyuarat yang bertemakan *“The contribution of the Programme of Action of the International Conference on Population and Development to the internationally agreed development goals, including the Millennium Development Goals”* bertujuan untuk melaporkan pelaksanaan Pelan Tindakan Persidangan Antarabangsa Mengenai Penduduk dan Pembangunan (ICPD-PoA) serta pencapaian matlamat pembangunan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa termasuk *Millennium Development Goals (MDGs)* oleh negara-negara anggota.



Gambar 1: YBhg Dato' Aminah Abdul Rahman selaku ketua delegasi sedang menyampaikan kenyataan negara.



Gambar 1: Mantan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ketika mengikuti sesi Bengkel Family Enrichment Program

4) Lawatan Kerja YB Menteri ke Brigham Young University, Utah, 6 – 10 Mac 2009

Mantan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengetuai delegasi Malaysia ke *Brigham Young University (BYU)* untuk meninjau dan meneliti program pengukuhan keluarga yang telah berjaya dilaksanakan oleh pihak BYU berdasarkan modul Family Enrichment Program (FEP).

5) Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial (JKTSS), Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), 11 September 2009

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial (JKTSS) yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk TKSU (D) telah diadakan pada 11 September 2009. YBhg. Tan Sri KSU telah menghadiri Mesyuarat Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) yang telah dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 15 September 2009.

6) Bengkel Penubuhan Jawatankuasa Bioetika Kebangsaan (NBC), Petaling Jaya, 19 Jun 2009

Bengkel ini telah dianjurkan oleh KPWK dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dan Universiti Malaya pada 19 Jun 2009 bertempat di Hotel Eastin, Petaling Jaya. Matlamat penganjuran bengkel ini adalah untuk mendedahkan kepada para peserta mengenai konsep dan isu bioetika sebagai input kepada rangka kerja

dan terma rujukan bagi cadangan penubuhan Jawatankuasa Bioetika Kebangsaan. Hasil bengkel telah memutuskan bahawa satu Jawatankuasa Pemandu di bawah MOSTI ditubuhkan untuk meneliti dan menentukan pembentukan satu Suruhanjaya Bioetika Kebangsaan.



Gambar 1: YBhg. Datuk TKSU (D) ketika menjadi Moderator kepada Sesi Perbincangan Interaktif Meja Bulat UNIT SERANTAU

1) The 1st Arab Women Leadership Forum, Dubai, UAE, 13 - 14 Januari 2009

Forum ini telah dihadiri oleh mantan YB Menteri, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen di mana beliau telah menjadi salah seorang ahli panel bagi sesi bertajuk, *"Leadership and Organisational Change: Fostering Women's Leadership in Organisations"*. Mantan YB Menteri telah memberi fokus perbincangan kepada aspek kepimpinan yang dapat dipupuk dalam persekitaran organisasi dan dasar-dasar awam di Malaysia yang dibentuk untuk memupuk kepimpinan di kalangan wanita.

Gambar 1: YB Menteri sedang membuat pembentangan mengenai *"Leadership and Organisational Change: Fostering Women's Leadership in Organisations"*



Gambar 1: YB Menteri bersama Presiden Guatemala dan Wanita Pertama Republik Guatemala.

2) 2nd NAM Ministerial Conference, Guatemala City, Guatemala, 23 - 24 Januari 2009

Persidangan ini telah dihadiri oleh mantan YB Menteri, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen dengan tema *"Towards The Millenium Development Goals"*. Di persidangan tersebut, beliau telah melaporkan penubuhan Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW) pada tahun 2006 dan program-program yang telah dilaksanakan. Selain itu, beliau turut mempengerusikan satu sesi Perbincangan Meja Bulat Peringkat Menteri mengenai Kesihatan yang telah menumpukan perbincangan kepada isu-isu kesihatan, terutamanya yang berkaitan dengan MDGs. Di akhir seminar tersebut, Deklarasi dan Pelan Tindakan Guatemala telah dihasilkan.

3) 3rd East Asia Gender Equality Ministerial Meeting, Seoul, Republik Korea, 24 - 26 Jun 2009

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh YB Timbalan Menteri bersama seorang pegawai kanan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Mesyuarat yang bertemakan “Krisis Ekonomi dan Wanita” ini telah menghasilkan Kenyataan Bersama Seoul. Selain itu, beliau turut menjadi salah seorang panel bagi sesi bertajuk “Keganasan Terhadap Wanita” dan memaklumkan tentang langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah keganasan terhadap wanita di bawah Akta Perlindungan dan mekanisma sokongan kepada mangsa sokongan.

4) First Ladies Summit, XV Summit Of The Non-Aligned Movement (NAM), Sharm El-Sheikh, Republik Mesir, 15 – 16 Julai 2009

Sidang Kemuncak Wanita yang pertama kali diadakan ini telah diketuai oleh YABhg. Isteri Perdana Menteri dengan diiringi oleh YB Menteri. Di sidang kemuncak tersebut, YABhg. Isteri Perdana Menteri telah menyampaikan kenyataan intervensi mengenai peranan penting yang dimainkan oleh Wanita Pertama dalam pembangunan negara, masalah HIV/AIDS dan isu perdagangan wanita dan kanak-kanak. Selain itu, YB Menteri telah memberi taklimat mengenai Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW) dan turut mencadangkan penubuhan pejabat serantau bagi rantau Amerika Latin dan Caribbean, Afrika dan Timur Tengah serta Asia Selatan bagi mempercepatkan usaha pemerkasaan wanita di negara anggota NAM.

5) Forum Dalam Kepimpinan, Dubai, Emiriah Arab Bersatu, 25-27 Oktober 2009

YABhg. Isteri Perdana Menteri telah mengetuai delegasi Negara yang terdiri daripada YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Timbalan Menteri Sumber Manusia serta lima orang isteri pemimpin-pemimpin negara ke forum ini. Di forum tersebut, beliau telah menyampaikan

ucap tawar bertajuk, “*Women in Leadership*” dan beliau turut menyarankan agar kaum wanita bekerjasama dalam mengetengahkan isu kepimpinan wanita di peringkat nasional dan antarabangsa.

UNIT ASEAN DAN DUA HALA

ASEAN

1) Mesyuarat Persediaan Kumpulan Kerja untuk ACWC, Manila, Filipina, 29-30 April 2009

KPWKM telah menyertai Mesyuarat Persediaan ini di mana rundingan awal di dalam penyediaan draf Terma Rujukan (TOR) ACWC dan juga keperluan-keperluan substantif untuk tindakan lanjut Kumpulan Kerja ACWC ini. Mesyuarat ini bagi membincangkan cadangan penubuhan *ASEAN Commission For the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children* (ACWC) dan keperluan mengadakan Mesyuarat Kumpulan Kerja secara berkala.



Gambar 1: Wakil Kumpulan Kerja ACWC setiap Negara Anggota bersama-sama dengan Pengerusi SOMSWD, Pengerusi ACW dan pegawai daripada Sekretariat ASEAN.



Gambar 1: Wakil Kumpulan Kerja ACWC setiap Negara Anggota bersama-sama dengan Pengerusi SOMSWD, Pengerusi ACW dan pegawai daripada Sekretariat ASEAN.

2) Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja ACWC, Hanoi, Viet Nam, 10-12 Jun 2009

KPWKM telah menyertai Mesyuarat Pertama ini di mana pendirian dan pandangan Negara telah dibentangkan di dalam penyediaan draf TOR ACWC. Mesyuarat ini telah memperhalusi cadangan penubuhan badan tersebut dengan membangkitkan isu-isu berkaitan yang memberi kesan kepada hak pembangunan wanita dan perlindungan kanak-kanak.

3) Mesyuarat Ke-14 APEC Women Leaders' Network (WLN), Singapura, 4 -5 Ogos 2009

YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan delegasi telah menghadiri mesyuarat ini yang merupakan platform bagi para peserta yang terdiri daripada pemimpin/pegawai kanan daripada pelbagai latar belakang perniagaan, ahli akademik, kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha menggalak dan mempromosi penglibatan wanita dalam sektor ekonomi. Mesyuarat ini juga membolehkan para pemimpin wanita berkongsi kejayaan mereka dan juga mewujudkan *Business Networking* yang kukuh bersama semua peserta dari 21 negara anggota ekonomi APEC.



Gambar 1: Para pemimpin APEC bersama-sama Perdana Menteri Singapura semasa majlis pelancaran APEC WLN.

4) Mesyuarat Ke-2 Kumpulan Kerja ACWC, Bangkok, Thailand, 17-19 Ogos 2009

KPWKM telah menyertai Mesyuarat Ke-2 ini di mana pendirian dan pandangan Negara telah dibentang dan diperhalusi di dalam penyediaan draf TOR ACWC. TOR tersebut telah dikemaskini serta lebih terperinci di dalam membincangkan isu-isu berkaitan yang memberi kesan kepada hak pembangunan wanita dan perlindungan kanak-kanak.

5) Mesyuarat Khas Kumpulan Kerja ACWC dengan ACW dan SOMSWD, Bangkok, Thailand, 1-2 Oktober 2009

KPWKM telah menyertai Mesyuarat Khas ini di mana TOR ACWC telah dimuktamadkan dan semua Negara Anggota ASEAN telah bersetuju untuk ACWC ditubuhkan secara rasmi pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-16 di Ha Noi, Viet Nam pada tahun 2010.

6) Mesyuarat Ke-8 ASEAN Committee on Women (ACW), Brunei, 2-4 November 2009

Perwakilan KPWK di Mesyuarat tersebut telah meneliti draf Pelan Induk Sosio Komuniti Budaya ASEAN, membincangkan aspek mekanisme penubuhan *ASEAN Commission For the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children* serta program dan aktiviti kerjasama antara negara-negara ASEAN dengan Negara Jepun, Korea dan China dalam meningkatkan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang di peringkat serantau.

7) Mesyuarat Ke-5 Roundtable Discussion ASEAN Human Rights System, Bangkok, Thailand, 15-16 Disember 2009

Penyertaan KPWK bersama dengan negara-negara ASEAN dalam rundingan meja bulat ini telah menyentuh hal-hal berkaitan hak asasi manusia di rantau ASEAN melalui mekanisme yang digariskan dalam Vientiane Action Programme (VAP). Juga bagi membincangkan cadangan penubuhan *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children*. Rundingan Meja Bulat ini telah memperhalusi cadangan penubuhan badan tersebut

dengan membangkitkan isu-isu berkaitan yang memberi kesan kepada hak pembangunan wanita dan perlindungan kanak-kanak.

8) Forum Pemimpin Wanita ASEAN, Singapura, 15 Disember 2009

Y.B. Menteri PWKM dan delegasi telah menghadiri Forum yang bertemakan “*Expanding Possibilities, Scaling New Heights*” telah memberi fokus memperkukuhkan kerjasama antara pemimpin wanita, para usahawan wanita serta pengurus wanita di peringkat rantau ASEAN. Forum ini antara lain bertujuan menyorot kembali pencapaian dan kejayaan kaum wanita di pelbagai bidang termasuklah kerajaan, perniagaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan ahli akademik.

DUA HALA

1) Kunjungan Hormat oleh Menteri Perdagangan Luar Emiriah Arab Bersatu (UAE), P.Y.T Sheikh Lubna Al-Qassmi ke atas Y.B. Menteri pada 10 November 2009.

Kehadiran P.Y.T Sheikh Lubna Al-Qassmi ke Malaysia untuk menghadiri International Trade Malaysia 2009 (INTRADE), membuka peluang kepada Kementerian untuk bertemu dan berbincang dengan beliau mengenai peluang-peluang perniagaan khususnya di antara kaum wanita di Malaysia dan UAE. Oleh yang demikian perbincangan dua hala ini diharap dapat membuka lembaran baru di antara wanita di Malaysia dan UAE dalam berkongsi amalan terbaik dan pertukaran kepakaran di dalam bidang-bidang yang berkaitan.

Gambar 1: YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyampaikan cenderahati kepada P.Y.T Sheikh Lubna Al Qassmi, Menteri Perdagangan Luar Emiriah Arab Bersatu (UAE)



Gambar 1: P.Y.T Melanne Verveer, U.S Ambassador-at-Large for Global Women's Issues menandatangani buku tetamu Kementerian.

2) Perbincangan Dua Hala antara U.S. Ambassador-At-Large for Global Women's Issues, P.Y.T. Melanne Verveer dengan Y.B. Menteri pada 4 Disember 2009.

Pihak KPWK M telah menerima kunjungan hormat delegasi Amerika Syarikat yang diketuai oleh P.Y.T Melanne Verveer, U.S *Ambassador-at-Large for Global Women's Issues*. Kunjungan hormat ini adalah untuk menunaikan hasrat P.Y.T Verveer untuk bertemu dengan YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membincangkan isu-isu berkenaan perdagangan manusia, khasnya wanita, yang merupakan isu yang serius bukan sahaja bagi negara Amerika Syarikat dan Malaysia, tetapi juga di negara-negara lain di seluruh dunia.

3) Kunjungan Hormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kementerian Pentadbiran Tempatan Republik Yemen kepada Y.B. Timbalan Menteri pada 20 November 2009.

Perbincangan dua hala di antara Malaysia dan Yemen ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan aspek pemerkasaan wanita. Pihak Yemen melalui P.Y.T Sheikh Lubna Al-Qassmi menyuarakan hasrat mereka untuk mempelajari amalan terbaik Malaysia dari segi pembangunan bidang wanita dan usaha-usaha yang telah dijalankan dalam meningkatkan penglibatan wanita di dalam Kerajaan, NGO dan sebagainya.

4) Lain-Lain Lawatan

Lawatan-lawatan lain yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009 ialah:

- i) Kunjungan hormat dari Ministry of Population Welfare, Pakistan ke atas Y.Bhg. Datuk KSU, 24 Februari 2009
- ii) Kunjungan hormat dari The Vietnam Tripartite Team ke atas Y.B. Menteri, 26 Februari 2009
- iii) Lawatan kerja oleh delegasi The Lao Women's Union berkenaan gender budgeting, 15 hingga 20 Mac 2009
- iv) Lawatan kerja oleh delegasi Kerajaan Bangladesh berkenaan gender mainstreaming, 13 hingga 14 April dan 11 hingga 12 Mei 2009
- v) Lawatan kerja oleh delegasi Parti Tindakan Rakyat (PAP) Singapura, 24 Julai 2009
- vi) Lawatan kerja oleh Ministry of Education, Youth and Sports, Cambodia berkenaan gender-responsive budgeting, 24 Julai 2009



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sepanjang tahun 2009, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) telah menguruskan aktiviti sumber manusia bagi 8270 personel di Kementerian serta Jabatan/Agensi termasuklah urusan pengambilan, pengesahan jawatan, pertukaran, urusan persaraan, kenaikan pangkat, latihan dan pengiktirafan.

Ringkasan perjawatan di Kementerian serta Jabatan/Agensi di bawahnya sehingga 31 Disember 2009 adalah seperti di Jadual 1.

JADUAL 01

Kedudukan Perjawatan Sehingga 31 Disember 2009

Perjawatan	KPWKM	JPW	ISM	NIEW	JKMM	JPOKU	LPPKN	JUMLAH
Pengurusan Tertinggi	4	1	0	0	3	0	1	9
Pengurusan & Profesional	125	51	28	13	508	34	185	944
Sokongan 1	135	101	42	16	3769	224	812	5099
Sokongan 2	37	56	37	4	1449	409	226	2218
Jumlah Perjawatan	281	209	107	33	5729	667	1224	8270
Jumlah Pengisian	266	191	95	31	5347	625	994	7549
Jumlah Kekosongan	35	18	12	2	382	42	230	721

PENCAPAIAN TAHUN 2009

a. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan sebahagian usaha yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menginstitusikan budaya kerja cemerlang di kalangan penjawat awam. Dengan itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut mengambil inisiatif untuk meraikan warga KPWKM yang memberikan hasil dan kualiti kerja cemerlang. Pada tahun 2009, seramai 547 orang warga KPWKM telah diraikan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan pada 2 Jun 2009.

b. Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat Persekutuan dan Negeri

Penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat Persekutuan dan Negeri merupakan mekanisme pengiktirafan terhadap sumbangan dan jasa penjawat awam kepada negara dan perkhidmatan awam khususnya. Pada tahun 2009, pengiktirafan diberikan kepada YBhg. Tan Sri Faizah Mohd. Tahir, Ketua Setiausaha KPWKM yang dikurniakan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong sempena Hari Keputeraan Baginda Tahun 2009. Di samping itu, beberapa pegawai kanan KPWKM turut menerima anugerah darjah, antaranya YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim dikurniakan Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja Perlis dan Allahyarham YBhg. Dato' Harriith A. Karim, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) oleh DYMM Sultan Pahang.

c. HRMIS

Dalam aspek pelaksanaan HRMIS, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil 1 Tahun 2009 pada 2 Mac 2009 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ismail Adam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia telah bersetuju supaya ia turut dijadikan sebagai KPI Ketua-Ketua Jabatan Sektor Awam termasuklah Ketua Setiausaha Kementerian-Kementerian.

Buat permulaan, penilaian KPI HRMIS bagi tahun 2009 telah difokuskan kepada tiga kriteria iaitu status pelaksanaan mesyuarat jawatankuasa HRMIS, status pengemaskinian rekod peribadi dan status pengemaskinian maklumat profil perkhidmatan kakitangan.

Pengemaskinian maklumat Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan diberi penekanan dalam KPI HRMIS 2009 kerana ia adalah maklumat asas yang merupakan prasyarat sebelum modul dan submodul lain dalam aplikasi HRMIS dapat dilaksanakan. Ketepatan maklumat ini dengan status terkini bagi semua pegawai dalam sektor awam akan membolehkan agensi melaksanakan keseluruhan modul dan submodul HRMIS. Pengemaskinian data peribadi pegawai dan kakitangan di Kementerian dalam HRMIS telah mencapai 97.86% manakala untuk profil perkhidmatan ialah 98.35%. Sepanjang Tahun 2009, Kementerian telah menjalankan beberapa modul tambahan iaitu Modul Pengurusan Cuti dan Modul Pengisytiharan Harta.

d. Pengurusan Program Latihan

Bagi meningkatkan kualiti sikap, pengetahuan dan kemahiran anggota Kementerian, pelbagai program latihan dalam dan luar negara telah dihadiri. Sepanjang tahun 2009, seramai 3,785 anggota Kementerian/Jabatan/Agensi telah menghadiri program latihan seperti yang berikut:

JADUAL 02

Jenis Latihan dan Bilangan Anggota dan Jenis Latihan yang
Dihadiri Tahun 2009

Bil.	Program	Program	Bilangan Program
1.	Kursus/Ceramah/Bengkel Dalam	2,123	49
2.	Kursus Induksi Khusus dan Umum	1,494	14
3.	Kursus Anjuran Jabatan/Agensi	129	42
4.	Kursus Anjuran Swasta	28	18
5.	Kursus/Seminar Luar Negara	11	7
	JUMLAH	3,785	130



Gambar 2 : Kursus Train-the-Trainer



Gambar 1 : Para Peserta Kursus Kecemerlangan Kerja Berpasukan Semasa Penghujung Kursus

e. Kursus Jangka Panjang

Kementerian sentiasa menggalakkan semua anggota menimba ilmu pengetahuan dan meningkatkan taraf pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan taraf serta kualiti hidup. Pada tahun 2009, seramai 8 anggota Kementerian/Jabatan/Agensi telah berjaya memohon untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana.

f. Peperiksaan Perkhidmatan

Kementerian telah menjalankan Peperiksaan Perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan. Seramai 46 anggota Gred N17 dan Gred W17 telah menghadiri Ujian Menaip, Trengkas dan ISAC.

g. Penilaian Tahap Kecekapan (Ptk)

Kementerian telah melaksanakan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Tahap Kecekapan 1 dan 2 bagi anggota Kumpulan Sokongan II pada 25 hingga 27 Mei 2009. Seramai 35 anggota dari Kementerian, Jabatan Pembangunan Wanita dan Institut Sosial Malaysia telah mengambil PTK seperti jadual berikut:

JADUAL 03

Bilangan Anggota Yang Mengambil PTK Mengikut Jawatan

Bil.	JAWATAN	Tahap Kecekapan (TK)	Bilangan Calon
1.	Pembantu Am Pejabat, Gred N1	1 & 2	55
2.	Pekerja Awam, Gred R1	1 & 2	8
3.	Pemandu Kenderaan, Gred R3	1 & 2	12
	JUMLAH		35

Calon yang berjaya mendapat Aras III ialah seramai 16 orang dan Aras IV ialah seramai 18 orang.

JADUAL 04

Bilangan Calon Mengikut Agensi

Bil.	JAWATAN	Tempat Bertugas			Bilangan Calon
		Kementerian	JPW	ISM	
1.	Pembantu Am Pejabat, Gred N1	7	4	4	15
2.	Pekerja Awam, Gred R1	0	0	8	8
3.	Pemandu Kenderaan, Gred R3	4	5	3	12
	JUMLAH	11	9	15	35

h. Rekod Kehadiran Latihan Tahun 2009

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, semua anggota perlu memenuhi keperluan berkursus sekurang-kurang 7 hari setahun. Sehubungan dengan itu, usaha ke arah pencapaian tersebut sentiasa giat dilakukan. Pada tahun 2009, peratus pencapaian kehadiran kursus bagi anggota Kementerian adalah seperti yang berikut:

JADUAL 05

Peratus Kehadiran Latihan Tahun 2009

Bilangan Hari Berkursus	Bilangan Anggota Yang Telah Menghadiri Latihan	Peratus Kehadiran (%)
7 hari atau lebih	229	93.09
6 hari	5	2.03
5 hari	6	2.44
4 hari	3	1.22
3 hari	3	1.22
2 hari	0	0
1 hari	0	0
0 hari	0	0
JUMLAH	246	100

i. Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari

Pada tahun 2009, sebanyak 10 siri Executive Talk/Ceramah Nilai Murni dan 6 siri Kursus Bina Insan telah dilaksanakan di bawah pelaksanaan Pendekatan Islan Hadhari, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Program-program ini bukan sahaja dihadiri oleh anggota Kementerian, tetapi juga dihadiri oleh anggota Jabatan/Agensi di bawah Kementerian.

j. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Selaras dengan objektif penubuhan MBJ, satu Konvensyen MBJ telah diadakan pada 27 dan 28 April 2009 bertempat di Auditorium, Institut Sosial Malaysia yang dirasmikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Mohammed Fadzil Che Din. Konvensyen ini dianjurkan oleh Urusetia MBJ KPKWM dengan kerjasama semua Urusetia MBJ di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi di bawah Kementerian ini. Konvensyen yang diadakan setiap tiga tahun dan melibatkan semua Jabatan/Agensi di bawah Kementerian di Ibu Pejabat dan Negeri dengan kehadiran seramai 161 orang peserta.

Konvensyen ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara pegawai-pegawai dari Kementerian, agensi-agensi di bawah Kementerian dan pegawai-pegawai Kementerian yang bertugas di peringkat negeri. Di samping itu, konvensyen ini juga akan menjadi satu platform untuk perkongsian maklumat dan pendapat serta memastikan kebajikan pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Jabatan/Agensi terpelihara. Beberapa sesi taklimat telah diadakan dengan menjemput penceramah dari Bahagian Saraan (JPA), Bahagian Permodalan Modal Insan (JPA), Institut Intergriti Malaysia (IIM), dan CUEPACS bagi menyampaikan taklimat semasa konvensyen tersebut.

k. Laman Web Program Pengupayaan Kendiri

Kementerian melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mewujudkan laman web Program Pengupayaan Kendiri (Laman web PPK) untuk manfaat semua warga Kementerian termasuk agensi-agensi dibawahnya sesuai dengan konsep maklumat di hujung jari. Pewujudan laman web PPK telah meletakkan Kementerian selangkah ke hadapan dalam aspek pengurusan sumber manusia berbanding agensi-agensi lain dalam perkhidmatan awam. Laman web ini telah dimuat naik pada 17 November 2009 dan boleh dicapai melalui portal laman web Kementerian atau www.kpwkm.gov.my/ppk.

Laman web PPK diwujudkan bertujuan untuk mengenalpasti, meneroka dan membangunkan potensi pegawai supaya berdaya maju, sihat mental dan fizikal serta berprestasi tinggi. Selain itu, ia juga turut berperanan sebagai medium kepada warga Kementerian untuk berkongsi idea, melahirkan perasaan serta mendapatkan bimbingan, khidmat nasihat, dorongan dan sokongan dalam melaksanakan tugas atau menjalani kehidupan seharian.

Laman web PPK mengandungi tiga paparan utama iaitu Program Pementoran, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan Program Kaunseling. Selain itu juga, laman web ini mengandungi maklumat lain seperti kalendar latihan tahun semasa, Buletin PPK, galeri, program/aktiviti dan mutiara kata.



Laman Web PPK

I. Buletin Program Pengupayaan Kendiri (Buletin PPK)

Pada 5 Oktober 2009, Kementerian telah meluluskan penerbitan Buletin Program Pengupayaan Kendiri (Buletin PPK) yang merupakan aktiviti sokongan kepada laman web PPK. Buletin PPK diterbitkan 4 kali setahun. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian telah menerbitkan edisi pertama Buletin PPK pada 15 Oktober 2009.

m. Pementoran

Pada tahun 2009, Kementerian telah melantik 9 mentor dan 9 menti iaitu 3 mentor di Kementerian, 4 mentor di LPPKN, dan masing-masing seorang mentor di ISM dan NIEW. Perhubungan mentor-menti telah pun tamat pada 28 Disember 2009. Pelaksanaan Program Pementoran di Kementerian dan agensi di bawahnya dipantau oleh Jawatankuasa Program Pengupayaan Kendiri (JKPPK) yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).

n. AKRAB

Sehingga 31 Disember 2009, Kementerian memiliki 39 Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB). Sepanjang tahun 2009, AKRAB telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti bengkel pemantapan AKRAB, memperkenalkan pegawai baru di setiap Bahagian/Unit, menyediakan input AKRAB kepada BULETIN PPK dan Laman Web PPK, Kementerian, mewujudkan *yahoo group* di kalangan ahli AKRAB dan urus setia bersama Forum Maal Hijrah 1430H.




Gambar 4 : Bengkel Pemantapan AKRAB 2009




Gambar 3 : Program Pementoran : Mentor dan Menti



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*



KHIDMAT PENGURUSAN



Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab menyediakan serta memberikan perkhidmatan sokongan yang diperlukan ke arah mencapai visi dan misi Kementerian. Bagi memenuhi objektif dan melaksanakan tanggungjawab tersebut, Bahagian Khidmat Pengurusan dibahagikan kepada 4 unit iaitu;

1.1 Unit penyelarasan dan keurusetiaan mempunyai 3 unit iaitu Parlimen Kualiti dan Urusetia Majlis-majlis Rasmi. Unit Parlimen berperanan menyelaraskan hal-hal berkaitan Parlimen meliputi pertanyaan-pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, perbincangan dan penggugutan serta pembentangan Rang Undang-undang. Unit kualiti berfungsi untuk menguruskan *Total Quality Management* (TQM) KPWK. Urusetia Majlis-majlis Rasmi berfungsi menyelenggara dan menjadi urusan setia dan majlis-majlis rasmi kerajaan.

1.2 Unit logistik dan pengurusan aset bertanggungjawab mengurus logistik pejabat dan aset alih kerajaan. Selain itu, unit ini turut menyelenggara rekod harta modal, inventori dan alat tulis. Ia juga bertanggungjawab mengurus perancangan pembelian aset dan harta modal, urusan pelupusan dan kehilangan aset alih kerajaan serta mengurus dan menyelenggara perolehan (stor) KPWK.

1.3 Unit keselamatan dan pentadbiran am bertanggungjawab mengurus kebersihan dan keindahan ruang pejabat, keselamatan fizikal dan dokumen, sistem fail dan surat menyurat serta menyelaraskan penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan pejabat serta pengurusan TASKA di tempat kerja.

1.4 Unit pusat sumber berfungsi sebagai pusat rujukan berkaitan data dan maklumat serta menjadi pusat sumber interaktif kepada semua warga dan kumpulan sasaran Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam menyokong pembangunan dan penyelidikan dalam bidang wanita, keluarga dan masyarakat serta membantu ke arah pembudayaan amalan membaca di kalangan warga KPWK.

2. PENCAPAIAN DAN PRESTASI TAHUN 2009

2.1 Unit Penyelarasan Dan Keurusetiaan

2.1.1 Unit Parlimen

Unit Parlimen di Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) KPWK memainkan peranan yang penting dalam menyelaraskan hal-hal berkaitan Parlimen meliputi pertanyaan-pertanyaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, perbincangan dan penggugutan serta pembentangan Rang Undang-undang.

Sepanjang 2009, KPWK telah menerima 203 pertanyaan berkaitan kumpulan-kumpulan sasaran Kementerian serta inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian bagi membantu kebajikan negara. Berikut merupakan jadual pecahan pertanyaan bagi ketiga-tiga mesyuarat sepanjang Tahun 2009.

JADUAL 01

Daripada jumlah 203 pertanyaan, sebanyak 167 merupakan pertanyaan lisan manakala 36 pertanyaan adalah bukan lisan.

	Dewan Rakyat		Dewan Negara		JUMLAH
	Lisan	Bukan Lisan	Lisan	Bukan Lisan	
MESYUARAT PERTAMA	34	8	34	8	60
MESYUARAT KEDUA	33	10	33	10	70
MESYUARAT KETIGA	43	16	43	16	67
JUMLAH	110	34	110	34	203

Carta bar menunjukkan perbezaan pertanyaan yang diterima oleh KPWK pada setiap mesyuarat sepanjang 2009 mengikut pecahan Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi pertanyaan lisan dan bukan lisan. Dalam menyelaraskan semua pertanyaan yang diterima oleh KPWK, Unit Parlimen berperanan memastikan kualiti jawapan yang disediakan oleh Bahagian/Jabatan dan Agensi KPWK terjamin. Untuk itu, proses mendapatkan kelulusan jawapan oleh pengurusan tertinggi KPWK adalah berdasarkan carta aliran kerja yang telah ditetapkan.

Bagi sesi perbahasan dan penggulungan, secara keseluruhan bagi tahun 2009, KPWK telah menerima 159 isu bagi sesi Perbahasan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara meliputi Perbahasan Titah DiRaja, Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2009) Bacaan Kali Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1) 2009, Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2008) Bacaan Kali Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1) 2008 Peringkat Jawatankuasa, Perbahasan Bajet 2010 Di Deringkat Dasar dan Perbahasan Bajet 2010 Di Peringkat Jawatankuasa. Selaras dengan pertambahan komposisi ahli-ahli Dewan daripada pembangkang seramai 85 orang, kebanyakan isu-isu yang dibangkitkan perlu diberikan perhatian secara serius dalam menyediakan maklumbalas bagi setiap isu yang dibangkitkan. Dalam hal ini, fungsi Unit Parlimen adalah menyelaraskan semua maklumbalas yang diterima daripada Bahagian/Jabatan dan Agensi seterusnya mendapatkan kelulusan pengurusan tertinggi KPWK.

Jadual berikut menunjukkan ringkasan jumlah isu bagi sesi perbahasan dan penggulungan mengikut Mesyuarat dan Dewan.

JADUAL 05

Peratus Kehadiran Latihan Tahun 2009

	Dewan Rakyat	Dewan Negara
MESYUARAT PERTAMA (Perbahasan Titah DiRaja)	20	10
MESYUARAT PERTAMA Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2009) Bacaan Kali Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1) 2009	20	-
MESYUARAT PERTAMA Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2008) Bacaan Kali Kedua dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1) 2008 Peringkat Jawatankuasa	10	-
MESYUARAT KEDUA -	-	-
MESYUARAT KETIGA Perbahasan Bajet 2010 Di Deringkat Dasar	40	6
MESYUARAT KETIGA Perbahasan Bajet 2010 Di Peringkat Jawatankuasa	53	-

2.1.2 Unit Kualiti

Unit kualiti berfungsi untuk menguruskan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Pada tahun 2009, unit ini bertanggungjawab menyelaras beberapa mesyuarat dan program;

- Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan dan Pengarah Negeri KPWKM. Pada tahun 2009, Mesyuarat Bil.1/2009 telah diadakan pada 30 Januari hingga 1 Februari 2009 di Hotel Equatorial Bangi.
- Mesyuarat Perancangan Strategik KWPKM Bersama YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 29 hingga 30 Julai 2009 bertempat di Hotel Sunway, Petaling Jaya.
- Konvensyen KMK KPWKM Tahun 2009 telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2009 di Dewan Nur, KPWKM. Konvensyen ini disertai oleh 14 kumpulan daripada semua Bahagian/Jabatan/Agensi Kementerian. Pemenang Konvensyen KMK 2009 adalah Bahagian Kewangan KPWKM.

- iv. Pertandingan Tema Hari Inovasi KPWKM Tahun 2009 telah diadakan bulan Februari hingga Mac 2009. Pemenang pertandingan tersebut telah diumumkan semasa Sambutan Hari Inovasi KPWKM pada 9 November 2009.
- v. Majlis pertandingan Pengucapan Awam Tahun 2009 telah diadakan pada 20 Ogos 2009 di Dewan Nur Aras 1, KPWKM. Pertandingan ini disertai oleh kumpulan Pengurusan dan Profesional & Kumpulan Sokongan 1 & 2 mengikut kategori Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris.
- vi. Sambutan Hari Inovasi 2009 telah berlangsung di Institut Sosial Malaysia (ISM) pada 9 November 2009.



- vii. Pensijilan MS ISO 9001:2008 Penggubalan Dasar Perkhidmatan Sokongan Berkaitan telah diperolehi pada 4 Disember 2009 dan sah sehingga 3 Disember 2012. Pensijilan ini telah dianugerahkan oleh Y.Bhg. Dato' Mariani Mohammad, Pengarah Urusan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 16 Disember 2009 kepada Y.Bhg. Tan Sri Faizah Mohd. Tahir, Ketua Setiausaha KPWKM bertempat di Dewan Besar LPPKN, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur.

2.1.3 Unit Keurusetiaan

Sepanjang Tahun 2009, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan beberapa majlis rasmi di pelbagai peringkat. Antara majlis yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) **Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2009 yang telah diadakan pada 8 Februari 2009 di Dataran Raub dan 12 Februari di Tempat Letak Kereta KPWKM. Ia telah dirasmikan oleh YB Menteri PWKM.**
- b) **Majlis Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2009**

Majlis ini telah diadakan pada 25 Ogos 2009 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dan telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri.



c) Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2009



Majlis ini telah diadakan pada 15 Oktober 2009 di Dewan Nur KPWKM dan telah dirasmikan oleh YB Menteri PWKM.

d) Majlis Perjumpaan/Perhimpunan YB Menteri bersama Warga KPWKM telah diadakan pada 16 April 2009 dan 21 Disember 2009 di Ruang Legar, MTIMA. Majlis telah dirasmikan oleh YB Menteri PWKM.

e) Majlis Lawatan Sekolah-sekolah

- a. Sekolah Menengah Kebangsaan Cherang Ruku, Kelantan pada 22 Jun 2009;
- b. Sekolah Kebangsaan Seri Payong, Terengganu pada 30 Jun 2009;
- c. Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Kedah pada 3 Jul 2009;
- d. PIBG Sekolah Kebangsaan Kg. Tengah, Terengganu pada 24 Jul 2009;
- e. Sekolah Kebangsaan Sg. Puyu, Pulau Pinang pada 21 Okt 2009;
- f. PUSPANITA, Pokok Sena, Kedah pada 30 Okt 2009;
- g. Sekolah Kebangsaan Tunku Putera, Kedah pada 13 Nov 2009;
- h. TABIKA KEMAS Tanjung Musang, Kedah pada 23 Nov 2009;
- i. Biro Hal Ehwal Wanita Seri Manjong, Perak pada 4 Dis 2009; dan
- j. Pertubuhan Generasi Baru Bachok, Kelantan pada 4 Dis 2009

Selain daripada itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga turut menyertai majlis rasmi lain yang dianjurkan oleh Jabatan di bawah Kementerian seperti:

f) Majlis Pelancaran Kad JKsM yang telah diadakan pada 25 Februari 2009 di Arena Square, Teluk Intan, Perak dan telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri.

g) Majlis Perasmian Kompleks Penyayang Alor Gajah, Melaka yang telah berlangsung pada 9 Julai 2009 . Ia telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka.

2.2 Unit Logistik Dan Pengurusan Aset

2.2.1 Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Unit Pengurusan Aset Bahagian Khidmat Pengurusan KPWK ini ditubuhkan untuk memenuhi tanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan KPWK.

Antara tugas dan tanggungjawab Unit Pengurusan Aset ini adalah:

1. Menguruskan semua Aset Alih Kerajaan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan agensi-agensi di bawahnya meliputi:
 - (a) Penerimaan
 - (b) Pendaftaran
 - (c) Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan
 - (d) Penyelenggaraan
 - (e) Pelupusan
 - (f) Kehilangan dan Hapuskira
2. Menguruskan perantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan jawatankuasa Penyiasat.
3. Menjadi Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) peringkat Kementerian.
4. Menguruskan pelupusan Aset Alih Kerajaan.
5. Menguruskan kehilangan dan hapus kira.
6. Menyelaras penyediaan Laporan berikut:
 - (a) Harta Modal dan Inventori
 - (b) Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori
 - (c) Pelupusan Aset Alih Kerajaan; dan
 - (d) Tindakan Surcaj / Tatatertib

2.2.2 Pemeriksaan Aset dan Verifikasi Stok

Sepanjang tahun 2009, Pasukan Pemeriksa Aset dan Pemverifikasi Stok telah berjaya mengadakan Lawatan Pemeriksaan Aset dan Verifikasi Stok di 62 (enam puluh dua) buah pejabat secara keseluruhannya merangkumi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN), Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan 12 Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.



Lawatan Ke Jabatan Pembangunan Wanita Perlis



*Lawatan ke Jabatan
Kebajikan Masyarakat
Negeri Johor*



*Lawatan ke Pejabat
Kebajikan Masyarakat
Jajahan Tumpat,
Kelantan*



*Lawatan ke Desa Bina Diri
Serendah Selangor*

2.2.3 Pelupusan Aset Alih Kerajaan

Unit Pengurusan Aset, Bahagian Khidmat Pengurusan telah memproses lebih kurang 9 permohonan pelupusan Aset Alih Kerajaan daripada Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Bahagian-bahagian KPWKM sepanjang tahun 2009.

2.2.4 Kehilangan dan Hapus Kira Aset Alih Kerajaan

Sepanjang tahun 2009, terdapat lebih kurang 12 kes kehilangan telah berlaku di beberapa Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Laporan Akhir Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-30) bagi kesemua kes kehilangan tersebut telah diurus selaras dengan kehendak Tatacara Pengurusan Aset dan Arahan Perbendaharaan yang berkuatkuasa.

2.2.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (MJPAK)

Bagi tahun 2009, Unit Pengurusan Aset Bahagian Khidmat Pengurusan KPWKM telah mengadakan 4 (empat) kali Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan pada setiap suku tahun iaitu pada tarikh-tarikh seperti berikut:

- i) 20 Mac 2008, Jumaat
- ii) 26 Jun 2008, Jumaat
- iii) 16 September 2008, Rabu
- iv) 9 Disember 2008, Rabu

2.3 Unit Keselamatan Dan Pentadbiran

2.3.1 Menara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

Perancang keperluan ruang pejabat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah bermula pada awal tahun 2003. Kementerian pada masa itu dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK).

Menara KPWK terletak di Lot 4G11 Precinct 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ia mempunyai 39 tingkat setinggi 176m akan menjadi menara tertinggi di Putrajaya kelak. Keluasannya adalah 4693.8 sqm yang boleh menempatkan lebih 1,000

orang pegawai dan kakitangan di 13 Bahagian/Unit dibawah KPWKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Pembangunan Wanita, Klinik Nur LPPKN.


Kemudahan lain yang disediakan adalah 475 ruang letak kereta (3 tingkat bawah tanah), Dewan Serbaguna, Bilik VIP, Ruang legar, Taska/Tadika, Kafeteria, Surau, Perpustakaan, Klinik Nur Sejahtera, dan Gym. Pada masa kini, pembinaan Menara KPWKM berada di tingkat 38 iaitu 54%. Ia dijangka siap pada pertengahan tahun 2011.



Lot 4G11-Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan masyarakat



Kerja Pembinaan Menara KPWKM di Putrajaya



Lokasi bangunan KPWKM 4G11



Pemandangan hari biasa



Pemandangan hari hujan minggu



Pemandangan hari festival minggu

2.4 Pusat Sumber KPWK

Pusat Sumber Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) beroperasi di Aras 1, Blok ‘E’ Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Jalan Dato’ Onn, Kuala Lumpur.

Objektif Pusat Sumber KPWK adalah untuk membangunkan koleksi yang komprehensif dan menyediakan perkhidmatan maklumat dan bahan-bahan mengenai wanita, keluarga dan masyarakat kepada semua warga dan kumpulan sasar Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam menyokong pembangunan dan penyelidikan dalam bidang wanita, keluarga dan masyarakat serta membantu ke arah mewujudkan warga yang membudayakan membaca dalam melaksanakan tugas-tugas harian.

Selaras dengan motto “Keperluan Anda Kami Penuhi”, Pusat Sumber KPWK berhasrat untuk mencapai objektif yang ditetapkan melalui perkhidmatan terasnya iaitu Pinjaman dan Pemulangan; Rujukan Maklumat; WebOPAC InfoNur; KM@Nur (Pengurusan Ilmu); Pempakejan Maklumat; Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP); Pendidikan Pengguna; Bilik Audio Visual; Kemudahan Komputer; dan Kemudahan Reprografi.

Koleksi Pusat Sumber KPWK terdiri dari monograf, terbitan bersiri, audio visual, gambar foto dan keratan akhbar yang berkenaan dengan KPWK dan agensi-agensinya di bawahnya. Koleksi tersebut adalah seperti di Jadual 1.

JADUAL 01

Koleksi Bahan Pusat Sumber KPWK sehingga Dis. 2009

JENIS BAHAN	KUANTITI
Monograf	10,383 naskhah
Audio visual	245 unit
Terbitan bersiri	52 judul
Gambar foto	9,148 keping
Keratan akhbar	29 subjek

2.4.1 Hari Bersama Pelanggan Pusat Sumber KPWK

Hari Bersama Pelanggan Pusat Sumber KPWK telah diadakan pada 8 Julai 2009 di Pusat Sumber KPWK. Melalui program ini telah dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan warga KPWK tentang perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Sumber KPWK.

2.4.2 Program Memasyarakatkan Budaya Membaca

Program ini telah dilaksanakan pada 31 Oktober 2009, di Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz, Durian Daun Melaka. Program Memasyarakatkan Budaya Membaca adalah satu usaha bagi menggalakkan membaca di kalangan warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan dan Agensi, warga institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat serta masyarakat umum.

Program ini berkonsepkan “Gembira & Berilmu”, di mana pengisian aktiviti seperti Bacaan Kegemaran Saya (BKS), *Treasure Hunt*, *Spelling Bee*, *Musical Chair*, Pameran Jualan Buku dan aktiviti-aktiviti lain dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menimbulkan minat membaca dikalangan kanak-kanak di Sekolah Tunas Bakti, Rumah Kanak-kanak dan Sekolah Asrama Akhlak.





*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

PEMBANGUNAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

1 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Bahagian ini bernaung di bawah Sektor Pengurusan KPWK (Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan) dan diterajui oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan (Gred M52). Ianya mewakili 3 unit iaitu :

- a) Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek
- b) Unit Pengurusan Hartanah, Penswastan dan Urusetia
- c) Unit Teknikal (Penubuhan secara *contract for service*).

Bahagian ini telah diluluskan penubuhannya pada 1 Mei 2007 dan dibentuk bagi menguruskan program-program pembangunan sejajar dengan komitmen Kementerian untuk melaksanakan Rancangan Lima Tahun Malaysia dengan lebih efisien dan efektif.

Bahagian ini turut berhubung rapat dengan agensi-agensi pusat yang merupakan ahli tetap kepada Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian. Antara senarai keanggotaan Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- a) Ketua Setiausaha Kementerian (Pengerusi)
- b) Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian
- c) Setiausaha Bahagian Kewangan Kementerian
- d) Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian (Setiausaha)
- e) Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia
- f) Ketua Pengarah Pembangunan Wanita
- g) Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
- h) Pengarah Seksyen Hartanah Persekutuan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- i) Pengarah Cawangan Kerja Bangunan Am, Jabatan Kerja Raya Malaysia.

1.2 OBJEKTIF

Merancang, menyelaras, dan memantau projek-projek pembangunan Kementerian mengikut jadual pelaksanaan dan batasan peruntukan.

Merancang, menyelaras dan menyelia semua urusan berkaitan tanah persekutuan yang dikawal oleh KPWK dan semua agensi dibawahnya serta menjadi urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (MJTP).

Mengurus dan menyelia pelaksanaan projek-projek pembangunan KPWK dan agensi-agensi di bawahnya dari aspek teknikal bagi projek yang sedang dan akan dilaksanakan.

1.3 VISI

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

1.4 MISI

Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

1.5 PERKHIDMATAN TERAS

Pelaksanaan program-program pembangunan Rancangan Lima Tahun Malaysia.

1.6 STRATEGI

- a) Mengawal peruntukan pembangunan bagi memastikan ianya dibelanjakan mengikut amaun dan siling yang diluluskan.
- b) Memantau rapi projek-projek yang telah dilaksanakan.
- c) Membuat pemantauan secara kerap ke atas tanah-tanah Persekutuan di bawah kawalan KPWK.
- d) Menganjurkan bengkel/kursus mengenai perolehan tanah kepada pegawai dan kakitangan terlibat di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi meningkatkan kemahiran.
- e) Meneliti skop keperluan projek.
- f) Menguruskan hal-hal berkaitan perolehan projek khasnya perlantikan juruukur, arkitek dan kontraktor.

2 FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Merancang, menyelaras dan memantau projek-projek pembangunan Kementerian mengikut jadual pelaksanaan dan batasan peruntukan.

3 AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- a) Merancang projek-projek rancangan malaysia lima tahun
- b) Pengesahan kemajuan pelaksanaan projek
- c) Menyediakan anggaran belanjawan pembangunan bagi Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya.
- d) Menyelaras data Sistem Pemantauan Projek II (SPP II)
- e) Laporan berkala projek-projek pembangunan rancangan Malaysia lima tahun

- f) Pengurusan tanah
- g) Perhubungan dengan agensi-agensi lain.

4 PROJEK PEMBANGUNAN

4.1 Dalam Pelaksanaan

4.1.1 JPW

- Dewan Nur Parlimen Kepala Batas, Pulau Pinang
- Dewan Nur Parlimen Nibong Tebal, Pulau Pinang
- Dewan Nur Parlimen Tasek Gelugor, Pulau Pinang

4.1.2 JKMM

- Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor
- Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka
- Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz, Kuala Kangsar, Perak
- Rumah Kanak-Kanak Penor, Pahang
- Rumah Kanak-Kanak Rembau, Negeri Sembilan
- Bengkel Daya Klang, Selangor

4.1.3 KPWK

- Penyelidikan Sains Sosial
- Naiktaraf ISM (Fasa II)
- Pengkomputeran KPWK
- Pemantapan ICT
- Pengambilan/ Kerja awal tanah

4.1.4 LPPKN

- Penyelidikan Sosial
- Pusat Kesejahteraan Keluarga Bertam
- Naiktaraf Klinik LPPKN Mentakab
- Pemantapan Pengkomputeran

SALAH SATU CONTOH PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH SIAP

PUSAT KESEJAHTERAAN KELUARGA SEREMBAN, N.SEMBILAN

Maklumat Asas Projek

Kontraktor	: Gdp Special Projects Sdn. Bhd.
Nilai Projek	: Rm 11,770,000.00
Tarikh Milik Tapak	: 1 Februari 2008
Tarikh Siap (Asal)	: 31 Julai 2009
Lanjutan Masa (Eot)	: 63 Hari
Tarikh Siap Terkini	: 2 Oktober 2009
Tarikh Siap Sebenar	: 2 November 2009
Tempoh Kecacatan	: 24 Bulan
Ganti Rugi Kelewatan	: Rm 2,500.00 Sehari.

Blok Pentadbiran



Sebelum



Selepas

Klinik Reproduksi Manusia



Sebelum



Selepas



PRESTASI PERBELANJAAN

		Perbelanjaan (Juta)			
Agensi	Siling RMKe9	2006	2007	2008	2009
		RMj	RMj	RMj	RMj
JPW	5.61	0.02	1.27	1.27	0.95
LPPKN	30.92	0.00	7.60	7.60	10.38
JKMM	399.08	20.48	40.49	40.49	75.71
KPWKM	52.37	2.59	11.95	11.95	12.00
					99.03


JADUAL A

PROJEK FIZIKAL

AGENSI	Bil. Projek	Anggaran Kos Pembangunan (RM)
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA	39	1,180,800,000.00
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA	54	166,000,000.00
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA	39	166,100,000.00
INSTITUT SOSIAL NEGARA	1	93,000,000.00
DASAR SOSIAL NEGARA	2	9,710,000.00
JUMLAH	135	1,665,710,000.00

GAMBARAJAH 01

PROJEK FIZIKAL




JADUAL B

PROJEK BUKAN FIZIKAL

AGENSI	Bil. Projek	Anggaran Kos Pembangunan (RM)
DASAR	6	1,700,000.00
JKMM	19	68,344,000.00
ISM	12	4,000,000.00
NIEW	6	4,1000,000.00
BPM	49	229,140,971.00
DSN	3	74,450,000.00
LPPKN	20	20,100,000.00
JUMLAH	115	402,834,971.00

GAMBARAJAH 02

PROJEK BUKAN FIZIKAL



JADUAL A

PECAHAN PROJEK FIZIKAL RMKe-10 MENGIKUT NEGERI

	JKMM	LPPKN	JPW	ISM	JUMLAH ANGGARAN KOS (RM JUTA)
Kuala Lumpur	2	6	2	1	195.5
Johor	7	3	2	-	167
Selangor	4	5	-	-	145.4
Perak	4	4	1	-	129.98
Pahang	6	3	1	-	167.28
Kedah	2	3	1	-	34.58
Kelantan	1	4	2	-	57.73
Pulau Pinang	2	-	1	-	63.25
Sabah	2	2	1	-	37.7
Negeri Sembilan	2	4	-	-	60.6
Terengganu	1	3	2	-	37.7
Sarawak	2	1	3	-	50.6
Melaka	1	2	-	-	36.4
Perlis	1	2	2	-	28.7
Putrajaya	-	2	-	-	3.5
Labuan	-	2	-	-	3.4
JUMLAH	37	48	18	1	1.2 bilion

JADUAL A

CADANGAN PROJEK BUKAN FIZIKAL RMKe-10 MENGIKUT AGENSI

AGENSI	KAJIAN		PROGRAM		JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	BIL	JUMLAH(RM)	BIL	JUMLAH(RM)	
JKM	4	1,200,000.00	6	15,080,000.00	16,280,000.00
LPPKN	19	15,500,000.00	-	-	15,500,000.00
ISM	12	2,100,000.00	-	-	2,100,000.00
NIEW	1	200,000.00	-	-	200,000.00
DASAR	6	1,700,000.00	-	-	1,700,000.00
BPM	-	-	54	175,638,971.00	175,638,971.00
JUMLAH	41	20,700,000.00	60	190,718,971.00	211,418,971.00



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

PENGURUSAN MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) adalah salah satu dari bahagian yang diwujudkan di dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang menguruskan hal-hal berkaitan ICT bagi keseluruhan KPWKM dan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM), dan NAM Institute for The Empowerment of Women (NIEW).

Kini BPM mempunyai kakitangan seramai 24 orang yang diketuai oleh Pengurus BPM dan dibantu oleh 3 unit iaitu Unit e-Masyarakat (e-Masyarakat), Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem (PPS) dan Unit Operasi dan Rangkaian (OR).

Fungsi BPM adalah untuk:

- Memastikan pengurusan ICT Kementerian dan Jabatan/agensi berjalan dengan cekap dan berkesan;
- Membangun dan menyenggara sistem dan aplikasi; dan
- Memastikan operasi dan penyelenggaraan sistem ICT serta keselamatan rangkaian berjalan dengan baik dan *reliable*.



Gambar 1 : Kakitangan BPM

Gambar 2: Dokumen ISP KPWKM diserahkan oleh Dr. Nor Aliah Mohd Zahri, TKP (ICT) MAMPU kepada KSU KPWKM.



a. PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT (ISP) KPWK 2009-2013


- Dikaji bagi meningkatkan keberkesanan urusan dalaman Kementerian serta memastikan sistem penyampaian yang cekap, cemerlang dan memenuhi kehendak pelanggan berdasarkan kepada Pelan Strategik KPWK dan RMK-10.
- Telah dilaksanakan oleh Pasukan Teras Kepakaran ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bermula pada Ogos 2008 dan selesai
- Hasil kajian semula ISP telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan KPWK pada 31 Januari 2009 di Bangi;
- Setelah semakan dan pindaan kecil dibuat, penyerahan Dokumen ISP KPWK 2009-2013 telah diadakan pada 27 April 2009. dilindungi dan terpelihara.

b. TALIAN NUR KPWK


- Pada tahun 2009, 26,871 panggilan telah diterima oleh Talian Nur KPWK dan manakala 1,652 panggilan telah dimajukan kepada agensi di bawah KPWK untuk tindakan seterusnya. Statistik panggilan bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:
- Talian Nur KPWK kini telah meluaskan perkhidmatannya dengan menerima aduan penderaan pembantu rumah warganegara asing bermula 14 Disember 2009. Aduan ini akan dimajukan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTK) mengikut SOP yang telah dipersetujui.

GAMBARAJAH 01

PANGGILAN TALIAN NUR MENGIKUT AGENSI



Rajah 1: Panggilan Talian Nur KPWK mengikut agensi dari 1 Jan 2009 -31 Dis 2009
(PTP – Panggilan tidak produktif seperti silent call dan crank call)



Rajah 2: Statistik kes yang dimajukan kepada JKMM mengikut kategori dari 1 Jan 2009 -31 Dis 2009.

c. LAMAN WEB RASMI KPWK

- Laman Web Rasmi KPWK telah dinaik taraf dengan ciri-ciri *Web Accessibility* (W3C) selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006: Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU. Ciri-ciri W3C memudahkan capaian laman web kepada orang yang tidak berkemampuan atau orang kurang upaya (OKU).
- Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah memuat naik antaramuka hadapan yang lebih interaktif, mewujudkan modul 'Surat Kepada Pengarang', 'Kenyataan Media' dan e-Handbook.

d. LAMAN WEB MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ), PUSPANITA, KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KESKEB) DAN PROGRAM PENGUPAYAAN KENDIRI (PPK)

- Keempat-empat laman web ini telah dibangunkan secara *inhouse* dan selesai dimuat naik pada 18 November 2009.
- Boleh dicapai melalui Laman Web Rasmi KPWK.

e. SISTEM e-JKM

- Projek Pengkomputeran Jabatan Kebajikan Masyarakat (e-JKM) dibangunkan selama 18 bulan bermula Januari 2008.
- Pembangunan sistem ini melibatkan 22 modul perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).
- Majlis Penyerahan Sistem e-JKM daripada Syarikat Encoral Digital Solutions Sdn. Bhd. kepada KPWK telah dilaksanakan pada 30 Disember 2008. Majlis penyerahan tersebut diadakan di Hotel Quality Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk Nor Hayati Sulaiman serta dihadiri oleh 100 orang tetamu.
- Perluasan e-JKM ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan pada tahun 2010.

f. PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT

- Perolehan Perkakasan telah dilaksanakan bagi menampung kekurangan perkakasan ICT yang disebabkan oleh kemasukan pegawai baru, kerosakan perkakasan dan perkakasan yang telah menjangkau jangka hayat dan perlu dilupuskan.
- Dalam masa yang sama, perolehan perisian ICT seperti *Microsoft Office Professional Plus 2007* telah dibuat bagi memastikan warga KPWKM tidak ketinggalan didalam arus perubahan ICT dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.
- Secara keseluruhannya warga KPWKM kini dilengkapi dengan perkakasan dan perisian ICT yang baru dan memuaskan dalam melaksanakan tugas harian.

g. NAIK TARAF SISTEM E-MEL KPWKM

- Sistem E-mel KPWKM telah di naik taraf dengan perolehan *Sistem Microsoft Exchange 2007* dimana sebelum ini KPWKM menggunakan *Sistem Microsoft Exchange 2003*. Dengan penggunaan *Microsoft Exchange 2007*, akses kepada e-mel akan lebih luas, selamat dan disokong dengan pelbagai ciri keselamatan.
- Pada masa ini, sistem e-mel KPWKM diselenggara oleh BPM sendiri dan BPM berpendapat penaiktarafan *Exchange 2003* kepada *Exchange 2007* amat diperlukan memandangkan persekitaran pengkomputeran KPWKM yang telah dipertingkatkan dan ianya mampu menampung keperluan dan pengurusan e-mel yang lebih efektif.

h. PEROLEHAN WEB DAN E-MEL FILTERING

- Perolehan Web Filtering adalah bertujuan untuk memantau/menapis capaian- capaian ke internet.
- Perolehan E-mail *Filtering* adalah bertujuan untuk memantau/menapis emel keluar dan masuk ke Sistem E-mel KPWKM daripada e-mel yang tidak dikehendaki seperti spam e-mel, e-mel yang mengandungi virus dan lain-lain lagi.

i. NAIK TARAF RANGKAIAN KPWKM*Net

- Naik taraf rangkaian KPWKM*Net telah dilakukan pada tahun 2009 dengan menaiktaraf capaian intra 4 lokasi sedia ada serta mewujudkan satu lokasi baru .
- Lokasi –lokasi yang dimaksudkan adalah seperti dibawah :-
 - KPWKM Jalan Dato' Onn – 1.5MBPS(Naiktaraf)
 - KPWKM Wisma Sime Darby – 1.0Mbps(Naiktaraf)
 - MTIMA-512kbps(Naiktaraf)
 - ISM -512kbps(Naiktaraf)
 - LPPKN-256kbps(Kekal)
 - NIEW-512Kbps(Baru)

j. **SERVER CONSOLIDATION AND VIRTUALIZATION**

- *Server Consolidation and Virtualization* adalah bertujuan untuk memanfaatkan penggunaan server sedia ada agar penggunaan server dari segi kapasiti dan kuantiti dapat dioptimumkan dengan penggunaan ruang server secara maya.
- Pada jangka masa yang panjang, ianya mampu mengurangkan kos operasi, perolehan server dan tenaga personel ICT bagi tujuan penyelenggaraan.

PERANCANGAN 2010

a. **KAD JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**

- Kad Jaringan Keselamatan Pengurusan Kad JKsM adalah salah satu inisiatif Kementerian untuk mewujudkan kad identiti penerima bantuan yang diberikan kepada semua penerima bantuan persekutuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM).
- Inisiatif ini akan menggunakan pangkalan data e-Bantuan sebagai sistem utama dan sehubungan dengan itu, e-Bantuan akan dinaik taraf dari segi infrastruktur dan sistemnya sendiri.

b. **ENTERPRISE PORTAL**

- Enterprise Portal akan dibangunkan dengan memasukkan pelbagai elemen yang diperlukan seperti mempelbagaikan perkhidmatan *online* KPWK M serta menambah kandungan laman web sedia ada supaya lebih mesra pengguna dan interaktif.
- Ianya akan menjadi sebagai pintu masuk utama kepada semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian serta agensi.

c. **GOE-EGDMS**

- Sistem GOE-EGDMS adalah satu sistem aplikasi yang berupaya membantu para pengguna menguruskan dokumen dengan lebih efektif dan efisien. Ia adalah aplikasi yang berasaskan web serta sistem ini membolehkan penyediaan, penyimpanan, pencarian dan capaian dokumen dilakukan dengan lebih efisien, cepat dan produktif.
- Projek ini akan dilaksanakan secara rintis di Bahagian Dasar, KPWK M seperti yang dipersetujui di dalam Mesyuarat JPICT Bil 2/2009.

d. **CHILDLINE**

- Kementerian dengan kerjasama JKMM akan mewujudkan *Childline* iaitu satu call center khas untuk menangani panggilan kanak-kanak.
- Projek ini adalah memenuhi keperluan yang ditetapkan di dalam Konvensyen Hak-hak Kanak-Kanak (CRC).

e. **PENAMBAHBAIKAN SISTEM MAKLUMAT ORANG KURANG UPAYA (SMOKU)**

- Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) akan ditambahbaik dengan mempelbagaikan modul sedia ada seperti pendaftaran OKU secara *online*, pemadanan perkerjaan OKU, latihan yang diperlukan oleh OKU dan lain-lain keperluan yang diperlukan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU)
- Sistem ini dijangka akan digunakan oleh semua pejabat JKMN, PKMB/D di seluruh negara.

f. SISTEM e-JKM

- Sistem e-JKM akan diperluaskan penggunaannya ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.
- BPM juga merancang untuk mengintegrasikan antara sistem e-JKM dan eSPKB.

g. PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT

- Perolehan Perkakasan diperlukan bagi menampung kekurangan perkakasan ICT yang disebabkan oleh kemasukan pegawai baru, kerosakan perkakasan dan perkakasan yang telah menjangkau jangka hayat dan perlu dilupuskan.
- Dalam masa yang sama perolehan perisian juga diperlukan bagi memenuhi permintaan dari pengguna untuk perisian-perisian terbaru bagi menyokong perkhidmatan.

h. NAIKTARAF BILIK SERVER KPWKM (KOMPLEKS PERDANA JALAN DATO' ONN DAN BANGUNAN WISMA SIME DARBY

- Naik taraf bilik server KPWKM ini melibatkan bilik-bilik server di kedua-dua lokasi Pejabat KPWKM di bangunan Wisma Sime Darby dan Pejabat KPWKM di Jalan Dato' Onn. Ia melibatkan beberapa skop penting seperti dibawah :-
 - Menyelaras kawalan fizikal yang sistematik untuk semua server bagi menjamin fungsi dan keupayaannya.
 - Dengan adanya bilik server dan sistem backup boleh menjamin kesediaan (*availability*) aplikasi dan data di KPWKM.
 - Kajian semula kapasiti dan keperluan
 - Merekabentuk semula dan menambahbaik langkah – langkah *network resegmentation*
 - Membuat susun atur semula berdasarkan layout diagram
 - Penggunaan UPS berpusat

i. PEROLEHAN NETWORK MONITORING SYSTEM

- Perolehan *Network Monitoring System* dibuat untuk memantau status rangkaian KPWKM*Net.
- Memastikan rangkaian KPWKM*Net sentiasa berada didalam keadaan yang baik/sihat.

j. KAJIAN SEMULA DASAR KESELAMATAN ICT KPWKM

- Mengenalpasti keperluan semasa yang memerlukan kajian semula terhadap Dasar Keselamatan ICT KPWKM .
- Membuat perubahan terhadap dasar-dasar keselamatan ICT KPWKM sedia ada setelah mengambil kira laporan maklumbalas penilaian tahap keselamatan rangkaian dan aplikasi.

k. PENGWUJUDAN E-MEL BERPUSAT

- Mewujudkan dan menyediakan satu sistem e-mel rasmi KPWKM secara menyeluruh yang boleh digunapakai oleh seluruh warga KPWKM dan agensi-agensinya dibawahnya sebagai medium perhubungan secara terpusat.



Gambar 3 : Majlis Penyerahan Sistem eJKM pada 30 Disember 2009



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

PENGURUSAN UNDANG-UNDANG

Unit Penasihat Undang-Undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWK) terdiri daripada Peguam Kanan Persekutuan dan Peguam-Peguam Persekutuan daripada Jabatan Peguam Negara yang diletakkan di bawah satu unit di Kementerian. Di Kementerian, Unit Penasihat Undang-Undang diletakkan terus di bawah Pejabat Ketua Setiausaha KPWK. Pada masa ini, terdapat empat orang pegawai yang diletakkan di bawah Unit ini yang mana terdiri daripada seorang Peguam Kanan Persekutuan dan tiga orang Peguam Persekutuan.

FUNGSI UNIT PENASIHAT UNDANG-UNDANG:

Fungsi Unit Penasihat Undang-Undang adalah seperti berikut:

1. Memberi nasihat undang-undang mengenai semua bidang undang-undang kecuali undang-undang antarabangsa dan undang-undang Islam, berkenaan dengan perkara yang dirujuk kepadanya oleh Kerajaan.
2. Membantu mentafsir undang-undang apabila dikehendaki oleh Kerajaan.
3. Mendraf atau menyemak dokumen undang-undang seperti notis perundangan, perjanjian dan memorandum persefahaman yang dalamnya Kerajaan merupakan suatu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi.
4. Menjalankan penyelidikan atau kajian mengenai perkara undang-undang apabila dikehendaki oleh Kerajaan.
5. Memberi nasihat mengenai perkara yang baginya Kerajaan berhasrat untuk mengawal selia dan menyediakan draf rang undang-undang mengenai perkara tersebut (jika ada) untuk mencerminkan keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan dan mengemukakan draf rang undang-undang kepada Penggubal Undang-Undang Parlimen untuk mendapatkan kelulusannya.
6. Menyertai rundingan perjanjian berkenaan dengan projek Kerajaan terutamanya projek penswastan dan ICT.
7. Menghadiri mesyuarat atas jemputan agensi Kerajaan, dan memberi nasihat undang-undang mengenai perkara yang dibincangkan bagi memastikan apa-apa keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan adalah menurut undang-undang.
8. Menyertai sesi perkongsian maklumat atau latihan mengenai perkara undang-undang dengan memberikan kepakaran undang-undang, kepada kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan agensi bukan Kerajaan.
9. Menghadiri Parlimen apabila ia bersidang untuk memberi apa-apa bantuan yang bersifat undang-undang apabila dikehendaki kepada Menteri.

PENCAPAIAN TAHUN 2009

Bermula pada bulan Ogos 2009, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) telah mempunyai pejabat penasihat undang-undang sendiri. Secara amnya, tugas serta fungsi Penasihat Undang-Undang JKMM selaras dengan fungsi Unit Penasihat Undang-Undang KPWK M.

PERANCANGAN TAHUN 2010



Bagi tahun 2010, Unit Penasihat Undang-Undang KPWK M mempunyai perancangan seperti berikut:

1. Memuktamadkan rang undang-undang pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1984. Pada masa ini, pindaan ini telah berada pada peringkat suku kedua.
2. Memuktamadkan rang undang-undang pindaan Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007. Pada masa ini, pindaan ini juga berada pada peringkat suku kedua.
3. Menggubal satu akta baru bagi menggantikan Akta Orang-Orang Papa 1977.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

UNIT AUDIT DALAM



Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (UAD KPWK) ditubuhkan pada 30 Januari 2001 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979 dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha.

UAD diberi kuasa menjalankan pengauditan terhadap program/aktiviti Kementerian, peringkat negeri dan seluruh agensi dibawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan 91 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah kawalan Kementerian.

Usaha berterusan diambil untuk mempertingkatkan dan memantapkan tahap pematuhan pengurusan kewangan di Kementerian dan agensi dibawahnya dilakukan melalui Rancangan Audit Tahunan. Selain daripada berfungsi secara bebas, UAD juga memberi kepastian dan khidmat perundingan kepada semua auditi melalui ceramah/bengkel bagi mempertingkatkan tahap kecekapan, keberkesanan dan perbelanjaan secara berhemah.

Sehubungan itu, UAD sentiasa membantu Kementerian untuk mencapai matlamatnya dengan pendekatan dan kaedah sistematik bagi menilai keberkesanan pelaksanaan kawalan dalaman dan tadbir urus yang sempurna. Konsep akauntabiliti dan integriti sentiasa diberi penekanan dan penambahbaikan dalam prosedur kerja, menambat keyakinan stakeholders dan penggunaan sumber awam yang efektif.

FUNGSI UTAMA UNIT AUDIT DALAM

Membantu mengukuhkan kesempurnaan semua rekod, perakaunan, sistem maklumat pengurusan dan Kawalan Dalaman diwujudkan.

Memberi pendapat operasi pengurusan kewangan supaya dapat diuruskan dengan teratur, memastikan dasar, undang-undang dan peraturan sentiasa dipatuhi.

Menilai secara teratur dan sistematik operasi Kementerian/jabatan dari segi kesempurnaan, Kecekapan dan berekonomi dengan mengesyorkan langkah pembetulan dan tindakan penambahbaikan

Melaporkan hasil pengauditan kepada Ketua Setiausaha Kementerian melalui laporan bebas.

Memberi maklumbalas kepada Bahagian Khidmat Nasihat Pengurusan Kewangan, Kementerian Kewangan untuk membantu mengkaji dasar umum kewangan, prosedur, sistem dan skop Unit Audit Dalam.

PENCAPAIAN TAHUN 2009

Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan merangkumi aspek pematuhan prosedur kewangan berkaitan dengan kawalan pengurusan, kawalan perbelanjaan, kawalan hasil, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan kawalan pengurusan aset dan inventori. Pada tahun 2009, pencapaian sebenar telah melebihi sasaran kerja tahunan seperti berikut:-

Perancangan Pengauditan Pengurusan Kewangan	Sasaran	Pencapaian (Melalui Bilangan Laporan Yang Dikeluarkan)
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	2	4
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)	2	3

Pengauditan Khas

Pengauditan ini merangkumi aktiviti khusus bagi menentukan sama ada wujudnya kes *Prima Facie* terhadap aduan-aduan yang diterima dan memberi pendapat terhadap tindakan yang patut diambil oleh Kementerian. Sebanyak 7 kes khas telah dijalankan seperti berikut:-

Pengauditan Khas	Khas	Pencapaian
THS Selangor	Projek Pembinaan Tahun 2005	Laporan dikeluarkan (27 Febuari 2009)
PPWN Selangor	Perolehan Perkhidmatan	Laporan dikeluarkan (25 Mac 2009)
PKMD Johor	Penyalahgunaan Kuasa	Laporan dikeluarkan (22 Mei 2009)
KPWKM	Proses Perolehan	Laporan dikeluarkan (30 Jun 2009)
RSK Johor Bharu	Pengurusan Institusi	Laporan dikeluarkan (25 Ogos 2009)
JKMN Terengganu	Pemilihan Kontraktor	Laporan dikeluarkan (1 September 2009)
PPWN Pulau Pinang	Pengurusan Pentadbiran Pejabat	Laporan dikeluarkan (27 Ogos 2009)

Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dijalankan bagi menilai program/aktiviti yang dilaksanakan dari aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan mencapai matlamat/objektif yang ditetapkan. Sebanyak 6 kajian telah dapat dilaksanakan seperti berikut :-

Pengauditan Khas	Khas	Pencapaian
Kajian Akaun Pengarah / Kumpulan Wang Kemudahan	JKMN, Kelantan	Laporan dikeluarkan (23 Februari 2009)
Kajian Pengurusan Akaun Amanah	JKMM, JPW, ISM, PLPP	Laporan dikeluarkan (24 Februari 2009)
Kajian Pemberian Geran BKP Kepada NGO	JKMN/PPWN, Terengganu JKMN/PPWN, Johor JKMN/LPPKN, Sarawak JKMN/LPPKN, Sabah	Laporan dikeluarkan (12 Mei 2009)
Kajian Impak Penubuhan Rumah Nur / Dewan Nur di JPW	PPWN Terengganu & Johor JHEWA Sabah	Laporan dikeluarkan (12 Mei 2009)
Kajian Pengurusan Tanah KPWK	JKMN Terengganu, Johor, Sarawak & Sabah	Laporan dikeluarkan (12 Mei 2009)
PISA / RMK 9 / Ransangan Ekonomi PRE	JKMN Terengganu, Johor, Sarawak & Sabah	Laporan dikeluarkan (12 Mei 2009)

PENCAPAIAN AKTIVITI PENGAUDITAN KESELURUHAN

Jenis	Bilangan Laporan				Jumlah
	Sasar	Gugur	Ganti	Tambah	
Pengurusan Kewangan	4	-	-	3	7
Susulan	4	2	1	-	3
Penampilan dan Bimbingan	10	10	8	-	8
Pengauditan Khas	Mengikut Arahan KSU				7
Prestasi	4				6
Pengauditan Tambahan Arahan Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik	Audit Baucar = 60	1	1	2	JKMM 184 Baucar Bahagian Kew. Kementerian 241 Baucar
	Auditan Kontrak - 2	Ditangguh	-	-	
	Penyaluran Geran kepada NGO	-	-	-	Dicapai

PERANCANGAN AUDIT TAHUN 2010

Rancangan Audit disediakan sebagai panduan perancangan kerja berdasarkan mandat yang diberikan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 yang memperjelaskan tugas, tanggungjawab dan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Selain daripada mengikuti perkembangan semasa dan arahan-arahan pentadbiran pegawai-pegawai atasan, pelaksanaan dan penugasan UAD hendaklah berteraskan perancangan yang teratur. Sehubungan itu, Rancangan Kerja Audit Tahunan disediakan untuk memastikan pelaksanaan fungsinya adalah berkesan selaras dengan *Ministerial Key Result Areas* (MKRA) KPWK. Berikut adalah Perancangan Audit Tahun 2010:

A) RANCANGAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

1. JKM WP Labuan
2. JKMN Sabah
3. JKMN Sarawak
4. PPW WP Labuan
5. PPWN Perak
6. NIEW

B) RANCANGAN PENGAUDITAN PRESTASI

1. Kajian : Keberkesanan Program Kemahiran Wanita
2. Kajian : Pengurusan Pendapatan Hasil Kerja Penghuni Institusi JKMM
3. Kajian : Peranan dan Fungsi Jabatan OKU
4. Kajian : Kesahihan Pangkalan Data KPWK

C) RANCANGAN PENAMPILAN AUDIT

1. JKMB Sarikei, Sarawak
2. JKMB Sri Aman, Sarawak
3. Penampilan : Desa Bina Diri Jerantut, Pahang
4. RKK Tengku Ampuan Fatimah, Pahang
5. RKK Sultan Abdul Aziz, Perak
6. RSK Tanjung Rambutan, Perak
7. RSK Cheng, Melaka
8. STB Sungai Lereh, Melaka
9. RSK Seremban, Negeri Sembilan
10. TSP Rembau, Negeri Sembilan

D) RANCANGAN PENGAUDITAN SUSULAN DAN KHAS

1. JKMN Pahang
2. PPWN Pahang
3. JKM WP KL
4. PPW WP KL
5. Pengauditan Khas

E) BIMBINGAN AUDIT/PEMANTAUAN INDEKS AKAUNTABILITI

1. TSP Miri, Sarawak
2. TSP Kota Kinabalu, Sabah
3. STB Kota Kinabalu, Sabah
4. STB Taiping, Perak
5. TSK Taiping, Perak
6. TSH Jitra, Kedah
7. RSK Bedong, Kedah
8. RSK Kangar, Perlis
9. RKK Kangar, Perlis
10. Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz, Melaka
11. RKK Taman Bakti, Pulau Pinang
12. STB Teluk Air Tawar, Pulau Pinang
13. RSK Johor
14. Desa Bina Diri Mersing, Johor
15. Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah
16. RKK Tengku Budriah, Selangor
17. RSK Cheras, Selangor
18. Kompleks Penyayang Bakti, Selangor
19. STB Sungai Besi, Kuala Lumpur
20. STB Marang, Terengganu
21. Rumah Ehsan Dungun, Terengganu



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- Mula diwujudkan dengan nama Unit Perhubungan Awam dan ditukar nama kepada Unit Media dan Komunikasi Korporat (UMKK) pada tahun 2006 dengan perjawatan seramai 10 orang.
- Melalui waran perjawatan bertarikh 16 Mac 2009 UMKK ditukar nama kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) dengan di ketuai seorang Ketua Unit Komunikasi Korporat Gred 54 (T) dimana terdapat 2 seksyen dibawahnya iaitu: **Seksyen Hal Ehwal Korporat dan Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan** dengan perjawatan seramai 15 orang.
- Unit Komunikasi Korporat (UKK) diletakkan secara terus di bawah Ketua Setiausaha

OBJEKTIF UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- Meningkatkan “*visibility*” KPWK dan agensi di bawahnya menerusi program dan aktiviti kementerian
- Menyebarkan maklumat mengenai perancangan dan inisiatif KPWK untuk mencapai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPI)
- Kepuasan Pelanggan dan Penghargaan dari kumpulan sasar dan orang awam

FUNGSI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- Meningkatkan imej KPWK melalui program dan aktiviti Perhubungan Awam;
- Menterjemah hasrat Kerajaan kepada kehendak masyarakat melalui aktiviti Perhubungan Awam dengan menggunakan medium yang pelbagai;
- Menyebarkan maklumat mengenai dasar dan program KPWK untuk memberi penjelasan dan mengurangkan salah paham masyarakat;
- Menjalinkan dan mengekalkan hubungan baik dengan media massa bagi membolehkan maklumat mengenai KPWK disalurkan secara menyeluruh;
- Menjadi sumber maklumat untuk masyarakat melalui penerbitan bahan-bahan risalah mengenai dasar, program dan aktiviti kumpulan sasar KPWK;
- Memberi khidmat nasihat kepada pengurusan tertinggi KPWK dalam aspek Perhubungan Awam dan Media.

PENCAPAIAN 2009

• PENGURUSAN MEDIA

UKK telah memperkenalkan media baru sebagai salah satu medium perantaraan untuk menyalurkan informasi. Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah pengemaskinian laman web KPWK pada setiap hari. Selain itu, UKK telah mengaplikasikan laman *Facebook* dan *Twitter* untuk tujuan hebahan informasi terkini dan mendapat maklumbalas daripada masyarakat umum. Sehingga bulan Julai 2010, terdapat 5294 ahli di laman *Facebook* manakala sebanyak 74 ahli telah menyertai *Twitter* KPWK.

- **PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN (HBP)**

Program HBP merupakan salah satu mekanisme bagi membantu masalah pelanggan dan pengaduan awam yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian dan juga masyarakat. Ianya dilaksanakan pada setiap bulan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjalinkan hubungan erat dengan masyarakat umum terutamanya kumpulan sasar Kementerian.

Sepanjang tahun 2009, HBP telah diadakan sebanyak 15 kali di seluruh Malaysia. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program berlangsung antaranya pameran Kementerian dan agensi dibawahnya serta agensi swasta dan NGO, pemeriksaan kesihatan, pendaftaran OKU, jualan produk IKS dan Persatuan Ibu Tunggal, pertandingan melukis dan mewarna dari kanak-kanak dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Persembahan dari kanak-kanak OKU serta kuiz untuk pengunjung.

Antara lokasi HBP adalah Teluk Intan, Perak; Kuching, Sarawak; Kota Kinabalu, Sabah; Seberang Prai, Pulau Pinang; Rawang, Selangor; Kangar, Perlis; Muar, Johor; Pantai Dalam, Kuala Lumpur; Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur; Port Dickson, Negeri Sembilan; Universiti Malaya, Selangor; Mid Valley, Kuala Lumpur; Puchong Perdana, Selangor; Brickfields, Kuala Lumpur dan Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan.

- **PENERBITAN BAHAN-BAHAN PROMOSI**

UKK telah menerbitkan risalah-risalah berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh kementerian dan agensi di bawah KPWKM.

- **MESYUARAT PELAKSANAAN PROJEK RINTIS iSPAAA KPWKM**

Dalam memastikan KPWKM menjadi salah satu Kementerian yang terbaik, UKK begitu komited dalam usaha-usaha untuk penambahbaikan yang berterusan dalam memastikan kepuasan pelanggan terjamin. Dalam mencapai kearah ini, UKK sentiasa memastikan segala aduan, cadangan, komen, syor serta pandangan diberikan perhatian yang serius dan diberikan keutamaan buat pelanggan KPWKM. Mesyuarat telah diadakan sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2009.

- **URUSETIA MESYUARAT KOORDINASI MEDIA**

Mesyuarat Koordinasi Media telah diadakan sebanyak 5 kali sepanjang tahun 2009. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pegawai Perhubungan Awam Kementerian/Jabatan/Agensi yang bertujuan untuk membincangkan segala aktiviti yang perlu dilaksanakan secara bersepadu.





*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

UNIT URUS SETIA LEMBAGA KAUNSELOR

UNIT URUS SETIA LEMBAGA KAUNSELOR

Sesuai dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam masyarakat Malaysia, profesion kaunseling memerlukan suatu pengawalan yang diiktiraf dengan akta yang tersendiri.

Akta kaunselor 1998 (Akta 580) memberikan kuasa secara sah ke atas pengawalseliaan perkhidmatan kaunselor serta semua aktiviti kaunseling di Malaysia. Akta Kaunselor ini telah diwartakan pada bulan Mac 1998. Semenjak tarikh tersebut, Lembaga Kaunselor telah ditubuhkan (mengikut peraturan undang-undang Malaysia) bertujuan bagi memastikan perlaksanaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Lembaga Kaunselor dianggotai oleh seorang Presiden yang dilantik dari kalangan Kaunselor Berdaftar dan 13 orang ahli lain dengan persetujuan YB Menteri KPWK.

Unit berperanan untuk memartabatkan profesion kaunselor dan perkhidmatan kaunseling yang dapat memberikan sumbangan kepada individu, masyarakat dan negara melalui perkhidmatan kaunseling yang mempunyai tahap piawaian selaras dengan keperluan negara; memastikan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan mengikut tahap kualiti dan kaedah yang betul; memastikan semua perkhidmatan kaunseling dilaksanakan oleh kaunselor yang berkeelayakan dan bertauliah mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada.

OBJEKTIF

Memartabatkan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling yang dapat memberikan sumbangan kepada individu, masyarakat dan negara melalui:

- Memastikan perkhidmatan kaunseling mempunyai tahap piawaian selaras dengan keperluan negara;
- Memastikan perkhidmatan kaunseling dilaksanakan mengikut tahap kualiti dan kaedah yang betul;
- Memastikan semua perkhidmatan kaunseling dilaksanakan oleh kaunselor yang berkeelayakan dan bertauliah mengikut peraturan dan undang-undang sedia ada.

VISI

Menjadikan perkhidmatan kaunseling sebagai penjana potensi modal insan ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang maju.

MISI

- Menggubal dasar perkhidmatan kaunseling selaras dengan kehendak semasa;
- Mengawal selia tahap perkhidmatan kaunseling selaras dengan dasar dan peraturan-peraturan sedia ada;
- Menasihati kerajaan berhubung peranan perkhidmatan kaunseling yang berkualiti;
- Mengurus pentadbiran dan rekod profesional kaunselor di Malaysia.

PERKHIDMATAN TERAS

- **Dasar**
 - Seksyen 12(b) – Menilai keperluan perkhidmatan kaunseling di Malaysia;
 - Seksyen 12(d) – Menentukan kelayakan yang melayakkan seseorang didaftarkan di bawah Akta Kaunselor 1998;
 - Seksyen 12(e) – Menentukan standard latihan kaunseling;

- Seksyen 12(f) – Membuat syor kepada kerajaan berhubung dengan standard perkhidmatan kaunseling.

- **Pemantauan dan Pengawalseliaan**

- Seksyen 12(a) – Menyelia perkhidmatan kaunseling;
- Seksyen 12(c) – Mengawal selia latihan dan menentukan jenis tahap kaunseling di Malaysia;
- Seksyen 12(h) – Mengawal selia fi yang boleh dikenakan oleh Kaunselor Berdaftar bagi perkhidmatan kaunseling;
- Seksyen 12(j) – Mengawal selia tata kelakuan profesional kaunselor termasuklah menetapkan Kod Etika bagi profesion kaunseling.

- **Operasi**

- Seksyen 12(g) – Mendaftar kaunselor yang berkecualan;
- Seksyen 12(i) – Melantik anggota-anggota lembaga untuk menganggotai mana-mana lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion kaunseling;
- Seksyen 12(k) – Melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk membolehkan lembaga menjalankan fungsinya dengan berkesan.

AHLI LEMBAGA KAUNSELOR SESI 2007-2009

YB Menteri KPWKM telah bersetuju melantik Ahli Lembaga Kaunselor bagi sesi 2007 - 2009 berkuat kuasa 15 Ogos 2008 hingga 14 Ogos 2009. Senarai Ahli Lembaga Kaunselor adalah seperti berikut:

1. **Y.Bhg Dato' Dr. Mohd Mansor bin Abdullah**
– *Presiden*
2. **Y.Bhg Prof. Emeritus Dato' Dr. Amir bin Awang**
– *Ahli Kaunselor Berdaftar*
3. **Y. Bhg Dato' Dr. Ismail bin Alias**
– *Ahli Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia*
4. **Y.Bhg Dato' Wan Muhammad bin Dato' Wan Abd Aziz**
– *Ahli Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam*
5. **Dr. Sarfraz bin Manzoor Hussain**
– *Ahli Wakil Kementerian Kesihatan*
6. **Cik Meme Zainal Rashid**
– *Ahli Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia*
7. **Prof. Dr. Md. Shuaib bin Che Din**
– *Ahli Kaunselor Berdaftar*
8. **Prof. Dr. Suradi bin Salim**
– *Ahli Wakil Institusi Pendidikan Tinggi*
9. **Prof. Dr. Othman bin Dato' Mohamed**
– *Ahli Kaunselor Berdaftar*
10. **Prof. Dr. See Ching Mey**
– *Ahli Wakil Institusi Pendidikan Tinggi*
11. **Prof. Dr. Rohany bt Nasir**
– *Ahli Kaunselor Berdaftar*
12. **Prof. Madya Dr. Fatimah binti Yusoff**
– *Ahli Wakil Institusi Pendidikan Tinggi*
13. **Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil bin Che Din**
– *Ahli Kaunselor Berdaftar*
14. **En. Razak bin Drahman**
– *Ahli Wakil Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*
15. **SUPT Ong Chin Lan**
– *Ahli Kaunselor Berdaftar*
16. **Tuan Haji Masbah @ Misbah bin Dato' Haji Mohd. Taha**
– *Ahli Wakil Kementerian Pelajaran Malaysia*

PENCAPAIAN 2009

Sepanjang 2009, antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah :

Mesyuarat Lembaga Kaunselor

Mesyuarat Lembaga Kaunselor telah dijadualkan diadakan pada setiap bulan bagi membincangkan perancangan aktiviti, perbincangan berkaitan isu-isu semasa berkaitan bidang kaunseling dan profesionalisme Kaunselor Berdaftar Dalam mesyuarat tersebut, ahli-ahli bertukar pandangan dan pendapat berkaitan isu-isu dalam bidang kaunseling. Mesyuarat juga akan mengesahkan keputusan Sesi Pengesahan Kelayakan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kelayakan dan Pendaftaran Kaunselor. Bagi tahun 2009, sebanyak 7 kali mesyuarat Lembaga Kaunselor telah diadakan. Selain itu juga, sebanyak 12 kali mesyuarat jawatankuasa kecil turut diadakan bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan jawatankuasa berkenaan. Semua Ahli Lembaga Kaunselor merupakan individu yang mahir dalam bidang kaunseling serta dilantik oleh Y.B Menteri KPWKM. Pelantikan mereka berkuat kuasa sehingga 14 Ogos 2009 dan lantikan baru akan dibuat selepas tarikh tersebut.



Pendaftaran Kaunselor Berdaftar

Selaras dengan fungsi Lembaga Kaunselor di bawah Akta Kaunselor 1998 Seksyen 12(g) Lembaga Kaunselor telah menjalankan sesi Pengesahan Kelayakan bagi tujuan pendaftaran. Sesi dijalankan oleh Jawatan kuasa Kelayakan dan Pendaftaran yang dipengerusi-kan oleh Dato' Dr. Mansor bin Abdullah. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 6 kali Sesi Pengesahan telah diadakan di seluruh Negara, 4 kali diadakan di Zon Tengah, 1 kali di Zon Sabah dan 1 kali di Zon Sarawak. Setakat 31 Disember 2009, jumlah Kaunselor Berdaftar yang telah didaftarkan adalah seramai 1,749 orang. Sehingga 31 Disember 2009 juga, pihak Urus Setia Lembaga Kaunselor telah mengeluarkan Perakuan Amalan Dwi Tahunan sehingga Perakuan Amalan bernombor PA01292.



Seminar Kebangsaan Lembaga Kaunselor 2009

Seminar Kebangsaan Lembaga Kaunselor merupakan acara tahunan yang sering kali mendapat sambutan yang begitu menggalakkan di kalangan pengamal-pengamal kaunseling di negara kita. Bagi meneruskan kesinambungan itu, Lembaga Kaunselor sekali lagi berusaha menganjurkan Seminar Kebangsaan Lembaga Kaunselor 2009. Tema seminar tersebut adalah ***“Amalan Terbaik Dalam Kaunseling untuk Komuniti” “The Best Practice in Counseling For The Community.”***

Bengkel ini ditawarkan kepada semua kaunselor berdaftar dan pengamal-pengamal kaunseling, pegawai-pegawai kerajaan dan badan berkanun, pengurus sumber manusia dan individu persendirian yang berminat. Penyertaan adalah terhad kepada 250 peserta sahaja.

Bengkel ini dijalankan selama 3 hari 2 malam, pada 21 -23 Mei 2009 bertempat di Hotel Legend, Kuala Lumpur. Seminar ini akan menggunakan pendekatan aktif dan interaktif dengan 3 sidang pleno dan 6 bengkel selari. Input-input berkaitan topik yang dikemukakan akan diintegrasikan bagi membantu peserta memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam menyediakan perkhidmatan kaunseling.

Kursus Peningkatan bagi tujuan pendaftaran Kaunselor Berdaftar

Profesion kaunseling masa kini kian mencabar. Semua kaunselor berdaftar harus sentiasa melibatkan diri dalam proses pendidikan berterusan (continuous education) untuk melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran tentang kaunseling yang terkini demi dapat membantu klien dengan lebih berkesan. Untuk mencapai matlamat tersebut, Lembaga Kaunselor telah mengambil keputusan untuk mengadakan Bengkel-Peningkatan Kemahiran dan Teknik Kaunseling.

Bengkel ini adalah merupakan program nilai tambah (*value added*) kepada pengetahuan dan kemahiran sedia ada kaunselor berdaftar, dalam usaha Lembaga Kaunselor untuk menggalakkan konsep pendidikan berterusan di kalangan kaunselor berdaftar, di samping memberi kesempatan kepada mereka untuk berkongsi pengetahuan dan melatih kemahiran dalam kaunseling. Melalui bengkel ini, Lembaga Kaunselor berharap kaunselor berdaftar dapat belajar dan meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka tentang pelbagai teori, pendekatan dan teknik kaunseling. Di akhir bengkel ini, satu ujian bertulis akan diadakan.



Kursus Pemantapan Kemahiran Kaunseling bagi Pegawai Psikologi KPWK

Selain menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta Kaunselor 1998. Lembaga Kaunselor juga telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan memberikan latihan-latihan kepada Pegawai Psikologi KPWK. Ini adalah sebagai satu ikatan kerjasama antara Lembaga Kaunselor dan juga KPWK. Seramai 40 orang Pegawai Psikologi KPWK telah terlibat dalam kursus yang telah dijalankan ini. Pihak Lembaga berharap agar ilmu yang dicurahkan ini dapat dimanfaatkan bagi membantu kumpulan sasar KPWK.



Program Outreach bersama Kaunselor

Menyedari kepentingan pendaftaran Kaunselor Berdaftar, pihak Lembaga mengadakan program *Outreach* Zon Utara yang telah diadakan di Universiti Sains Malaysia, untuk memberimaklumat kepada masyarakat tentang kepentingan mendaftar sebagai Kaunselor berdaftar. Seramai 30 orang peserta telah menyertai program ini yang dijalankan oleh Prof. Emeritus Dr. Amir bin Awang.



KESIMPULAN


Pihak Lembaga Kaunselor pada dasarnya telah berjaya menjalankan tugasnya sebagaimana yang telah digariskan oleh Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Penambahbaikan yang dilakukan perlu diteruskan dari masa ke semasa bagi memantapkan peranan sedia ada.

Agenda memperkasa profesion kaunselor dan bidang kaunseling merupakan teras perjuangan yang perlu diteruskan bagi menghadapi tahun 2010 yang dikira lebih mencabar dengan isu-isu semasa yang melibatkan kaunselor di dalam dan luar negara. Pihak kerajaan dan masyarakat juga mahu melihat kaunselor memainkan peranan yang lebih efektif selaras dengan matlamat kerajaan untuk mewujudkan pemikiran rakyat berminda kelas pertama.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

SENADA



LATAR BELAKANG

- **SENADA ditubuhkan pada 20 Jun 2008 di Jabatan Perdana Menteri dan dipertanggungjawabkan kepada Penasihat Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Sosial kepada Y.A.B. Perdana Menteri.**
- **Penubuhan SENADA bertujuan untuk memastikan agar:**
 - i) tidak wujud diskriminasi terhadap wanita Islam melalui peranan advokasi dalam mempengaruhi penggubalan dasar, perundangan dan peraturan-peraturan;
 - ii) tiada implikasi negatif akibat pelaksanaan dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan hak-hak, pembangunan dan kebajikan wanita Islam; dan
 - iii) agar minda wanita Islam dapat dipertingkatkan melalui program-program keilmuan berkenaan hak, akses dan peluang pembangunan diri serta keluarga di semua bidang.
- **Berikutan rombakan Kabinet pada bulan April 2009, Y.B. Senator Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil telah dilantik semula sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sehubungan itu, SENADA telah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) pada 10 April 2008.**
- **Berikutan perpindahan tersebut, fungsi SENADA telah dimantapkan bagi menepati objektif dan fungsi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta memastikan ia tidak bertindih dengan fungsi-fungsi Jabatan/Bahagian yang sedia ada di Kementerian ini.**

2. PENCAPAIAN 2009

2.1 Pelbagai program telah dijayakan sepanjang 2009, iaitu:

2.1.1 Konvensyen SENADA dan Bengkel Pelan Tindakan pada 11 Mac 2009 di Pusat Konvensyen Sime Darby, melibatkan 350 orang peserta yang terdiri daripada wakil agensi Kerajaan, orang perseorangan, wakil NGO dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).



2.1.2 Sejumlah 16 siri perbincangan telah diadakan sepanjang tahun 2009 melibatkan agensi kerajaan, NGO dan MPP. Sesi ialah untuk memperkenalkan SENADA, mendapatkan input mengenai isu serta program yang boleh dijalankan bersama. Dianggarkan 160 orang telah terlibat di dalam keseluruhan sesi perbincangan ini.

SEKRETARIAT PEMBELAAN DAN PEMERKASAAN WANITA ISLAM (SENADA)

OBJEKTIF PENUBUNGAN

1. Menentukan tidak wujudnya sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita Islam melalui peranan advokasinya dalam mempengaruhi penggabalan dasar, perundangan dan peraturan-peraturan
2. Menghalusi implikasi pelaksanaan dasar, undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut terhadap hak-hak, pembangunan dan kebajikan wanita Islam
3. Meningkatkan pemerdayaan wanita Islam melalui legislatif dan program-program modal insan dan kapasiti wanita Islam, terutamanya mengenai perkara yang berkaitan dengan hak-hak, akses dan peluang pembangunan diri serta keluarga di semua peringkat dan dalam pelbagai bidang.

"Marhaban Ya Ramadhan...Rebutlah anugerah Allah S.W.T sepanjang Ramadhan dalam menegor keberkatan agar kita menjadi Insan Cerminkan Al-Qur'an dan Kekuatan Laksana Badar Al-kubra."

SHAHRIZAT ABDUL JALIL
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
Block E, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Jalan Dato' Onn, 50515 Kuala Lumpur, M.S.
Tel : 03-2690 4005 Fax : 03-2693 8564
Website : www.kpwkm.gov.my



2.1.3 Program Qiyam Ramadhan telah diadakan sebanyak 24 siri sepanjang bulan Ramadhan di mana solat Isyak dan Tarawikh diimamkan oleh Sheikh Karem al-Hariri dari Universiti Al-Azhar. Program diadakan bersama dengan Pejabat Y.B. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dianggarkan seramai 15,000 orang di seluruh negara telah mendapat manfaat daripada program ini.



2.1.4 Program Nur Hidayah telah diadakan pada 8 Oktober di Bagan Pinang, Negeri Sembilan dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Dianggarkan seramai 200 orang peserta termasuk anak-anak yatim telah menghadiri majlis bacaan yasin dan tazkirah ini.






2.1.5 Seminar dan Forum Isu-isu Wanita telah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa pada 10 Oktober melibatkan 150 orang peserta. Program yang sama juga diadakan di Universiti Malaya pada 18 Oktober melibatkan 300 orang warga Universiti.

2.2 Selain menyediakan kertas-kertas pandangan mengenai isu, SENADA juga telah berjaya membantu menangani aduan dan memberikan khidmat nasihat kepada kumpulan sasaran. Daripada jumlah 426 aduan yang diterima pada tahun 2009, sejumlah 413 kes telah dapat diselesaikan dan selebihnya berjaya diselesaikan sepanjang Januari 2010. Butiran adalah seperti berikut:

Kategori Khidmat Nasihat	Jumlah
Syariah	33
Pekerjaan	7
Keganasan Rumah Tangga	4
Konsumer	3
Pendidikan	1
Kesihatan	1
Kebajikan	377
Jumlah Keseluruhan	426

Bagi kategori aduan syariah, bantuan yang diberikan boleh diperincikan seperti di bawah:

GAMBARAJAH 01
Pecahan Kategori Aduan Syariah



3. PERANCANGAN 2010

Bagi tahun 2010, pelbagai program telah dirangka bagi memantapkan lagi peranan SENADA dalam usaha membantu memperkasakan wanita Islam. Di antara lain, Seminar Pemerkasaan Pelaksanaan Undang-undang Islam, Sesi Dialog Bersama Sahibus Samahah Mufti, Program Bersama Ibu Tunggal Kurang Upaya dan sebelas siri Program Swadaya Wanita di seluruh negara. Program-program dijangka dapat dimantapkan dengan kerjasama semua Pengerusi Majlis Pembelaan dan Pemerkasaan Wanita Islam di peringkat negeri yang sebahagiannya telah dilantik pada 15 Disember 2009.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

JABATAN
KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA (JKMM)



A. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Peningkatan kemahiran dan pengetahuan kakitangan adalah penting dalam sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, JKM telah mengendalikan pelbagai kursus, bengkel, dan peperiksaan Jabatan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, memantapkan kemahiran dan memberikan pendedahan kepada kakitangan Jabatan. Antara program yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

Jabatan telah melaksanakan Latihan Piawaian Kompetensi Kerja Sosial sebanyak 23 siri melibatkan 577 peserta dan PAP model sebanyak 23 siri melibatkan 574 peserta.

Sepanjang tahun 2009 Jabatan telah mengadakan sebanyak 61 siri kursus yang melibatkan 1174 orang kakitangan Jabatan.

Bagi meningkatkan kompetensi kakitangan Jabatan dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK), NOSS untuk perkhidmatan Komuniti telah dibangunkan dan Bengkel Pengupayaan Dalam Pengurusan Pusat Jagaan Kanak-Kanak kendalian PSK telah diadakan pada 21-23 Disember 2009 melibatkan seramai 30 orang penyelia dan pekerja PSK dari seluruh negara bertujuan untuk menjamin mutu penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar.

Selain daripada itu, pelbagai kursus turut diadakan bagi membangunkan kepakaran kakitangan bagi perkhidmatan OKU, perkhidmatan Warga Tua dan Keluarga, perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat, perkhidmatan Kanak-Kanak dan membangunkan Profil Psikologi Kakitangan (menggunakan alat psikologi termasuk *Leonard Personality Inventory*) bagi perkhidmatan kaunseling.

Pada 1 Mac 2009 PERASE dan Panel Sahabat JKM telah dilancarkan diikuti dengan pemantapan pengurusan organisasi melalui pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pemantapan sistem pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

B. PRODUCTIVE WELFARE

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) merupakan antara kementerian yang dipilih oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan salah satu daripada 6 Bidang Hasil Utama Negara (NKRA) yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, iaitu untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah. Pihak Kementerian telah mengenalpasti beberapa aspirasi / sub NKRA untuk tujuan tersebut iaitu :

1. Membanteras kemiskinan tegar di kalangan rakyat tanpa mengira bangsa pada 31 Disember 2010 selaras dengan RMKe-9;
2. Mewujudkan "*Productive Welfare*" di kalangan golongan miskin dengan menyediakan latihan kemahiran supaya mereka boleh berdikari; dan
3. Meningkatkan pemilikan rumah dan menyediakan kemudahan akses yang selesa kepada golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM 2500.00 pada akhir 2010.

Sehubungan dengan itu, bagi memenuhi hasrat tersebut melalui pengurusan bantuan Jabatan telah melaksanakan bayaran bantuan kebajikan pada 1 haribulan setiap bulan. Bagi memantapkan klien Jabatan supaya ke arah hidup berdikari maka kertas cadangan mengkaji semula Skim Bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Latihan Perantis telah disediakan. Antara cadangan yang dikemukakan bagi memantapkan klien Jabatan ke arah hidup berdikari, Jabatan melalui kementerian-kementerian yang berkaitan bersedia untuk bekerjasama menjalankan program bagi mencapai hasrat tersebut.

Selain daripada itu, kaji semula "*Client Management System*" (CMS) telah dilaksanakan melibatkan semua institusi kebajikan. Program-program pemantapan institusi kebajikan turut dilaksanakan sepanjang tahun 2009. Antara program yang dijalankan ialah perluasan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA 2M), *Zero to Hero*, *Kelab Hugs & Affection*, Program *Hope Card*, Alumni bekas penghuni, bengkel halatuju kecemerlangan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, program Perkongsian Bijak JKM dan Institut Gerontologi (IG) UPM dan cadangan pelaksanaan *outsourcing* perkhidmatan di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan.

C. PENJAGAAN BERKUALITI

Sepanjang tahun 2009, program penjagaan berkualiti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

- Program membangunkan Modul Kursus Asas Penjagaan untuk institusi JKM dan NGO yang melibatkan institusi kanak-kanak, OKU dan warga emas telah diadakan dengan kerjasama MAKPEM dan juga Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S).
- "*National Occupational Skills Standards*" (NPSS) telah disiapkan merangkumi NOSS untuk penjagaan warga emas, NOSS penjagaan OKU dan NOSS penjagaan kanak-kanak selepas sekolah. Promosi program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) telah dilaksanakan di setiap negeri.
- Selain itu, JKM juga telah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang KPWK untuk menarik balik kuasa di peraturan yang tidak selaras dengan Konsep 1 Malaysia berhubung "liberalisasi" bagi membenarkan pengusaha luar negara membuka TASKA dan Pusat Jagaan di Malaysia. Antara Akta dan peraturan yang berkaitan adalah Akta TASKA 1984 dan Peraturan mengenainya iaitu:
 - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (di institusi) 2008
 - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (di Tempat Kerja) 2008
 - Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (di Rumah) 2008
 - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (di Komuniti) 2008

Walau bagaimanapun, peraturan tersebut masih belum diluluskan dan sedang dalam semakan Jabatan Peguam Negara.

Bagi memantapkan pelaksanaan akta dan peraturan Pusat Jagaan beberapa siri kursus penguatkuasaan dan pendakwaan telah diadakan di ISM. Yang demikian itu, sebanyak 250 "Notis Untuk Mengambil Tindakan" telah dikeluarkan kepada pengusaha dan pengendali TASKA dan Pusat Jagaan. Selain itu, tiga operasi bersepadu bersama Polis dan PBT telah dijalankan terhadap dua buah

Pusat Jagaan di Selangor dan satu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi mempertingkatkan pelaksanaan penguatkuasaan terhadap TASKA dan pusat jagaan kit penguatkuasaan dan vest kepada penguatkuasa telah disediakan selain daripada buku saku dan buku Notis Pematuhan.

D. PEMANTAPAN SISTEM ICT JABATAN

Setiap tahun JKM memperuntukkan bajet untuk mempertingkatkan sistem ICT Jabatan. Melalui pelbagai fasa penambahbaikan, JKM telah dapat mengatasi masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan sistem e-Bantuan. Keperluan untuk mempermudah segala urusan yang berkaitan dengan Jabatan terutamanya kumpulan sasar maka sistem e-JKM telah dicipta. Membangunkan sistem ini memerlukan kerjasama bersepadu daripada semua kakitangan Jabatan. Projek perintis telah dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu, bagi memantapkan pendokumentasian perangkaan Jabatan Sistem Maklumat Perangkaan (SMP) online telah dibangunkan. Pemantapan sistem rekod perkhidmatan kakitangan turut tidak diabaikan. Kini rekod perkhidmatan kakitangan Jabatan dimantapkan lagi dengan penambahbaikan modul sistem maklumat perjawatan. Sistem untuk kepentingan Orang Kurang Upaya juga tidak diabaikan. Sehubungan dengan itu, Sistem Pencarian Pekerjaan OKU telah dilancarkan pada 3 Disember 2008 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP). Sehingga Disember 2009 seramai 555 OKU telah mendaftar secara online.

E. PERKONGSIAN BIJAK

Kerjasama Jabatan dan agensi luar serta badan bukan kerajaan (NGO) disambut baik dalam usaha untuk memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan. Usaha sebegini terus berkembang dalam suasana yang baik dan harmoni dengan harapan kumpulan sasar Jabatan mendapat manfaat daripadanya. Antara projek yang telah dijalankan ialah pembukaan Rumah Tunas Harapan (RTH) bersama JUSCO di Taman Kota Perdana, Seri Kembangan yang memulakan operasi pada November 2009 yang memberikan manfaat kepada 6 orang kanak-kanak.

Keselamatan kanak-kanak sekolah turut mendapat perhatian Jabatan. Sehubungan dengan itu, Pusat Jagaan Sebelum dan Selepas Waktu Sekolah (OASIS) telah ditubuhkan dan ia dilaksanakan di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Bandar Tun Razak, PAKK Raub dan PAKK Jeli. Kerjasama yang erat turut dijalin antara Jabatan dan agensi swasta. Mereka telah berbesar hati menyumbang sejumlah RM3,899,395.23 yang diterima daripada 1260 badan korporat dan pihak swasta. Sumbangan turut diterima daripada Syarikat Nestle Products dan Kentucky Fried Chicken semasa Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia pada 7 November 2009. Syarikat Roche (M) Sdn. Bhd pula telah membiayai kos perkhidmatan Jurupulih Cara Kerja di 7 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Negeri Selangor. Diikuti dengan Syarikat Procter and Gamble (P&G) telah menyumbangkan peralatan multi sensori kepada 14 buah PDK di seluruh negara.

Program penempatan pekerjaan bagi OKU diperluaskan lagi pelaksanaannya dan penempatan telah dilaksanakan di Giant Hypermarket menempatkan 105 orang, Carrefour Hypermarket menempatkan 56 orang, KFC Holding menempatkan 48 orang dan Vacuum Schmeltze menempatkan 30 orang. Yayasan Tenaga Nasional Bhd. telah bermurah hati menyumbang keperluan asas iaitu peti sejuk, katil dan peralatan persekolahan kepada 5 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang terpilih pada bulan April 2009. Kerjasama yang berterusan dengan agensi mahupun kementerian lain tetap diteruskan untuk kesinambungan perkhidmatan Jabatan khususnya kepada masyarakat umum dan kumpulan sasar khususnya.

F. PENGANJURAN MAJLIS-MAJLIS

Sepanjang tahun 2009 Jabatan telah mengadakan sukan dan beberapa pertandingan selain menyambut Hari-hari Jabatan yang lazimnya disambut setiap tahun. Berikut adalah sambutan Hari-hari di JKM dan juga pertandingan serta sukan yang telah dianjurkan.

KAJIAN	PROGRAM
Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia	Telah disambut pada 7 November 2009 dan telah disertai oleh seramai 3000 orang yang terdiri daripada ibu bapa dan kanak-kanak.
Sambutan Hari OKU	Telah disambut pada 5 Disember 2009 melibatkan 3000 para tetamu.
Karnival Hari Warga Emas	Telah disambut pada 14 November 2009 di Taman Pudu Ulu, Cheras Kuala Lumpur.
Pertandingan Pancaragam Institusi Kanak-Kanak	Telah diadakan pada 8-11 Jun 2009 melibatkan 800 orang kanak-kanak.
Sukan Jabatan	Telah diadakan di Terengganu pada 22 hingga 27 Jun 2009.
Pertandingan Tilawah Al-Quran/Pertandingan Nasyid Jabatan Kebajikan Masyarakat ke-37	Telah diadakan pada 20-24 November 2009 di UiTM Sri Iskandar, Perak.

Harapan Jabatan agar sambutan majlis sebegini akan diteruskan untuk tahun akan datang. Kerjasama yang baik telah diberikan oleh semua kakitangan JKM amat dihargai dan sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada semua yang terlibat dalam memastikan majlis berjalan dengan lancar. Segalanya akan disimpan dalam lipatan sejarah dan ia menjadi rantaian kenangan manis yang sukar dilupakan oleh semua. Jabatan bergerak selari dengan perubahan masa. Tempoh masa sepanjang 2009 telah banyak peristiwa yang telah berlaku yang memberi kesan mendalam kepada Jabatan dalam mengharungi tanggungjawab terhadap bangsa, agama, dan negara yang tercinta. Perancangan untuk tahun 2010 sedang disusun dengan teratur dan teliti agar perjalanan penyampaian perkhidmatan Jabatan berjalan dengan lebih terancang dan tersusun demi memastikan keterlangsungan perkhidmatan Jabatan kepada masyarakat umumnya. Kepada semua warga JKM syabas dan tahniah dengan pencapaian yang telah digarap sepanjang tahun 2009. Semoga segalanya akan menjadi penggerak untuk lebih cemerlang di lembayung 2010.



Senator Dato' Seri Shahrizat Abd. Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyampaikan ucapan sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Peringkat Kebangsaan.





1 Malaysia...Kanak-kanak menunjukkan semnagat 1 Malaysia sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia Peringkat Kebangsaan 2009.





LAPORAN TAHUNAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT TAHUN 2009

A. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PROGRAM	PENCAPAIAN
Melaksanakan Blue Print Latihan (Training Blue Print) • Latihan Piawaian Kompetensi Kerja Sosial - Kerja Sosial - PAP Model	- 23 siri kursus Kerja Sosial telah dijalankan melibatkan 577 peserta. - 23 siri kursus PAP Model telah dijalankan melibatkan 574 peserta.
Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan bagi memperkasakan kakitangan Jabatan • Bahagian Perundangan & Advokasi • Bahagian Kanak-kanak • Bahagian Orang Kurang Upaya • Bahagian Warga Tua Dan Keluarga • Bahagian Pembangunan Komuniti • Bahagian Kaunseling • Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat • Bahagian Sosioekonomi Dan Bantuan	• 9 kursus dengan kehadiran seramai 156 orang. • 23 kursus dengan kehadiran seramai 61 orang. • 4 kursus dengan kehadiran seramai 126 orang. • 3 kursus dengan kehadiran seramai 108 orang. • 7 kursus dengan kehadiran seramai 224 orang. • 5 kursus dengan kehadiran seramai 172 orang. • 5 kursus dengan kehadiran seramai 155 orang. • 5 kursus dengan kehadiran seramai 172 orang.
Meningkatkan kompetensi kakitangan Jabatan dan / atau Pertubuhan Sukarela Kebajikan: a) Menyediakan NOSS untuk perkhidmatan komuniti. b) Bengkel Pengupayaan Dalam Pengurusan Pusat Jagaan Kanak-Kanak kendalian PSK (Capacity Building). Membangunkan kepakaran kakitangan bagi: - Perkhidmatan OKU	• Telah siap dibangunkan pada Jun 2009 dan dalam tindakan Jabatan Pembangunan Kemahiran Sumber Manusia. • Telah dilaksanakan pada 21-23 Disember 2009 melibatkan seramai 30 orang penyelia dan Pekerja PSK dari seluruh negara. • Kursus DOHSA-HOU (Motor Action Training) diadakan 2 kali untuk pegawai Taman Sinar Harapan pada 20-25 Julai 2009 & 1-7 Ogos 2009. • Kursus Stimulasi Multi Sensori diadakan pada 18 Mei 2009 kepada 14 pegawai Taman Sinar Harapan. • Kursus Pengurusan Orang Kurang Upaya-sebanyak 5 siri diadakan pada bulan Jun dan Julai melibatkan 118 atendan Taman Sinar Harapan.

PROGRAM	PENCAPAIAN
	Kursus Job Coach - sebanyak 3 siri diadakan dengan melatih 90 pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat & Jabatan Tenaga Kerja sebagai Job Coach.
Membangunkan kepakaran kakitangan bagi: Kursus Stimulasi Multi Sensori Kursus Pengurusan OKU	- TOT Penyelaras, Penyelia & Petugas PDK Negeri diadakan pada 27 Feb -1 Mac 2009. - Telah dijalankan pada 8 Mei 2009 melibatkan 14 orang pegawai Taman Sinar Harapan. - Seramai 118 atendan dilatih di 5 buah Taman Sinar Harapan sepanjang Jun-Julai 2009. - Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat Jagaan Harian dan Unit Penyayang Warga Emas melibatkan Penyelaras Negeri, Penyelia PJHWE dan Pemandu UPWE pada 2-4 Nov 2009. - Bengkel Pemantapan Bhg. Warga Tua Keluarga melibatkan Ketua Institusi, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan Penyelaras Negeri diadakan pada 14-16 Nov 2009.
Membangunkan kepakaran kakitangan bagi: Kursus TOT Bagi Jurulatih Utama Program Dalam Komuniti (PDK) Negeri-Negeri 2009 Taklimat kategori baru Orang Kurang Upaya	- Kursus diadakan pada Feb-Mac dan Julai-Ogos 2009 kepada penyelaras PDK Negeri, Penyelia dan Petugas PDK untuk menjadi Jurulatih Utama dan fasilitator kepada Petugas-petugas PDK. - Telah diadakan sebanyak 2 kali: 22 Julai 2009: Melibatkan seramai 150 pegawai dan Pegawai Kebajikan Masyarakat. 15 Oktober 2009 di Dewan Nur: Melibatkan seramai 40 orang.
Membangunkan kepakaran kakitangan bagi: Perkhidmatan Warga Tua Keluarga	- Kursus Pengukuhan Kurikulum Dan Pengurusan Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah dilaksanakan untuk Pembantu Hal Ehwal Islam di setiap Institusi Warga Tua Keluarga pada 3-5 Mac 2009. - Kursus Care Givers - 4 siri kursus telah dijalankan di 3 institusi Rumah Seri Kenangan dan 1 institusi Rumah Ehsan. - Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat Jagaan Harian dan Unit Penyayang Warga Emas melibatkan Penyelaras Negeri, Penyelia Pusat Jagaan Harian Warga Emas dan Pemandu Unit Penyayang Warga Emas pada 2-4 Nov 2009. - Bengkel Pemantapan Bahagian Warga Tua Keluarga melibatkan Ketua Institusi, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan Penyelaras Negeri pada 14-16 Nov 2009.
Membangunkan kepakaran kakitangan bagi: Perkhidmatan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM)	- Kursus Pemantapan Pelaksanaan PKM - 4 kursus dijalankan melibatkan Zon Selatan, Utara, Timur dan Sabah/Sarawak. - Kursus How to Serve the Court - 4 kursus dijalankan melibatkan Zon Timur Utara & Tengah, Selatan dan Sabah/Sarawak.

PROGRAM	PENCAPAIAN
	• Kem Jati Diri Pelatih - 4 kursus telah dijalankan melibatkan Zon Malaysia Timur, Zon Tengah, Zon Utara, dan Zon Timur kepada 120 orang pelatih. • Peluasan PKM di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - 11 perbincangan telah dilakukan melibatkan negeri Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Johor, Sarawak dan Sabah. Hasilnya adalah negeri-negeri tersebut bersetuju dengan pelaksanaan PKM di PBT berkenaan. • Program Sehari Bersama Penjara- Telah dilaksanakan pada 12 Mei dan 8 Julai 2009 melibatkan 90 orang pelatih. • Perkongsian pengalaman CSO Malaysia & Singapura diadakan di Awana Genting pada 13 hingga 16 Oktober 2009 melibatkan 120 orang pegawai dan penolong pegawai.
Membangunkan kepakaran kakitangan bagi: - Perkhidmatan kanak-kanak	• Bengkel Pemantapan Pusat Pusat Perlindungan Kanak-Kanak Bagi Penyelaras dan Fasilitator Pusat Aktiviti Kanak-Kanak pada Julai 2009 – seramai 124 pelindung dan 132 fasilitator terlibat. • Kursus Pengukuhan Kurikulum & Pengurusan Institusi pada Mac 2009. • Bengkel Training Of Trainers Reaching Out to Disadvantaged Youth To Address Sexual Reproductive Health Needs and HIV Prevention Through Peer Education pada Oktober 2009. • Kursus untuk Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah sebagai pelindung oleh Persatuan Pekerja Sosial sebanyak 6 siri – seramai 150 orang pelindung terlibat.
Pengambilan pegawai JKM dengan kelayakan kerja sosial	• Kertas cadangan penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Penolong Pegawai telah disediakan untuk diangkat ke Kementerian untuk dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam bagi kelulusan.
Mewujudkan Pasukan Audit & Naziran	• Juruaudit Bantuan Kebajikan telah dilantik pada Januari 2009 di Jabatan Kebajikan Masyarakat Perlis, Kedah, Selangor, WPKL, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan & Terengganu
Meluaskan penggunaan Sistem Maklumat Kakitangan (HRMIS)	• Pelaksanaan 100% di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pelaksanaan di peringkat Negeri sedang dijalankan bermula di Negeri Selangor pada November 2009.
Membangunkan Profil Psikologi Kakitangan (menggunakan alat psikologi termasuk Leonard Personality Inventory)	Dua ujian psikologi telah ditadbir kepada kakitangan bermula pada September 2009 iaitu:- i) Inventori Personaliti Sidek (IPS) ii) Inventori 16 Faktor Personaliti (16PF) • Status pelaksanaan mengikut Ibu Pejabat JKM dan JKM Negeri:- Ibu Pejabat JKM IPS – 80 % daripada jumlah kakitangan telah menjalani ujian tersebut 16PF – belum dilaksanakan

PROGRAM

Membangunkan Profil Psikologi Kakitangan (menggunakan alat psikologi termasuk Leonard Personality Inventory)

PENCAPAIAN

PLPP Bangi

- IPS - telah ditadbir kepada **56 org** kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada November 2009
- 16PF - telah ditadbir kepada **13 org** kakitangan Kumpulan P&P pada November 2009

JKM Negeri Perak

- 16PF - telah ditadbir kepada **557 orang** kakitangan pada Oktober 2009

JKM Negeri Melaka

- IPS - telah ditadbir kepada **211 orang** kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada September – Oktober 2009
- 16PF - telah ditadbir kepada **48 orang** kakitangan Kumpulan P&P pada September – Oktober 2009

JKM Negeri Sarawak

- IPS - telah ditadbir kepada **103 orang** kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada November – Disember 2009
- 16PF - telah ditadbir kepada **64 orang** kakitangan Kumpulan P&P pada November – Disember 2009

JKM Negeri Terengganu

- IPS - telah ditadbir kepada **263 orang** kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada September – Oktober 2009
- 16PF - telah ditadbir kepada **69 orang** kakitangan Kumpulan P&P pada September – Oktober 2009

JKM Negeri Pahang

- IPS - telah ditadbir kepada **335 orang** kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada September – Oktober 2009
- 16PF - telah ditadbir kepada **115 orang** kakitangan Kumpulan Pengurusan & Profesional pada September – Oktober 2009

JKM Negeri Pulau Pinang

- IPS - telah ditadbir kepada **208 orang** kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada September – Oktober 2009
- 16PF - telah ditadbir kepada **55 orang** kakitangan Kumpulan Pengurusan & Profesional pada September – Oktober 2009

JKM Negeri Kelantan

- IPS - telah ditadbir kepada **281 orang** kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada September – Oktober 2009
- 16PF - telah ditadbir kepada **115 org** kakitangan Kumpulan Pengurusan & Profesional pada September – Oktober 2009

PROGRAM	PENCAPAIAN
	JKM Negeri Johor IPS - telah ditadbir kepada 354 orang kakitangan Kumpulan Sokongan 1&2 pada September – Oktober 2009 16PF - telah ditadbir kepada 81 orang kakitangan Kumpulan Pengurusan & Profesional pada September – Oktober 2009
Pembentukan Sahsiah & Integriti Kakitangan: PERASE (Pembimbing Rakan Sebaya) Panel Sahabat JKM	- Pelancaran PERASE pada 1 Mac 2009 semasa Mesyuarat MBJ Bil 1/2009. - Bilangan keahlian seramai 15 orang. - Mesyuarat telah diadakan sebanyak 4 kali dalam tahun 2009. - Aktiviti PERASE. - Ceramah Pembimbing Rakan Sebaya dan Kemahiran Asas Kaunseling. - Libatkan Ahli PERASE dalam kursus Motivasi dan 8 Pembangunan Kumpulan.
Pemantapan Pengurusan Organisasi Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Pemantapan MS ISO 9001:2000 Latihan Audit Penambahbaikan	- Pengemaskinian KPI Jabatan telah mencapai 95% bagi peringkat akhir. - Bengkel Kesedaran Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 kepada semua peringkat anggota organisasi merangkumi semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan mulai Mac 2009-Mei 2009. - Audit bagi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 diadakan sebanyak 2 kali iaitu Audit Dalaman mulai Mei 2009-Jun 2009 dan Audit Pemantauan Badan Pensijilan pada 16 hingga 18 November 2009. - Pindaan manual Kualiti dari versi MS ISO 9001:2000 kepada versi MS ISO 9001:2008 berkuatkuasa 1 Ogos 2009. - Membangunkan 2 Prosedur Kualiti Urus dan 1 Arahan Kerja yang baru bagi Sistem Teknologi Maklumat. - Membuat pindaan kepada Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 sedia ada: - Manual Kualiti sebanyak 45 pindaan. - Prosedur Kualiti Utama sebanyak 183 pindaan. - Prosedur Kualiti Urus sebanyak 83 pindaan. - Arahan Kerja sebanyak 48 pindaan.

B. PRODUCTIVE WELFARE

PROGRAM	PENCAPAIAN
Penyediaan Kertas Dasar	NKRAs berkaitan meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah menjadi rujukan induk dalam pengurusan bantuan kebajikan iaitu: a) Bayaran bantuan kebajikan pada 1 hb setiap bulan. b) Pemberian bantuan akan dapat membantu pembasmian miskin tegar. Dasar ini telah siap dibangunkan pada Disember 2009 dan diimplementasikan mulai tahun 2010.
Merangka Dasar Pemberian Geran kepada PSK	Bilangan kes Bantuan Geran Pelancaran yang diselia sepanjang tahun 2009 ialah sebanyak 466 kes.
Memantapkan Klien Produktif - Klien Penerima Bantuan Geran Pelancaran (GP) - Klien Berpotensi - Anak Klien Berpotensi	Kertas cadangan mengkaji semula Skim Bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Latihan Perantis telah disediakan tetapi masih belum diperakui. YB Timbalan Menteri akan menyusuli cadangan ini melalui Jawatankuasa Productive Welfare pada tahun 2010.
Melalui latihan atau rujukan kepada: • Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah • Agensi Kerajaan (cth: Jabatan Pertanian, FAMA) • Majlis Amanah Rakyat (MARA) • Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) • Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) • <i>Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC)</i> • <i>Social Entrepreneurship</i>	- Program kerjasama JKM-Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) - 203 OKU yang terima Geran Pelancaran dirujuk kepada JTKSM melalui program Skim Bantuan Geran Pelancaran OKU untuk mengembangkan perniagaan. - Program kerjasama JKM-SIME DARBY- 13 anak penerima bantuan dirujuk untuk biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi. - Program kerjasama <i>JKM-ALLIANCE Foundation</i> - Penempatan kerja kepada 19 klien/ ahli keluarga klien yang berminat.
Melalui latihan atau rujukan kepada: • Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah • Agensi Kerajaan (cth: Jabatan Pertanian, FAMA) • Majlis Amanah Rakyat (MARA) • Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) • Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) • <i>Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC)</i> • <i>Social Entrepreneurship</i>	- Penganjuran Kursus Pengurusan dan Keusahawanan Kebajikan di kalangan klien dan pekerja kes mengikut zon: - Zon Timur : 27 – 30 April 2009 di Kuantan - Zon Utara : 9 – 12 Jun 2009 di Jitra - Zon Tengah : 29 Ogos – 2 Sept 2009 di Sepang - Taklimat <i>Productive Welfare</i> disampaikan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kepada pegawai-pegawai JKM pada 3 Nov 2009.
Miskin Tegar	- Pendaftaran golongan miskin tegar dilakukan melalui sistem e-Kasih sebanyak 44,463 telah selesai diambil tindakan. - Sebanyak 16,217 kes telah diluluskan bantuan.
Projek Cari	(Inisiatif bersama dengan Bahagian Pembangunan Komuniti) - Bilangan kes yang dikesan dalam Projek Cari sebanyak 268,997 kes. - Bilangan kes yang telah diselesaikan penyiasatan sebanyak 224, 271. - Bilangan kes yang diluluskan bantuan sebanyak 140,159 kes. - Data adalah sehingga 30 Sept 2009.

PROGRAM	PENCAPAIAN																				
Projek Gempur Kebajikan (PGK)	- Bilangan kes yang tertunggak di awal PGK sebanyak 113,448 kes. - Bilangan kes yang diselesaikan siasatan di lapangan sebanyak 97,020 kes . - Bilangan kes yang diluluskan bantuan sebanyak 49,810 kes. - Data adalah sehingga 30 Nov 2009																				
Bayaran Bantuan Bulanan pada 1hb setiap bulan bayaran	Bayaran bantuan bulanan 1hb setiap bulan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah dimulakan sejak September 2009, manakala di Sabah dan Sarawak telah dilaksanakan mulai Januari 2010.																				
Kajisemula Client Management System (CMS) untuk semua institusi kebajikan iaitu : Institusi Kanak-Kanak Institusi Orang Kurang Upaya Institusi Warga Tua Keluarga	- CMS bagi institusi kebajikan kanak-kanak telah dikaji semula pada: - 12 Januari 2009: CMS Taman Seri Puteri - 12 Feb 2009: CMS Rumah Kanak-Kanan. - CMS telah disediakan dan dilaksanakan mulai Mac 2009. 3 CMS telah disediakan dan dalam tindakan memuktamadkan. CMS tersebut adalah seperti berikut: - CMS Rumah Seri Kenangan - (Kaedah Orang Tua) - CMS Rumah Ehsan - (Kaedah Rumah Sakit Melarat) - CMS Desa Bina Diri (Kaedah Orang Papa)																				
Program Edible Garden di semua Institusi Kebajikan Warga Tua Keluarga	Dilaksanakan di semua Rumah Seri Kenangan (RSK), Desa Bina Diri (DBD) dan Rumah Ehsan (RE) bersama program Satu Institusi Satu Produk seperti: <table> <tr> <td>RSK</td><td>- Anyaman Rotan</td></tr> <tr> <td>RSK Bedong</td><td>- Bunga Telur</td></tr> <tr> <td>RSK Taiping</td><td>- Penyapu Sabut /anyaman rotan</td></tr> <tr> <td>RSK Ulu Kinta</td><td>- Anyaman Lidi</td></tr> <tr> <td>RSK Serenban</td><td>- Anyaman Rotan</td></tr> <tr> <td>RSK Cheng</td><td>- Kraftangan Manik</td></tr> <tr> <td>RSK J.Bahru</td><td>- Kain Alas Kaki</td></tr> <tr> <td>RSK Kemumin</td><td>- Kraftangan</td></tr> <tr> <td>DBD Mersing</td><td>- Telur Masin/Pasu dpd suratkhbar / produk Roselle</td></tr> <tr> <td>DBD Jerantut</td><td>- Buah Naga (Dragon Fruit)</td></tr> </table>	RSK	- Anyaman Rotan	RSK Bedong	- Bunga Telur	RSK Taiping	- Penyapu Sabut /anyaman rotan	RSK Ulu Kinta	- Anyaman Lidi	RSK Serenban	- Anyaman Rotan	RSK Cheng	- Kraftangan Manik	RSK J.Bahru	- Kain Alas Kaki	RSK Kemumin	- Kraftangan	DBD Mersing	- Telur Masin/Pasu dpd suratkhbar / produk Roselle	DBD Jerantut	- Buah Naga (Dragon Fruit)
RSK	- Anyaman Rotan																				
RSK Bedong	- Bunga Telur																				
RSK Taiping	- Penyapu Sabut /anyaman rotan																				
RSK Ulu Kinta	- Anyaman Lidi																				
RSK Serenban	- Anyaman Rotan																				
RSK Cheng	- Kraftangan Manik																				
RSK J.Bahru	- Kain Alas Kaki																				
RSK Kemumin	- Kraftangan																				
DBD Mersing	- Telur Masin/Pasu dpd suratkhbar / produk Roselle																				
DBD Jerantut	- Buah Naga (Dragon Fruit)																				
Orang Kurang Upaya	Dilaksanakan di 8 Institusi (6 di Taman Sinar Harapan, 1 di Bengkel Terlindung dan 1 di Pusat Harian Bukit Tunku) mulai Feb 2009.																				
Kanak-Kanak	Semua institusi kanak-kanak terlibat dalam program Edible Garden. Kompleks Penyayang Bakti telah dilawati oleh FAMA dan Jabatan Pertanian Negeri Selangor pada 1 Julai 2009.																				

PROGRAM	PENCAPAIAN
Program pemantapan Institusi Kanak-Kanak Pendidikan & Akademik Pembangunan Insan Perluasan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA 2M) Zero to Hero Kelab Hugs & Affection Program Hope Card Tracking System (bekas penghuni institusi) Alumni bekas penghuni	- Dalam tahun 2009, seramai 90 org kanak-kanak telah bersekolah di luar dan 145 kanak-kanak mendapat pendidikan di dalam institusi. - Sebanyak 6 program pembangunan insan dijalankan sepanjang 2009 kepada semua institusi kebajikan kanak-kanak. - Program Kelas Intervensi telah dijalankan seperti berikut: - Asrama Siliabin – 25 orang - Taman Seri Puteri Kota Kinabalu – 2 orang - Sekolah Tunas Bakti Kota Kinabalu – 4 orang - Rumah Budak Laki-Laki – 3 orang - Rumah Kanak-Kanak Rembau - 3 orang - Antara pencapaian akademik kanak-kanak di RKK di dalam peperiksaan adalah seperti berikut: - RKK Arau – 2 kanak-kanak memperoleh sekurang-kurang 1A bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2008. - RKK Rembau – 1 orang kanak-kanak mendapat 2A dan seorang mendapat 6A bagi PMR 2008 - RKK Kota Kinabalu – 1 orang kanak-kanak mendapat 8A bagi PMR 2008 dan melanjutkan pelajaran di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). - Program ini dihadiri oleh ahli kelab seminggu sekali bertempat di RKK Tengku Budriah pada awal 2009 dan dihentikan sementara ekoran H1N1. - Program yang dijalankan ialah: - Ceramah Kerjaya di Sekolah Tunas Bakti (STB) Sg. Besi pada 20 Feb 2009. - Lawatan ke Rembau Crystal oleh RKK Rembau pada 27 Ogos 2009. - Lawatan ke kilang jahitan Dr. Stich oleh Pusat Perkembangan Kemahiran Serendah (PPKS) pada 28 Okt 2009. - Semua institusi kebajikan kanak-kanak telah meneruskan profil penghuni kanak-kanak sejak Ogos 2008. Sehingga kini seramai 2511 orang profil kanak-kanak telah dikemaskini. - Kanak-kanak lepasan RKK Kuantan, RBL, RKK Cheras dan RKK Kuala Kangsar telah mendaftarkan pertubuhan mereka dengan ROS atas Pertubuhan Pembelaan Anak Yatim / Bantuan / Bekas Penghuni JKM Malaysia @ J'KEB pada pertengahan 2009.
Program kaunseling (Counselling Tools) Ujian Penaksiran Tennessee Self-Concept Scale (TSCS)	- Telah ditadbir kepada 158 org kanak – kanak di institusi JKM seperti berikut: - Seramai 43 org (27.2%) kanak – kanak mempunyai konsep sendiri positif. - Seramai 115 org (72.8%) kanak – kanak mempunyai konsep sendiri negatif.

PROGRAM	PENCAPAIAN
- Ujian Personaliti untuk remaja/pelajar sekolah (High School Personality Questionnaire–HSPQ) - Ujian Kecenderungan Minat Kerjaya (Self-Directed Search –SDS) - Ujian Kefungsian Keluarga (Family Adaptability & Cohesion Evaluation Scale III (Faces III)	- Telah ditadbir kepada 9 orang kanak – kanak di institusi JKM (yang bersekolah sahaja) - Sebagai garis panduan mengenalpasti ciri-ciri personaliti kanak-kanak. - Telah ditadbir kepada 17 orang kanak – kanak - Ujian ini memerlukan kanak-kanak berada dalam sistem keluarga, oleh itu ujian ini tidak digalakkan untuk ditadbir kepada kanak-kanak di institusi kerana boleh menimbulkan isu sensitif kepada kanak-kanak. Namun begitu kaunseling keluarga dan terapi dijalankan kepada kanak-kanak untuk merapatkan hubungan kanak-kanak dan keluarga.
Program Pemantapan Institusi Orang Kurang Upaya - Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) - Pusat Kecemerlangan - Penempatan pekerjaan pelatih PLPP	- Bengkel halatuju kecemerlangan PLPP dilaksanakan pada 9 Jun 2009 931 OKU telah menamatkan latihan - Bekas pelajar PLPP yang telah mendapat pekerjaan seramai 200 orang di sektor awam, swasta dan bekerja sendiri
Program Pemantapan Institusi Warga Emas - Program perkongsian bijak JKM-Institut Gerontologi (IG), UPM - Outsourcing - Rumah Seri Kenangan - Rumah Ehsan	4 siri Kursus Penjagaan Warga Emas melibatkan penceramah daripada IG. - IG bertindak sebagai fasilitator dalam Bengkel Perancangan Strategik Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Kebangsaan - Perbincangan bersama Hospital bagi cadangan <i>outsourcing</i> perkhidmatan kesihatan, pembersihan, dobi dan makanan di RSK dan DBD yang bersesuaian.

C. PENJAGAAN BERKUALITI

PROGRAM	PENCAPAIAN
Membangunkan Modul Kursus Asas Penjagaan untuk Institusi JKM & NGO: - Kanak-kanak - OKU	- National Occupational Skills Standards (NOSS) telah disiapkan: - NOSS Penjagaan Warga Emas - NOSS Penjagaan OKU - NOSS Penjagaan Kanak-Kanak Lepas Sekolah - Jagaan Komuniti (Community Care)

PROGRAM	PENCAPAIAN
Warga emas - Kerjasama dengan MAKPEM, NGO, IPTA/IPTS - Latihan kepada Jurulatih (TOT) - Pengiktirafan agensi yang mengendalikan kursus (wujudkan Jawatankuasa Pengiktirafan) Akta TASKA 1984 dan Peraturan mengenainya: - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (di Institusi) 2008 - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (di Tempat Kerja) 2008 - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (di Rumah) 2008 - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (di Rumah) 2008 Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 2008 Pelaksanaan Penguatkuasaan & Pendakwaan	- NOSS bagi Penjagaan Komuniti akan dibawa kepada Majlis Penasihat Pembangunan Kemahiran (MPPK) untuk kelulusan. 17 agensi telah diberi pengiktirafan untuk menjalankan kursus Pengasuhan Kanak-kanak menggunakan NOSS melalui Sistem Latihan Dual National (SLDN). - Promosi Program Sistem Latihan Dual National (SLDN) telah dilaksanakan di setiap negeri. - Jawatankuasa Teknikal bagi Penyelarasan Care & Community Services bersama Jabatan PK telah diadakan pada 3 September 2009. - JKM telah kemukakan permohonan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang KPWK M untuk menarik balik klausa di bawah peraturan yang tidak selaras dengan Konsep 1 Malaysia berhubung "Liberalisasi" bagi membenarkan pengusaha luar negara membuka TASKA dan Pusat Jagaan di Malaysia. Peraturan belum diluluskan, sedang dalam semakan Jabatan Peguam Negara. - Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 2008 telah dikembalikan untuk semakan semula, Jabatan sedang mengambil tindakan pembetulan bersama Pejabat Penasihat Undang-undang. - Institut Sosial Malaysia dengan kerjasama JKM telah mengadakan 4 kali Kursus Penyiasatan dan Pendakwaan. 57 Pegawai telah diberi Kuasa TASKA dan Pusat jagaan. - Lawatan ke agensi-agensi Penguatkuasaan (Institut Latihan Polis Di Raja Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia) diadakan pada Jun & Julai 2009. - Borang-borang Siasatan dan Pendakwaan telah disediakan dan diubahsuai berdasarkan keperluan JKM. - Sebanyak 250 Notis Untuk Mengambil Tindakan telah dikeluarkan kepada pengusaha dan pengendali TASKA dan Pusat Jagaan. - Sebanyak 3 operasi bersepadu telah dilakukan bersama Polis dan PBT (dua buat Pusat Jagaan di Selangor dan satu TASKA di WPKL). - Bagi memantapkan Unit Penguatkuasaan, Jabatan telah membekalkan peralatan berikut kepada negeri: a) 15 buah kenderaan Frontier b) 115 buah Kit Penguatkuasaan c) 300 helai vest penguatkuasaan

PROGRAM	PENCAPAIAN
Pelaksanaan Penguatkuasaan & Pendakwaan Program/kempen kesedaran kepada pengusaha Taska & Pusat Jagaan melalui: - Media massa dan elektronik	- JKM dengan kerjasama ISM telah mengadakan 4 kali Kursus Pendakwaan TASKA bagi Pegawai Penyiasat & Pendakwa kepada 57 Pegawai diberikuasa TASKA & Pusat Jagaan. - Melengkapkan peralatan penguatkuasaan a) Kenderaan Frontier di setiap negeri kecuali Perlis & Labuan (15 buah) b) Kit Penguatkuasaan kepada setiap negeri dan daerah (115 buah) c) Vest Penguatkuasaan kepada setiap Pegawai diberikuasa (300 helai) d) Buku untuk pegawai penyiasat: - Buku saku - Buku Notis Pematuhan

D. PEMANTAPAN SISTEM ICT JKM

PROGRAM	PENCAPAIAN
e-Bantuan Naik taraf e-Bantuan	Modul penambahbaikan Sistem e-bantuan telah siap untuk fasa 4
e-JKM Pembangunan Aplikasi e-JKM (22 perkhidmatan JKM) Sistem Maklumat Perangkaan (SMP) online HRMIS - Modul Perjawatan - Modul Latihan - Modul Kompetensi Sistem Pencari Pekerjaan OKU Kad Penerima Bantuan (Kad Prihatin Malaysia) Kad Pendaftaran OKU (e-Kad)	- Pilot di JKMWP KL & JKMN Selangor a) JKMWP KL R1 pada September 2009 & R2 pada Oktober 2009 b) JKMN Selangor: R1 & R2-Disember 2009 - Modul SMP 9- Perkhidmatan Pendaftaran dan Pemulihan OKU selesai dibangunkan - Modul Sistem maklumat Perjawatan siap dibangunkan - Modul Latihan & Kompetensi dibatalkan mengikut arahan JPICT KPWKM - Pendaftaran Pencari Kerja OKU secara on-line telah dilaksanakan mulai Disember 2008. Sehingga Disember 2009 seramai 555 OKU berdaftar secara online. - Pelaksanaan Kad JKSM dalam tindakan KPWKM - Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) yang merangkumi Kad Pendaftaran OKU diuruskan KPWKM.

E. PERKONGSIAN BIJAK

PROGRAM	PENCAPAIAN
Pemantapan Program K4K - Menempatkan Pegawai Pembangunan Komuniti di PPR - Perkhidmatan Unit Khidmat Penyayang (UKP) - Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD) - Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) - Rumah Tunas Harapan - OASIS (Pusat Jagaan Sebelum dan Selepas Waktu Sekolah)	- Seorang Pegawai Pembangunan Komuniti telah ditempatkan di: - PPR Seri Pantai, Lembah Pantai Kuala Lumpur. - PPR Seri Pahang, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. - PPR Tmn. Putra Damai, Lembah Subang, Selangor. 62 unit kenderaan untuk khidmat penyayang dibekalkan kepada JKMN di seluruh negara. - JKKD dilantik untuk tempoh 1 Ogos 2008 hingga 31 Julai 2010. Sebanyak 6 program telah dilaksanakan sepanjang 2009. - Peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM 15,300,000.00 membolehkan sebanyak 106 buah PPKK memantapkan program dan aktiviti terutama bagi 139 buah PAKK. - Pembukaan RTH bersama JUSCO di Taman Kota Perdana, Seri Kembangan telah beroperasi pada Nov 2009 dan memberi manfaat kpd 6 orang kanak-kanak. - Penubuhan Pusat Jagaan Sebelum dan Selepas Waktu Sekolah telah dilaksanakan di 3 kawasan iaitu: i. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PAKK Bandar Tun Razak) ii. Pahang (PAKK Raub) iii. Kelantan (PAKK Jeli)
Pelaksanaan Inisiatif Corporate Social Responsibility (CSR) - CSR di STB Sg. Besi, RKK Cheras, PPKK Serendah - Program Pemulihan Dalam Komuniti - Program Penempatan Pekerjaan	- Menerima sumbangan daripada 1260 badan korporat/swasta dalam bentuk kewangan dan barangan berjumlah RM 3,899,395.23. - Program Singgahan Kasih oleh Maybank. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama 280 kanak-kanak dari institusi sekitar Selangor & Kuala Lumpur. - Sumbangan 3000 unit ubat dan brus gigi oleh Colgate and Palmolive, produk makanan Nestle Products & 3000 kotak Kentucky Fried Chicken pada Hari Kanak-kanak (7 Nov 09). - Syarikat Roche (M) Sdn. Bhd. telah membiayai kos perkhidmatan Jurupulih Cara Kerja di 7 buah PDK di Negeri Selangor. - Syarikat Procter and Gamble (P&G) telah menyumbangkan peralatan multi sensori kepada 14 buah PDK di seluruh negara. - Peluang pekerjaan kepada OKU di sektor swasta di: - Penempatan OKU adalah seperti berikut : - Giant Hypermarket: 105 orang - Carrefour Hypermarket: 56 orang - KFC Holding: 48 orang - Vacuum Schmelze: 30 orang
Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)	- Yayasan Tenaga Nasional Bhd. Menyumbang keperluan asas (peti sejuk katil & peralatan persekolahan) kepada 5 buah PSK yang terpilih pada bulan April 2009. - Kerjasama dengan Majlis Pemulihan Malaysia dan Yayasan Sultan Idris bagi memberi latihan kemahiran dalam aspek pengajaran dan pembelajaran pelatih OKU kepada petugas PDK di Malaysia.

PROGRAM	PENCAPAIAN		
Pemantapan kerjasama antara kementerian/agensi • Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) • Kementerian Pelajaran • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) • Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) • Kemementerian Sumber Manusia • Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	• 4 siri kursus penjagaan warga emas diadakan dengan kerjasama Institut Gerontologi dan Kementerian Kesihatan Malaysia. • Satu perbincangan dan penyelarasan tindakan berkaitan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dengan NGO, Polis Di Raja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dan KKM. • Satu Mesyuarat Inter Agensi bagi membanteras pengemis pada Mac 2009 telah diadakan bersama PDRM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, KKM dan Imigresen.		
Pemantapan Kerjasama antarabangsa • <i>Japanese International Cooperation Agency (JICA)-Fasa I</i> • <i>Fukushima Association of Motor Action Training (FAMAT) - Latihan Motor Action</i> • <i>United Nations Development Programme (UNDP)</i>	• Jabatan Pembangunan OKU telah menerima penempatan seorang pakar dari JICA dalam bidang PDK dan Independent Living bagi tempoh 3 tahun bermula 1 Sept 2009-31 Ogos 2009. • 4 orang pakar FAMAT dalam bidang <i>Motor Action Training</i> untuk melatih pegawai dan kakitangan serta petugas PDK sebanyak 2 kali. • Projek 1: <i>Transport For Persons With Disabilities: Support of The Dev. Of Accessible Transport In Penang</i> - Tempoh pelaksanaan: Januari 2008 – Disember 2009. - Jumlah perbelanjaan sehingga Disember 2009 USD 124,526.00. • Projek 2: <i>Encouraging Increased Participation By Persons With Disabilities In The Work-force In The State Of Johor.</i> - Menerima Laporan Akhir pada 9 Dec 2009.		
Program – Reaching Out to Disadvantaged Youth to Address Sexual Reproductive Health (SRH) Needs and HIV Prevention Through Peer Education - Taman Seri Puteri (TSP) Batu Gajah - Sekolah Tunas Bakti (STB) Jerantut - Sekolah Tunas Bakti (STB) Sungai Besi • Hari Kanak-Kanak • Hari OKU • Karnival Warga Emas • Pertandingan Pancaragam • Sukan Jabatan • Pertandingan Tilawah	<table border="0"> <tr> <td> • Projek Baru - STB Jerantut - TSP Batu Gajah </td><td> • Projek Lanjutan - STB Sg. Besi - STB Taiping - STB Sg. Lereh - STB Marang </td></tr> </table> • Sambutan Hari Kanak-kanak pada 7 November 2009 disertai oleh 3000 orang yang terdiri dari ibu bapa dan kanak-kanak. • Sambutan Hari Orang Kurang Upaya pada 5 Dis. 2009 disertai seramai 3000 orang. • Karnival Warga Emas 2009 14 Nov.2009 di Taman Pudu Ulu, Cheras, KL. • Pertandingan Pancaragam pada 8-11 Jun 2009 melibatkan 800 orang kanak-kanak. • Telah diadakan di Terengganu pada 22 – 27 Jun 2009. • Majlis Tilawah Al-Quran/Pertandingan Nasyid Jabatan Kebajikan Masyarakat ke 37 pada 20-24 November 2009 di UiTM Sri Iskandar, Perak	• Projek Baru - STB Jerantut - TSP Batu Gajah	• Projek Lanjutan - STB Sg. Besi - STB Taiping - STB Sg. Lereh - STB Marang
• Projek Baru - STB Jerantut - TSP Batu Gajah	• Projek Lanjutan - STB Sg. Besi - STB Taiping - STB Sg. Lereh - STB Marang		



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

JABATAN
PEMBANGUNAN WANITA (JPW)

Pada tahun 1983, Urus Setia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri atau HAWA diwujudkan bagi mengambil alih tugas sebagai Urusetia NACIWID. Justeru pada 26 Ogos 1985, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya HAWA diperkukuhkan dengan menaikkan tarafnya kepada Bahagian dan pada 27 Oktober 1990, Bahagian Hal Ehwal Wanita telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Manakala pada 29 Januari 1997, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Bahagian Hal Ehwal Wanita dinaikkan taraf kepada sebuah Jabatan. HAWA telah beroperasi sebagai sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mulai 1 Julai 1997. Selepas Pilihanraya Umum 1999 dan rombakan kabinet, Jabatan Hal Ehwal Wanita telah diletakkan semula di Jabatan Perdana Menteri pada 18 Disember 1999.

Tanggal 1 Julai 2001, Jabatan Hal Ehwal Wanita distruktur semula dan dinamakan sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). JPW berfungsi sebagai jentera pelaksana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan menjalankan program dan aktiviti pembangunan wanita selaras dengan visi dan misi KPWKM. JPW terdiri daripada lima bahagian iaitu:

- i. Bahagian Perancangan Pembangunan Wanita;
- ii. Bahagian Pembangunan Kapasiti;
- iii. Bahagian Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian;
- iv. Bahagian Bimbingan dan Kauseling; dan
- v. Bahagian Khidmat Pengurusan.

Pejabat cawangan JPW iaitu Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) telah ditubuhkan di 13 buah negeri pada 1 Mac 2002

PENCAPAIAN 2009

Sepanjang tahun 2009, JPW telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang telah memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya golongan wanita. Pelbagai inisiatif telah diambil untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi dengan menggalakkan wanita melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan.

Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan termasuk program peningkatan kemahiran kesedaran kualiti hidup wanita, program kesejahteraan emosi wanita, program kerjasama dengan kementerian/agensi lain, dan program kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) melalui pengagihan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan. Di peringkat negeri, pelbagai program peningkatan kemahiran serta pendapatan dilaksanakan untuk wanita khususnya yang berpendapatan rendah menerusi 13 buah PPWN di seluruh negara. Program-program tersebut adalah :

PROGRAM INKUBATOR KEMAHIRAN IBU TUNGGAL (I-KIT)

Program I-KIT memberikan latihan kemahiran dan bimbingan keusahawanan untuk ibu tunggal bagi membolehkan mereka menjana pendapatan. Seramai 30 orang ibu tunggal dari setiap negeri dilatih serta dibimbing dalam beberapa bidang seperti bidang jahitan, kecantikan, kraftangan, asuhan kanak-kanak, pelancongan, dan pemprosesan makanan. Selain itu, peserta turut didedahkan dengan kemahiran '*softskills*' sebagai persediaan untuk menceburi bidang pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri seperti kemahiran bahasa, komunikasi interpersonal, ketrampilan, dan asas keusahawanan. Tahun 2009 telah mencatatkan seramai 450 orang ibu tunggal menyertai program ini berbanding 349 orang pada tahun 2008.



Latihan yang diberikan adalah secara praktikal



Kejayaan para peserta I-KIT adalah kebanggaan JPW



Ramai usahawan telah dilahirkan oleh JPW menerusi Program Jejar Bestari

PROGRAM JEJARI BESTARI

Program ini dijalankan secara 'outreach' di peringkat akar umbi iaitu melalui latihan kemahiran dalam bidang jahitan (pakaian, langsir dan hiasan dalaman), sulaman dan jahitan manik, pembuatan aksesori wanita dan kraftangan yang diberikan kepada 30 orang peserta di setiap kawasan parlimen. Jejar Bestari turut dijalankan dengan kerjasama NGO tempatan dan pemimpin masyarakat setempat.

Semenjak diperkenalkan pada tahun 2007, hampir 10,000 wanita telah mengikuti program ini yang menjadi jenama JPW di kalangan masyarakat terutama di kawasan pedalaman termasuk Sabah dan Sarawak. Tahun 2009 mencatatkan penyertaan 6,660 orang peserta termasuk wanita Orang Asli.

PROGRAM HOME MANAGERS

Program *Home Managers* atau Pengurusan Kediaman ini meliputi bidang kebersihan, kerja-kerja rumah dan keselamatan, penjagaan bayi dan kanak-kanak, penjagaan warga emas dan pesakit serta pertolongan cemas. Program ini dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta. Program ini telah disertai seramai 640 orang wanita yang berminat untuk menceburi bidang pengurusan kediaman ini secara profesional.

Peserta yang tamat latihan diberikan sijil Pengiktirafan



Ramai peserta terdiri daripada generasi muda



PROGRAM INSPIRASI KREATIF

Program ini menyediakan latihan kemahiran komersil yang membantu wanita menambah pendapatan. Kemahiran yang dipelajari adalah jahitan manik dan sulaman, pembuatan aksesori/perhiasan diri, cenderamata/gubahan hantaran dan kraftangan menggunakan bahan terpakai. Peserta turut dibekalkan dengan maklumat keusahawanan sebagai galakan untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Program ini telah diperluaskan kepada 450 orang wanita di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.



Peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat berpeluang menyertai Program Inspirasi Kreatif



Seorang peserta Agronita dengan Hasil tuaian Rock Melon



Penanaman Rock Melon ini telah dapat membantu para pesertanya meningkatkan pendapatan mereka

BENGKEL USAHAWAN WANITA

Bertemakan 'Usahawan Wanita Survival Tinggi: Pencetus Inspirasi, Penggerak Ekonomi', bengkel ini dikendalikan melalui ceramah dan interaksi bersama peserta. Antara isu yang dibincangkan adalah berkaitan perundangan, strategi pembangunan perniagaan, kemudahan dan pembiayaan kewangan yang disediakan oleh agensi kerajaan. Para peserta yang telah menghadiri program ini berpeluang berkongsi pengalaman dengan tokoh usahawan wanita yang berjaya dalam perniagaan masing-masing. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.).

Bengkel ini telah berjaya diadakan di negeri Johor, Kelantan, Sabah dan Sarawak dengan melibatkan seramai 1,200 penyertaan wanita.

PROGRAM USAHAWAN TANI WANITA ATAU AGRONITA

Program Agronita seperti penanaman Bunga Melur yang dijalankan di Raub Pahang pada tahun 2008 telah diteruskan pada tahun 2009 dengan tanaman Rock Melon di Johor, Cendawan Tiram di Labuan, Jagung di Terengganu dan Pisang di Sabah. Melalui program ini peserta telah berjaya menambahkan pendapatan bulanan mereka disamping menggalakkan penglibatan wanita secara langsung dalam industri pertanian dan penghasilan produk makanan dan minuman harian.



Sambutan yang sentiasa menggalakkan daripada peserta



Peserta sentiasa diberi peluang untuk berkongsi idea dalam apa jua program anjuran JPW

SEMINAR PELABURAN SWASTA DALAM SEKTOR PERTANIAN

Seminar ini dianjurkan bagi menggabungkan sektor pertanian dan perniagaan yang berpotensi untuk memacu ekonomi negara. Usahawan yang dilahirkan menerusi program ini akan mempunyai daya saing yang tinggi, berdaya maju dan berdikari. Seminar ini telah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita dengan Persatuan Usahawan Graduan Malaysia (PUGM). Program ini mencatatkan kehadiran seramai 180 orang wanita yang berminat dalam bidang perniagaan berasaskan pertanian. Maklumbalas yang diterima sangat memberangsangkan di mana kebanyakan peserta menunjukkan minat dan kesungguhan untuk mendapatkan perkhidmatan dan bantuan yang disediakan oleh agensi kerajaan berkaitan.

SMALL OFFICE HOME OFFICE (SOHO)

'SOHO' telah diperkenalkan sebagai susulan kepada pelancaran buku panduan bertajuk *Pejabat@Rumah* terbitan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Program ini telah berjaya menarik minat para wanita yang tidak bekerja seperti suri rumah, ibu tunggal dan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk turut menceburi bidang pekerjaan dan perniagaan dari rumah. 'SOHO' turut mempromosi inovasi usahawan di kalangan komuniti perniagaan yang berkonsepkan "Pejabat Dari Rumah". Jabatan Pembangunan Wanita menjalankan program ini dengan kerjasama agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pada tahun 2009 seramai 500 orang peserta telah mengikuti Seminar "*SOHO-The Road to Entrepreneurship*" manakala seramai 30 orang wanita kurang upaya telah mengikuti kursus latihan SOHO yang membolehkan mereka menceburi bidang '*tele-working*' dan pekerjaan berkaitan *Information and Communication Technology (ICT)*.

BENGKEL PEMERKASAAN USAHAWAN WANITA IKS

Sabah telah menjadi destinasi pertama yang terpilih pada tahun 2009 untuk menjalankan bengkel ini yang turut mendapat kerjasama daripada Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.), *Federation of Women Entrepreneurs Association Malaysia (FEM)* dan *Sabah Women Entrepreneurs and Professionals Association (SWEPA)*.

Pelaksanaan bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai senario Industri kecil dan sederhana serta peluang-peluang perniagaan bagi wanita yang berminat menceburi bidang ini. Selain itu, pelaksanaan bengkel ini juga bertujuan meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta mengenai pengurusan perniagaan yang strategik dan berkesan.

PROGRAM LITERASI UNDANG-UNDANG ETNIK MINORITI (ORANG ASLI)

Program yang dijalankan pada 16 Disember 2009 ini telah memberikan pendedahan dan pemahaman kepada peserta mengenai asas-asas perundangan sivil, syariah dan jenayah seksual. Program yang dijalankan di Rompin, Pahang ini telah disertai seramai 324 orang peserta yang terdiri daripada penduduk orang asli di daerah Rompin. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIM) dan telah dirasmikan secara sidang video dari Amerika Syarikat oleh Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

38 - Berita Harian - Thursday, December 17, 2009

YB Rompin guna sidang video rasmi program Orang Asli

Jamaludin buktikan tugas sebagai Duta Besar AS tidak jejas khidmat di kawasan Parlimen

BERITA HARIAN

ROMPIN, 17 Disember: Ahli Parlimen Rompin, Datuk Jamaludin Yusoff, telah mengadakan sidang video rasmi dengan orang-orang Asli di kawasan Parlimen Rompin, semalam. Beliau berkata, sidang video rasmi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang-orang Asli mengenai program-program yang dijalankan oleh kerajaan.



JAMALUDIN berucap bersama penduduk Orang Asli ketika mengadakan Program Sidang Video Rasmi dengan orang-orang Asli di kawasan Parlimen Rompin, semalam.

Langkah memajukan program ini merupakan satu langkah yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran orang-orang Asli mengenai program-program yang dijalankan oleh kerajaan. Beliau berkata, sidang video rasmi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang-orang Asli mengenai program-program yang dijalankan oleh kerajaan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata, sidang video rasmi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang-orang Asli mengenai program-program yang dijalankan oleh kerajaan.



Buat julung kalinya program anjuran JPW dirasmikan secara sidang video

Penglibatan daripada masyarakat orang asli sungguh menggalakkan

JPW sentiasa melakukan yang terbaik dalam melaksanakan program anjurannya

PROGRAM SEMINAR MENENGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

Program yang dijalankan di 222 kawasan parlimen ini bertujuan mewujudkan dan mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan serta peranan semua pihak dalam menangani dan seterusnya menghapuskan segala bentuk keganasan yang dilakukan terhadap wanita. Seramai 51,775 orang peserta yang terdiri daripada 9,919 peserta lelaki dan 41,856 peserta wanita telah terlibat dalam penganjuran program ini.

Program ini juga telah berjaya diadakan sebanyak 255 kali melibatkan 15 buah negeri. Kemuncak program ini ialah pada Hari Antarabangsa Bagi Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang telah diadakan pada 25 November 2009 di *Sunway Pyramid Convention Centre* dengan kerjasama *Sunway International Business & Management Sdn.Bhd* dan majlis ini telah disertai seramai 1,200 orang peserta.



Demonstrasi mempertahankan diri turut dipertontonkan kepada peserta



Kerjasama yang dijalinan dengan pihak Sunway International Business & Management Sdn.Bhd amat berjaya

MEMPERKASAKAN WANITA KAWASAN PEDALAMAN DENGAN KERJASAMA SWWS DAN BIRO WANITA SARAWAK

Objektif program ini dijalankan adalah untuk melaporkan kepada Jemaah Menteri berkenaan mesyuarat dan penyiasatan yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Bertindak Peringkat Kebangsaan bagi Menyiasat Dakwaan Penderaan Seksual terhadap Wanita

Kaum Penan di Sarawak. Program ini dijalankan secara berfasa mengikut kawasan. Fasa I merupakan lawatan awal ke kawasan 'Familiarisation Trip' yang dijalankan di Long San, Long Lama dan Niah pada 21 Jun hingga 12 Oktober 2009. Fasa II pula dijalankan di Long Lama pada 12 Oktober 14 Oktober 2009. Seramai 12 orang peserta telah terlibat dalam program Fasa I dan Fasa II pula disertai oleh 682 orang peserta.

PROGRAM "TOT" MENENGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA DAN ANAK GADIS MELALUI PROGRAM PENCEGAHAN DI SEKOLAH

Program yang dijalankan secara kerjasama dengan *Women's Centre For Change* (WCC) bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman serta kesedaran dikalangan kauselor sekolah dan pendidik di Pulau Pinang tentang isu gender serta keganasan terhadap wanita dan anak gadis. Program berkonsepkan *'Traning of Trainers'* ini disasarkan kepada Guru Kauselor telah dihadiri seramai 80 orang peserta.

PROGRAM MENGIMARAH RUMAH NUR

Program mengimarah Rumah Nur dilaksanakan bagi memperkukuhkan skop latihan dan program yang dijalankan untuk manfaat kumpulan sasar di peringkat akar umbi. Menerusi program ini, JPW dapat memperluaskan akses dan penyebaran maklumat kepada lebih ramai wanita untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Program-program yang dijalankan menerusi Pengimarah Rumah Nur adalah seperti Program Peningkatan Kemahiran, Pembangunan Kapasiti, Kesejahteraan emosi, Kepekaan gender, Menangani Keganasan Terhadap Wanita dan Literasi Undang-undang. Sepanjang tahun 2009, JPW telah berjaya melaksanakan sebanyak 272 program pengupayaan wanita untuk manfaat lebih 19,301 orang peserta di seluruh negara.

PERKHIDMATAN KAUSELING

Sehingga 31 Disember 2009, sebanyak 1,633 aduan telah diterima. Aduan ini termasuklah aduan secara bersemuka atau melalui panggilan telefon. Bilangan aduan yang diterima termasuklah melalui ibu pejabat JPW dan juga yang diterima oleh Pejabat PPWN. Antara kes yang diberikan kauseling adalah keganasan rumah tangga, penderaan, rogol, sumbang mahram, gangguan seksual, masalah kewangan, tuntutan nafkah dan sebagainya.

PROGRAM WANITA BIJAKSANA KELUARGA SEJAHTERA

Program ini dilaksanakan di setiap negeri menerusi PPWN dengan melibatkan penyertaan seramai 1,330 orang peserta. Program ini terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak. Mereka diberi penekanan kepada aspek kekeluargaan iaitu kemahiran keibubapaan, komunikasi berkesan serta pendekatan psikologi dalam mendidik anak-anak serta pengetahuan mengenai cara-cara untuk menangani tekanan.



Penglibatan semua ahli keluarga dalam program ini telah memberikan impak yang besar kepada mereka

AGIHAN PERUNTUKAN BANTUAN KHAS PERBENDAHARAAN KEPADA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) WANITA

JPW turut mengadakan jalinan kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) wanita untuk melaksanakan program-program pembangunan wanita melalui pengagihan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan. Peruntukan yang diagihkan kepada NGO adalah untuk pelaksanaan program pembangunan wanita di bawah bidang-bidang keutamaan seperti berikut:

- i. Latihan dan Peningkatan Kemahiran
- ii. Peningkatan Kapasiti Wanita
- iii. Literasi Undang-undang (Sivil dan Syariah)
- iv. Pengurusan Emosi
- v. Kepekaan Gender
- vi. NurBahagia; dan
- vii. Bidang tambahan yang ditentukan oleh KPWK mengikut isu-isu semasa

Sepanjang tahun 2009, JPW telah meluluskan sebanyak 225 program pembangunan wanita untuk dilaksanakan oleh 55 NGO dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,928,285.00 dengan melibatkan seramai 16,666 orang peserta.

PROGRAM KHAS

KONVENSYEN MAJLIS PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA (MPWK)

Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) merupakan platform bagi mengutarakan isu-isu berkaitan pembangunan wanita dan keluarga. Justeru pada tahun 2009, Konvensyen MPWK telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 3 hingga 4 Jun 2009 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur dan pada 5 dan 6 Oktober 2009 di Hotel Royal Bintang Seremban, Negeri Sembilan. Matlamat penganjuran konvensyen ini adalah seperti berikut :

i. Sebagai medium kepada KPWK menyampaikan hasrat dan hala tuju kementerian bagi tahun 2009 kepada semua pengerusi MPWK untuk disebarkan kepada rakyat di peringkat akar umbi agar segala perancangan yang dibuat pada tahun tersebut dapat difahami dan dihayati terutamanya yang tinggal di kawasan luar bandar.

ii. Sebagai satu platform untuk Pengerusi MPWK Peringkat Negeri dan Kawasan Parlimen dalam mengutarakan idea dan pendapat mengenai pelaksanaan program khususnya dari segi strategi pelaksanaan yang lebih berkesan untuk memastikan objektif yang ditetapkan tercapai; dan

iii. Membolehkan isu-isu yang timbul di peringkat akar umbi diketengahkan oleh para Pengerusi MPWK untuk perhatian KPWK dan dibincangkan bagi mencari penyelesaiannya.



*Sambutan Hari Wanita 2009
disambut meriah*

Dasar Wanita Negara dilancarkan semula selepas kajian semula



SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KEBANGSAAN

Bersaksikan Menara Berkembar Kuala Lumpur, wanita-wanita dari seluruh negara tidak mengira kaum dan golongan termasuk orang kurang upaya (OKU) dan juga warga emas sekali lagi berhimpun beramai-ramai di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur pada tanggal 25 Ogos 2009 bagi bersama-sama meraikan hari keramat untuk semua wanita di Malaysia. Majlis Sambutan yang disambut sederhana tetapi amat bermakna ini dikongsi bersama dengan YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan wanita pertama Negara, Y.A.Bhg. Datin Seri Paduka Rosmah Mansor, isteri kepada YAB Perdana Menteri serta orang-orang kenamaan yang lain.

Pada sambutan kali ini, Perdana Menteri turut mengumumkan Dasar Wanita Negara yang telah dikaji semula sejak diperkenalkan 20 tahun lalu dan disambut baik kira-kira 4,000 orang tetamu yang hadir. Sebanyak 40 gerai berbentuk informasi dan jualan telah disediakan khas bagi mendedahkan dan mempromosikan industri keusahawanan kepada semua tetamu jemputan. Antara yang terlibat ialah SME. Corp, MATRADE. TEKUN, AIM, AKPK dan usahawan-usahawan wanita hasil dari program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT).

Majlis Sambutan pada tahun ini meninggalkan satu kenangan manis dengan adanya majlis berbuka puasa dengan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, selaras dengan gagasan 1 Malaysia yang dizahirkan oleh YAB Perdana Menteri. Majlis berakhir sebaik sahaja selesai solat terawikh pada jam 10.30 malam.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

LPPKN telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai sebuah badan berkanun dengan nama Lembaga Perancang Keluarga Negara, dibawah akta Perancang Keluarga 1966. Akta ini kemudiannya telah dipinda dan dinamakan Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan 2006). LPPKN memberi fokus kepada 3 bidang teras iaitu pembangunan keluarga, kesihatan reproduktif dan kependudukan.

VISI LPPKN

Mengukuhkan keluarga ke arah pewujudan masyarakat penyayang, penduduk berkualiti dan bangsa Malaysia yang progresif

MISI LPPKN

LPPKN komited untuk bertindak sebagai agensi utama dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang berperibadi mulia hasil daripada keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu dan harmoni.

OBJEKTIF LPPKN

Untuk menyumbang ke arah melahirkan penduduk berkualiti menerusi pelaksanaan program yang boleh mengukuhkan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga.

PENCAPAIAN PROGRAM/AKTIVITI 2009

Program dan aktiviti bagi tahun 2009 telah dirancang dan dilaksanakan dengan berfokuskan kepada tema “Keluarga yang Selamat, Kukuh dan Resilien”. Selaras dengan Gagasan 1Malaysia, slogan “1Malaysia: LPPKN Utamakan Keluarga (*Family 1st*) telah ditetapkan bagi merealisasikan komitmen LPPKN untuk mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas kestabilan sosial.

Melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan, LPPKN telah mencapai *quick wins* bagi MKRA yang telah ditetapkan iaitu (i) khidmat kaunseling komuniti berjaya dikendalikan di 6 Klinik Nur Sejahtera LPPKN, (ii) pewujudan dua 1-stop family centre dan (iii) pengetahuan serta kemahiran ahli keluarga mengenai perkahwinan dan keibubapaan mencapai 111% (daripada sasaran 190,000). Selain itu, tambahan kepada *quick win* bagi NKRA *low income household*, satu pusat untuk keluarga berisiko (AIRIS Keluarga) telah diwujudkan di Selayang.

Perancangan Strategik Dan Hala Tuju LPPKN

Sepanjang tahun 2009, LPPKN telah mempergiatkan penetapan hala tuju melalui Pelan Strategik LPPKN 2010 – 2014 melalui beberapa siri mesyuarat, sesi sumbangsaran dan bengkel yang turut dihadiri oleh Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan pegawai LPPKN serta wakil-wakil dari agensi kerajaan yang berkaitan, NGO dan Institusi Pengajian Tinggi. Melalui sesi ini, enam domain keluarga telah dikenalpasti iaitu (i) mengukuhkan nilai teras keluarga; (ii) mengutamakan keseimbangan keluarga dan kerjaya; (iii) mengukuhkan institusi perkahwinan; (iv) memenuhi keperluan keibubapaan keluarga; (v) pembinaan asas yang kukuh untuk remaja; dan (vi) penyediaan perkhidmatan sokongan keluarga. Strategi LPPKN telah diterjemah melalui pelaksanaan program-program berdasarkan fungsi seperti dalam Akta.

Advisori

Penyediaan Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe10) telah melihat LPPKN memainkan peranan penting dalam kapasitinya sebagai sumber rujukan data dan hala tuju pembangunan sosial. Sehubungan ini, LPPKN telah terlibat dalam Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Kependudukan, Tenaga Buruh dan Guna Tenaga. Beberapa kertas cadangan dasar juga telah disediakan dalam usaha LPPKN untuk memastikan bahawa perspektif keluarga turut diambil kira dalam pembangunan negara. Berdasarkan penemuan-penemuan dari Kajian Pelan Strategik Kependudukan ke-2 (KPSK-2) pula, satu Memorandum Jemaah Menteri dan beberapa Nota Jemaah Menteri telah disediakan untuk dikemukakan kepada Kabinet pada tahun 2010.

Kajian dan Penyelidikan

Dibawah fungsi kajian dan penyelidikan, LPPKN telah melaksanakan beberapa kajian seperti berikut:

- (i) Kajian Pelan Strategik Kependudukan ke-2 yang dimulakan pada bulan Julai 2008 telah diselesaikan pada akhir 2009. Objektif kajian ini adalah untuk menilai senario kependudukan semasa dan akan datang bersesuaian dengan pembangunan ekonomi. Beberapa perakuan telah dikenal pasti dan akan dimantapkan melalui siri Forum Konsultatif Kependudukan dan Bengkel Konsultatif Pelan Tindakan Kependudukan yang akan diadakan pada tahun 2010.
- (ii) Kajian saintifik LPPKN terhadap tren analisa air mani bagi klien yang mendapat rawatan di Klinik Kesuburan LPPKN bagi tempoh 10 tahun (1995 – 2005) mendapati sungguh pun terdapat penurunan kualiti sperma, parameter pergerakan (mortality) tidak menurun. Antara faktor penurunan kualiti air mani yang dikenal pasti adalah unsur alam sekitar, pemakanan dan status sosioekonomi.
- (iii) Di bawah pembiayaan UNFPA, Projek *Upscaling of kafe@TEEN Programme* (2008 – 2012) yang disasarkan kepada golongan muda telah dilaksanakan. *Outcome* dari projek ini adalah pembangunan Modul “*I’m in Control*” dan “*Dekati dan Fahami Kami*”, pemantapan dan penambahbaikan kepada program-program sedia ada di bawah kafe@TEEN dan perkongsian pengalaman dan *best practices*.

Pendidikan

Pelbagai program telah dilaksanakan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada ahli keluarga tentang perkahwinan, keibubapaan, pembangunan sahsiah remaja dan kesihatan reproduktif sebagai usaha mencapai outcome pengukuhan nilai teras keluarga.

- Program Pengurusan Kewangan SMARTbelanja@LPPKN telah dilaksanakan bagi membantu ahli keluarga mengendalikan kewangan dengan bijak.
- Pemerolehan ilmu dan kemahiran keibubapaan oleh pasangan dwikerjaya melalui program Keluarga@Kerja.
- Pelaksanaan Kursus Perkahwinan SMARTSTART di seluruh negara, termasuk melalui perkongsian pintar dengan NGO untuk meningkatkan pengetahuan dan persediaan pasangan yang akan dan baru berkahwin menghadapi alam rumah tangga.

- Program Ilmu Keluarga@LPPKN termasuk Info Sihat sebagai platform pemerolehan ilmu kekeluargaan secara berterusan bagi mengekalkan kesejahteraan institusi keluarga.
- Program Pemantapan Sahsiah Remaja kepada penghuni di institusi JKM untuk memantapkan sahsiah dan kendiri remaja serta perhubungan dengan keluarga .
- LPPKN telah menjalankan program kekeluargaan di empat kawasan di bawah Program Pembangunan Kejiranan Lestari Negeri Johor dalam usaha untuk meningkatkan pembangunan dan kesejahteraan sosial masyarakat
- Pendedahan kepada asas-asas dan profil demografi kepada para pelajar melalui program pendidikan asas POPpelajar.

Latihan

Pembangunan kapasiti untuk *service providers* dilaksana melalui program latihan seperti program kejurulatihan, latihan praktikum dan industri kepada pelajar IPT. Seminar SMARTMARRIAGE antara strategi LPPKN dalam memastikan wujudkan pemindahan ilmu dan kemahiran terkini kepada ahli keluarga dalam memantapkan institusi perkahwinan.

Seiring dengan penganjuran seminar tersebut, kursus kejurulatihan *Journey to Intimacy* yang dijalankan secara kerjasama dengan *Focus on the Family Malaysia*, dilaksanakan dalam bahasa mandarin kepada fasilitator bagi kursus SMARTSTART.

Melalui kerjasama dengan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT), 50 jurulatih YPKT telah dilatih bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk mengendalikan program perkahwinan SMARTSTART.

Selain itu, LPPKN turut melatih 2,308 service providers kesihatan reproduktif dan 49 pelajar institusi pengajian tinggi.



YB Chew Mei Fun semasa Ucapan Perasmian Seminar SMARTMARRIAGE

Perkhidmatan

Komitmen LPPKN untuk mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan keluarga telah diteruskan dengan penyediaan perkhidmatan sokongan keluarga melalui perkhidmatan yang diberikan (specialised services) seperti berikut:

- Perkhidmatan kaunseling kekeluargaan bagi membantu ahli keluarga dalam menangani pelbagai isu.
- Perkhidmatan kesihatan reproduktif yang merangkumi perancang keluarga, saringan kanser reproduktif, saringan kesihatan dan subfertiiliti untuk mempertingkatkan kesejahteraan keluarga.
- Program Subsidi Mamogram untuk meningkatkan kesedaran wanita bagi menjalani pengesanan awal kanser payu dara. Selain itu, pemeriksaan payu dara turut dijalankan di klinik Nur Sejahtera di seluruh negara dan semasa aktiviti kemasyarakatan.
- Program psikoseksual remaja memberi tumpuan kepada keperluan kesihatan reproduktif remaja melalui program pendidikan dan pembangunan kemahiran. Turut diberi tumpuan adalah khidmat kaunseling dan rawatan serta nasihat mengenai kesihatan reproduktif remaja.
- LPPKN juga menyediakan khidmat nasihat dan bimbingan mengenai pelaksanaan kajian dan penggunaan data demografi kepada pelbagai pihak, terutama pelajar IPT.

Advokasi dan Promosi

Pelbagai aktiviti advokasi dan promosi telah dijalankan bagi mempertingkatkan kesedaran dikalangan masyarakat mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh LPPKN.

- Program *outreach* melalui Program Khidmat Masyarakat dan Kembara Kaunseling bagi menggalakkan penyertaan ahli keluarga terutama di peringkat akar umbi untuk menyertai program LPPKN di samping meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya aspek kesihatan reproduktif dalam kesejahteraan keluarga.
- Program *Golden Third Age* (G3A): Anggun dan Sihat bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan serta kemahiran dalam penjagaan kesihatan dan kesejahteraan hidup sebagai persediaan menempuh usia emas serta cara gaya hidup sihat.
- Program lawatan ke rumah, NUR@rumah, bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan reproduktif, khususnya perancang keluarga kepada wanita dari golongan unmet need yang dilancarkan oleh YB Menteri PWKM telah menarik minat pemimpin tempatan. Selaras itu, program ini telah diperluaskan ke tujuh buah negeri lain iaitu Johor, Kelantan, Perak, Kedah, Pahang, Sabah dan Sarawak.



YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membuat lawatan ke rumah sempena program Nur@rumah

- Bagi mengetengahkan peranan dan mengiktiraf jasa dan tanggungjawab bapa dalam keluarga, sempena sambutan Hari Bapa, program bertemakan “Bapa Pencetus Aspirasi Anak” telah diadakan dengan pengisian seminar “Kukuh Rumah Tangga, Kukuh Keluarga” dan acara Boling Bersama Keluarga. Program ini berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat umum mengenai peranan bapa dalam mengurus rumah tangga dan keperluan memperuntukkan masa bersama keluarga dan anak-anak.
- Persidangan Penduduk dan Pembangunan 2009 yang bertemakan “Harnessing the Resource” telah menghasilkan 3 resolusi iaitu
 - (i) Harnessing the Young;
 - (ii) Intergenerational Transfer of Resource; dan
 - (iii) Dependency of Foreign Labor – When Will It End?.



Sekitar Persidangan Penduduk dan Pembangunan 2009

- LPPKN turut menerima pengiktirafan sebagai agensi yang berkemampuan dalam menyediakan perkhidmatan dan melaksanakan program kekeluargaan, kesihatan reproduktif dan kependudukan melalui lawatan yang diterima dari agensi dari dalam dan luar Negara. Program ini berjaya menyediakan platform bagi perkongsian *best practices*.
- LPPKN turut dijemput untuk muncul di media melalui sesi wawancara, temu bual dan temu ramah di televisyen dan radio tempatan. Selain itu, perkhidmatan LPPKN turut dipromosi melalui pelbagai kaedah seperti *spot announcement* dan *crawlers* di televisyen, penerbitan artikel di akhbar tempatan serta majalah; dan penyebaran maklumat melalui bahan penerbitan.
- LPPKN juga telah terlibat secara kerjasama dengan *Focus on the Family*, Malaysia dalam penganjuran *Family Motor Hunt* bertemakan “*Family Fun Times Builds Memories*” pada 7 November 2009 sempena sambutan Hari Keluarga Kebangsaan.

Hubungan Kerjasama dan Antarabangsa

Bagi memperluaskan fokus dan tumpuan kepada keluarga berisiko dan meningkatkan sumber kewangan, LPPKN telah mengadakan hubungan kerjasama dengan pelbagai agensi dalam negara mahu pun antarabangsa.

- Kerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah dilaksanakan melalui satu Perjanjian Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara LPPKN dan AADK. MoU ini bertujuan untuk membentuk kerjasama dalam melaksanakan pendidikan pencegahan dadah bagi tempoh 5 tahun.
- Kerjasama dengan Persatuan Pengasih Malaysia (PENGASIH) dan Petronas telah menghasilkan program “Kenali Anak Kita”. Melalui program ini, LPPKN telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Induk Program dan bertindak sebagai penceramah dan ahli panel dalam program Budi Bicara Bersama Ibu Bapa yang dijalankan mengikut zon.
- LPPKN turut menjalankan kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) dalam melaksanakan program kekeluargaan. Kerjasama ini berupaya untuk meluaskan capaian kepada lebih ramai ahli keluarga terutama di peringkat akar umbi dan keluarga “*high risk*” dan “*at risk*”.
- Usahasama ke arah meningkatkan visibiliti LPPKN di peringkat antarabangsa dipergandakan melalui program kerjasama dengan agensi serta pakar dari luar negara. LPPKN telah terlibat dalam pelbagai program berbentuk perbincangan intelektual dan saintifik serta perkongsian maklumat, model terbaik dan *best practices* dalam membentuk institusi keluarga yang kukuh dan berdaya saing seperti *Resilient Family Discourse: Evidence-based Interventions and Research Studies*, *9th World Congress of the International Association of Adolescent Health* dan penyertaan di Mesyuarat Sesi ke-42 *United Nations Commission on Population and Development (UNCPD)*.
- Jaringan turut dibentuk melalui penyertaan dalam *World Family Summit* di Turki dan *Asia Pacific High Level Forum on ICPD at 15: Accelerating Progress Towards the ICPD and Millenium Development Goals*.
- LPPKN juga telah bekerjasama dengan UNFPA dalam melancarkan buku “*State of the World Population 2009: Facing a Changing World: Women, Population and Climate*”, dalam usaha untuk menunjukkan keprihatinan LPPKN terhadap isu-isu perubahan iklim dan pengeluaran karbon yang mempunyai implikasi terhadap penduduk, khususnya wanita dan keluarga serta generasi akan datang.



Pengerusi LPPKN, Y.Bhg. Dato' Alex Mathews (kiri) semasa melancarkan Buku "The State of World Population 2009", kerjasama dengan UNFPA

Pengurusan Sumber Manusia

Untuk memastikan LPPKN berupaya memenuhi keperluan *stakeholders* dan memainkan peranannya dalam mewujudkan institusi keluarga yang sejahtera, LPPKN terus menggiatkan usaha untuk memantapkan pengurusan sumber manusia. Sehingga 31 Disember 2009, bilangan perjawatan LPPKN telah mencatatkan 81.3 peratus pengisian, iaitu 995 jawatan diisi daripada 1,224 jawatan yang diluluskan. Kompetensi pegawai dan anggota juga telah dipertingkatkan melalui pelbagai program latihan dan pembangunan modal insan, dimana 66.5 peratus daripada 994 warga LPPKN telah menghadiri kursus sebanyak tujuh hari dan lebih.

Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

LPPKN telah menyediakan satu dokumen Pelan Strategik ICT (ISP) LPPKN (2009 – 2013) yang telah mengenalpasti 32 projek. Lapan projek telah mula dibangunkan pada tahun 2009. Selain itu, keupayaan penggunaan sistem ICT dan pengukuhan infrastruktur rangkaian sedia ada telah dipertingkatkan melalui proses naik taraf bandwidth sedia ada. Perkhidmatan rangkaian yang dibekalkan akan membantu LPPKN memusatkan pengumpulan data dan seterusnya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasar. LPPKN juga telah menambahbaik laman web rasmi LPPKN sedia ada dengan mengambil kira keperluan pengguna.

Pembangunan Fizikal

Di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe9), pelbagai projek telah dilaksanakan, antaranya pembinaan Kompleks Kesejahteraan keluarga (KKK) Seremban 2 dan Bertam, naik taraf dan pengubahsuaian 6 klinik Nur Sejahtera dan pembelian bangunan bagi menggantikan premis sedia ada yang beroperasi dalam kawasan Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam tahun 2009 juga, pejabat dan klinik LPPKN Kedah telah berpindah ke Kompleks Kesejahteraan Keluarga Bandar Muadzam Shah (KKK Anak Bukit), Mukim Anak Bukit, Alor Setar, Kedah. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah pendidikan dan kemahiran tentang perkahwinan dan kekeluargaan, perkhidmatan kesihatan reproduktif keluarga, kemudahan pusat sumber untuk penyelidikan dan sebaran maklumat berkaitan dengan pembangunan keluarga, kesihatan reproduktif dan kependudukan.

Sempena program Cakna Rakyat pada 11 Januari 2009 di Kuala Terengganu, YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak telah melancarkan klinik bergerak LPPKN. Klinik bergerak ini telah memperluas dan mempertingkatkan penyampaian program LPPKN secara outreach.



Kompleks Kesejahteraan Keluarga (KKK) Seremban 2

Ahli Lembaga yang diketuai oleh Pengerusi LPPKN, Y.Bhg. Dato' Alex Mathews, berserta pihak Pengurusan LPPKN juga telah membuat kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sabah pada 10 Disember 2009 di Kota Kinabalu. Hasil mesyuarat tersebut, Ketua Menteri Sabah telah menyokong usaha LPPKN dan memberi jaminan untuk bekerjasama terutama dalam mengenalpasti lokasi serta tanah bersesuaian untuk membuka beberapa lagi Klinik Nur Sejahtera di Sabah.

Satu Majlis Perasmian Klinik Nur Sejahtera Kota Kinabalu telah disempurnakan oleh Pengerusi LPPKN. Pembukaan klinik tersebut berjaya menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif keluarga kepada penduduk bandaraya Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya.

PERANCANGAN TAHUN 2010


Bagi usaha untuk mengekalkan kesejahteraan keluarga untuk kestabilan sosial, strategi LPPKN bagi tahun 2010 telah diterjemahkan melalui pelaksanaan program-program berdasarkan pencapaian enam major outcome iaitu

- (i) Pengukuhan nilai teras keluarga melalui program seperti Program Nilai Keluarga, Kursus@LPPKN dan Program LPPKN/MyKASIH;
- (ii) Perspektif keluarga dalam pembangunan Negara melalui penggubalan Dasar Keluarga Negara, pembentangan kertas-kertas jemaah menteri, kajian dan penyelidikan, siri Forum Konsultatif, Persidangan Penduduk dan Pembangunan 2010, *Research and Evidence-based Family Interventions Discourse, East Asia Ministerial Forum on Family*;
- (iii) Pengukuhan institusi perkahwinan melalui pelaksanaan program seperti Kursus Perkahwinan SMARTSTART dan juga kerjasama dengan NGO;
- (iv) Keperluan keibubapaan keluarga dipenuhi dengan peningkatan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus Ilmu Keluarga@LPPKN, Keluarga@Kerja dan SMARTbelanja@LPPKN;
- (v) Asas yang kukuh untuk remaja melalui program LPPKN@Sekolah dan Program Psikoseksual Remaja yang merangkumi pelaksanaan Modul "I'm in Control", "Dekati dan Fahami Kami" dan Modul Kesejahteraan Hidup, peluasan kafe@TEEN serta pelancaran portal kafe@TEEN; dan
- (vi) Perkhidmatan sokongan keluarga seperti perkhidmatan dibawah satu bumbung melalui 1-stop Family Centre dan AIRIS Keluarga, program latihan dan Internship, Program LPPKN@Komuniti, perkhidmatan kaunseling keluarga dan kempen mengenai kesihatan reproduktif.



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

INSTITUT SOSIAL NEGARA (ISM)



Institut Sosial Malaysia (ISM), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mula beroperasi pada 18 Januari 2002. Kampus ISM seluas lebih kurang 50 ekar adalah sebahagian daripada Lot PT 13856 Mukim Petaling, Sg. Besi, Kuala Lumpur. Keluasan keseluruhan Lot ini adalah 87.5 ekar dan baki 37 ekar telah digunakan untuk Sekolah Tunas Bakti (STB) Lelaki di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Institut ini menyediakan beberapa kemudahan latihan yang terdiri daripada:

- i. 4 bilik kuliah, 5 bilik sindiket, 1 moot court, 1 makmal komputer, 1 auditorium dan 1 perpustakaan;



Makmal komputer




Moot Court

- ii. Blok Asrama yang mempunyai kapasiti 150 orang peserta dan 3 bilik suite untuk penceramah jemputan;



Blok Asrama



Bilik penginapan peserta



- iii. Blok Dewan Makan dan Dapur;



- iv. Pondok Pengawal Keselamatan

Matlamat penubuhan Institut ini adalah untuk menyediakan kemudahan latihan ikhtisas dalam pembangunan sosial kepada semua pengamal sosial daripada pelbagai peringkat dan kumpulan dari dalam dan luar negara termasuk dari kalangan pertubuhan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO). Institut Sosial Malaysia menggunakan pendekatan pendidikan sepanjang hayat yang membuka peluang kepada sesiapa yang berminat meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme dalam bidang perkhidmatan dan pembangunan sosial.

MISI

Untuk menggalakkan pertukaran idea, latihan berkualiti, penyelidikan dan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang polisi sosial dan pembangunan sosial.

VISI

Untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang polisi sosial dan pembangunan sosial.

OBJEKTIF

- Melahirkan pengamal sosial yang mahir dan profesional;
- Menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam pengurusan polisi sosial;
- Merancang dan menghasilkan kurikulum dan program latihan yang komprehensif dan relevan;
- Memperkembangkan rangkaian tempatan dan antarabangsa serta berkongsi ilmu dan idea;
- Menggalakkan penyelidikan dan mengeluarkan penerbitan berkenaan polisi sosial dan pembangunan sosial.

PERUNTUKAN

Pada tahun 2009, Institut ini telah diperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM10,225,400.00 untuk digunakan dalam urusan Pengurusan dan Akademik ISM dan RM 1,247,800.00 diperuntukkan untuk belanja harta modal.

Pada 2010, Institut telah menerima peruntukan sebanyak RM 8,215,900.00 untuk belanja Pengurusan dan Akademik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SETIAP BAHAGIAN

1. BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran am, penerbitan, kualiti, pembangunan, teknologi maklumat dan belanja mengurus Institut. Bahagian ini terbahagi kepada lima unit iaitu;

i. Unit Pentadbiran & Sumber Manusia

- Unit ini bertanggungjawab dalam pentadbiran am Institut, urus setia kualiti, menyediakan kemudahan asas pejabat dan mempertingkatkan sistem pengurusan dan maklumat secara menyeluruh serta perkara-perkara yang berkaitan perjawatan, latihan dan perkhidmatan kakitangan.
- Unit ini juga bertanggungjawab dalam mengurus pelaksanaan projek/program dan kelengkapan pembangunan Institut.

ii. Unit Kewangan

- Unit Kewangan membantu Pihak Pengurusan Atasan Institut dalam perancangan perbelanjaan mengurus secara cekap dan teratur, menguruskan pembayaran perbelanjaan, mengurus akaun amanah serta memberi khidmat sokongan kepada semua unit/bahagian supaya aktiviti dan program institut dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

iii. Unit Pengurusan Domestik & Penyelenggaraan

- Unit ini bertanggungjawab menguruskan kemudahan penginapan, sajian dan riadah peserta kursus di institut.
- Unit ini juga menguruskan perolehan peralatan, bahan basah dan kering, serta menguruskan pencucian linen bilik asrama dan dewan makan.

iv. Unit Pusat Sumber & Dokumentasi

- Unit ini bertanggungjawab dalam urusan penerbitan dan dokumentasi, merancang dan membina koleksi pusat sumber serta mendokumentasikan bahan pusat sumber mengikut standard.
- Unit ini juga menguruskan urusan perkhidmatan pinjaman, rujukan dan menyebarkan maklumat terpilih serta mempakejkan keratan akhbar berkaitan isu-isu sosial untuk Pusat Sumber.

v. Unit Teknologi Maklumat

- Unit ini bertanggungjawab merancang, menyelaras, mengurus dan membangunkan program berteraskan teknologi maklumat.

2. BAHAGIAN AKADEMIK

i. Pusat Pengajian Kemahiran Sosial

- Memberikan pengetahuan terkini, latihan kemahiran serta perkongsian amalan terbaik berkaitan dengan kemahiran sosial dalam bidang kebajikan sosial dan dasar sosial serta menyumbang secara bersama kepada usaha Institut dalam menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pembinaan kapasiti pengamal dan pekerja sosial.

ii. Pusat Pengajian Pembangunan Komuniti

- Menganjurkan aktiviti yang memberikan pengetahuan terkini, latihan kemahiran dan perkongsian amalan terbaik berkaitan pembangunan komuniti dalam bidang perkhidmatan sosial serta menyumbang kepada usaha institusi secara bersama dalam menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pembinaan kapasiti dalam kalangan pekerja dan pembangunan komuniti.

iii. Pusat Pengajian Pembangunan Organisasi Sosial

- Menyediakan pengetahuan terkini, latihan kemahiran dan perkongsian amalan terbaik dalam bidang pembangunan organisasi yang berkaitan dalam organisasi pembangunan sosial serta menyumbang secara bersama kepada usaha Institut dalam menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pembinaan kapasiti.

iv. Pusat Pengajian Pembangunan Modal Insan

- Membina sendiri peserta melalui pengetahuan terkini dan latihan kemahiran dalam bidang pembangunan modal insan yang berkaitan dengan organisasi pembangunan sosial serta menyumbang secara bersama kepada usaha institut dalam menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan pembinaan kapasiti modal insan dalam kalangan kakitangan awam.

v. Unit Penyelidikan

- Unit ini menjalankan projek, aktiviti dan pengurusan berkaitan penyelidikan dan pembangunan latihan seperti keberkesanan kurikulum, pengajaran dan sebagainya. Unit ini menjadi urus setia Jawatankuasa Penyelidikan ISM dan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan KPWKI serta mengendalikan seminar atau bengkel hasil penyelidikan, mengumpulkan bahan-bahan penyelidikan berkaitan latihan dan menjana amalan penyelidikan seperti mengadakan latihan, seminar, pameran dan lain-lain. Unit ini juga mengurus dan memantau aktiviti laporan kajian semasa, mengurus Pangkalan Data Sosial dan Isu-Isu Sosial di Malaysia.

3. UNIT KOMUNIKASI KOPORAT

Unit ini bertindak sebagai perantara ISM dengan organisasi luar. Antara tugas yang dijalankan oleh unit ini adalah mengendalikan aduan, pertanyaan dan maklum balas pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Institut, menguruskan keratan akhbar, siaran akhbar, press kit, mengaturkan persidangan media, mengawasi pergerakan media, mewujudkan perhubungan yang baik dengan editor/wartawan, menguruskan taklimat media dan melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan. Unit ini juga banyak terlibat dengan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam melaksanakan tugas-tugas perhubungan media dalam majlis-majlis utama.

PENCAPAIAN PROGRAM/AKTIVITI TAHUN 2009

Pada tahun 2009, kebanyakan program Institut adalah berteraskan akademik selari dengan matlamat penubuhan Institut iaitu menyediakan kemudahan latihan ikhtisas dalam pembangunan sosial kepada semua pengamal sosial daripada pelbagai peringkat dan kumpulan dari dalam dan luar negara termasuklah daripada pertubuhan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Latihan-latihan yang dijalankan oleh Pusat-pusat Pengajian di Institut ini adalah seperti berikut:

1. PUSAT PENGAJIAN KEMAHIRAN SOSIAL (KS)

- Kursus Asas Kerja Sosial Pegawai dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat
- Kursus Asas Kerja Sosial Pembantu Kebajikan Masyarakat
- Kursus Kerja Sosial Pegawai dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat
- Kursus Kerja Sosial Pembantu Kebajikan Masyarakat
- Kursus TOT Model PAP Pegawai Kanan JKM
- Kursus Model PAP Pegawai dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat
- Kursus Model PAP Penyelia Latihan Negeri dan Pegawai Kebajikan Masyarakat
- Kursus Model PAP Ketua Institusi Jabatan kebajikan Masyarakat
- Kursus Model PAP Pembantu Kebajikan Masyarakat



Para peserta sedang menjalani Team Building bagi Kursus Asas Kerja Sosial

2. PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

- Kursus Penempatan Pekerjaan OKU
- Kursus Pengurusan Pemulihan Dalam Komuniti
- Kursus Pegawai Pemantau Taska dan Pusat Jagaan
- Kursus Pemantapan Pengurusan Pertubuhan Sukarela Kebajikan
- Kursus Pra Penilaian Psikologi Kes
- Kursus Job Coach
- Kursus Pengendalian Kes keganasan Rumah Tangga
- Kursus Model PAP Pembantu Kebajikan Masyarakat
- Kursus Kejurulatihan (TOT) Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK)
- Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK)
- Kursus Stigma dan Diskriminasi HIV/AIDS
- Kursus Grief Counseling (HIV/AIDS)
- Kursus Latihan Kejurulatihan (TOT) Kaunselor Modul HIV/AIDS
- Kursus Pra Pentaksiran Psikologi
- Bengkel Pengenalan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (Pegawai Pembangunan Masyarakat)
- Bengkel Pengenalan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (Pembantu Pembangunan Masyarakat)
- Bengkel Pemantapan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (Pembantu Pembangunan Masyarakat)
- Bengkel Pemantapan Kurikulum
- Bengkel Masyarakat Teliti : Ketepatan Masa

3. PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN ORGANISASI SOSIAL (POS)

- Kursus Pengupayaan Dasar Sosial Negara (DSN) Dalam Organisasi Pembangunan Sosial
- Kursus Lanjutan Penyiasatan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (AKTA 308)
- Kursus Asas Penyiasatan dan Pendakwaan Taska
- Kursus Lanjutan Pendakwaan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984
- Kursus TOT Aplikasi Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat)
- Kursus Aplikasi Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat)
- Kursus Analisaan Data Kualitatif SIA Dalam Organisasi Pembangunan Sosial
- Kursus Keusahawanan Kebajikan
- Bengkel TNA Perkhidmatan Kanak-Kanak JKMM Siri 1 : Bahagian Kanak-Kanak JKMM
- Bengkel TNA Perkhidmatan Kanak-Kanak JKMM Siri 2 : Pejabat Negeri Dan Daerah
- Bengkel TNA Perkhidmatan Kanak-Kanak JKMM Siri 3 : Institusi Perlindungan Kanak-Kanak
- Bengkel TNA Perkhidmatan Kanak-Kanak JKMM Siri 4 : Institusi Pemulihan Kanak-Kanak.



Pengarah ISM, Prof. Madya Dr. Mohammed Fadzil Che Din

4. **PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN (PMI)**

- Kursus Kecerdasan Emosi dan Pembentukan "Positive Attitude" Dalam Pembentukan Modal Insan
- Kursus Pelaksanaan KPI
- Kursus "Effective Management"
- Kursus Penampilan dan Pembangunan Kendiri
- Kursus Latihan Untuk Jurulatih (TOT) Program Pengupayaan Kendiri Kakitangan
- Kursus Latihan Untuk Jurulatih (TOT) Program Pengupayaan Kendiri Kakitangan
- Kursus Agen Perubahan Berkarakter
- Kursus Pembangunan Diri Kelas Pertama
- Kursus Penampilan dan Pembangunan Kendiri
- Kursus Pembangunan Minda dan Pemikiran Kreatif
- Bengkel Penyemakan Dokumen MS ISO 9001:2000 Institut Sosial Malaysia
- Bengkel Pengurniaan dan Pemantapan Dokumen MS ISO 9001:2000 Institut Sosial Malaysia
- Bengkel Latihan Audit Dalam MS ISO 9001:2000 Institut Sosial Malaysia
- Bengkel Pengenalan dan Pemahaman Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Untuk Fasilitator, Ketua Kumpulan dan Ahli-Ahli



Para peserta sedang mengadakan perbincangan di pusat sumber.

- Bengkel Penganalisaan dan Penggubalan Tindakan Pembetulan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
- Bengkel Penulisan Laporan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (AKPK)
- Bengkel Penulisan Laporan Anugerah Kualiti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (AKICT)
- Bengkel Penyediaan Fail Meja
- Bengkel Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK)
- Bengkel Pelaksanaan Tindakan Penambahbaikan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
- Bengkel 1 Malaysia

5. **UNIT PENYELIDIKAN**

- Kursus Asas Penyelidikan
- Kursus Perolehan Perkhidmatan Perunding
- Kursus Metodologi Penyelidikan
- Bengkel Kajian Gunaan (*Applied Research Workshop*)
- Bengkel Statistical Package For The Social Science (SPSS)

6. **UNIT PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA**

- Bengkel Penulisan Laporan Anugerah Kualiti Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Bengkel Penulisan laporan Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Bengkel Penyemakan Laporan anugerah Kualiti Menteri KPWK dan Laporan Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha KPWK

- Bengkel Pengemaskinian Fail Meja
- Bengkel Kaedah Pemantauan dan Penyeragaman Serta Pencapaian dan Penilaian Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
- Bengkel Pemantapan dan Pemurnian Persembahan Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Selain dari kursus, Institut juga menganjurkan seminar, bengkel dan forum pada 2009. Antaranya ialah:

- Seminar Satu Keluarga Satu Kaunselor
- Seminar/Bengkel Kaunseling Perkahwinan dan Seksualiti
- Seminar Teknik dan Kemahiran Menolong



Peserta Orang Kurang Upaya (OKU) turut serta dalam Seminar HIV/AIDS

- Seminar HIV/AIDS
- Konvensyen Kaunseling Kebangsaan
- Seminar Komuniti Teliti
- Seminar Pembangunan Komuniti
- Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial
- Latihan Kejurulatihan (TOT) Kesukarelawanan JIWA Malaysia
- Seminar Teknik dan Kemahiran Menolong
- Persidangan Kaunseling Kebangsaan 2009
- Seminar HIV/AIDS: Stigma dan Diskriminasi
- Konvensyen Kemahiran Menolong Pegawai Psikologi



Sesi Ice-Breaking Latihan Kejurulatihan (TOT) Kesukarelawanan JIWA Malaysia

Sebagai sebuah institusi latihan yang berteraskan kepada pembangunan saintifik, usaha-usaha penyelidikan turut dijalankan di ISM pada 2009. Antara penyelidikan-penyelidikan tersebut adalah:

- Projek Laporan Sosial Malaysia.
- Kajian Pembudayaan Kesukarelaan dalam Kalangan Masyarakat Malaysia.
- Kajian Keberkesanan Latihan di Institut Sosial Malaysia kepada Pegawai-Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- Kajian Profil dan Faktor Kanak-Kanak dan Remaja Lari Dari Rumah.
- Kajian Tracer ke Atas Bekas Penghuni Institusi JKM - Kes di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi.
- Kajian Profil dan Faktor Wanita Malaysia Diperdaya dalam Kegiatan Pengedaran Dadah di Luar Negara.
- Kajian Profil Kes-Kes Berjaya Melalui Program Keusahawanan Jabatan kebajikan Masyarakat.

ISM juga sentiasa proaktif dalam menjalankan aktiviti penerbitan bagi memastikan isu-isu sosial dapat disebar ke seluruh negara. Antara penerbitan yang diterbitkan pada tahun 2009 adalah:

- ISM Minda
- ISM Giat
- ISM Minda
- Malaysian Social Trends
- Malaysian Social Matters
- Malaysia Journal of Social Policy And Society
- Strategi Pembelajaran Penjawat Awam

- Perang Kualiti
- Profil Pekerja Bermasalah

PROGRAM/AKTIVITI 2010

Perancangan aktiviti dan program pada tahun 2010, Pusat-pusat Pengajian di institut ini telah merangka beberapa kursus-kursus dan latihan yang baru di samping kursus-kursus lama untuk kakitangan KPWKM.

LATIHAN DAN KURSUS UNTUK 2010.

1. Pusat Pengajian Pembangunan Komuniti (PK)

- Kursus Asas Bahasa Isyarat



Para peserta sedang mengikuti Kursus Asas Bahasa Isyarat

- Kursus Pendaftaran Orang Kurang Upaya
- Kursus Pengamal Kerja Komuniti
- Kursus Pengurusan Kes di Institusi Orang Kurang Upaya
- Kursus Asas Pegawai Pemeriksa TASKA dan Pusat Jagaan
- Kursus Pegawai Pemeriksa TASKA dan Pusat Jagaan
- Kursus Pengendalian Kes Orang Papa
- Kursus Pengurusan Bencana
- Kursus Care Giver Institusi Orang Kurang Upaya
- Kursus Pengenalan Kehidupan Berdikari

- Kursus Penjagaan Orang Yang hidup Dengan HIV/AIDS
- Kursus Pengurusan Warga Tua (Perkhidmatan Luar)
- Kursus TOT Lanjutan *Job Coaching*

2. Pusat Pengajian Pembangunan Organisasi Sosial (POS)

- Bengkel Penyediaan *Standard Operating Procedure* (SOP) Perlindungan Kanak-Kanak
- Kursus Pengurusan Kanak-Kanak Mangsa Anti Perdagangan Orang
- *Training of Trainer* (TOT) Peraturan Kanak-kanak.
- Kursus Merekod, Menyelenggara dan Melupus Barang Kes TASKA/Pusat Jagaan
- Rakaman Bukti Fotografi Dalam Siasatan dan Pendakwaan
- Pengurusan PAKK Kepada Penyelia dan Pembantu Penyelia PAKK
- Kursus Pengurusan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak


3. Pusat Pengajian Pembangunan Modal Insan (PMI)

- Kursus Profesionalisma Tenaga Pengajar di Institusi JKM
- Kursus Kepimpinan Kendiri Melalui *Neuro Linguistic Programming* (NLP)
- Kursus TOT Art Therapy
- Kursus TOT Komunikasi Perundingan (*Mediation*)
- Kursus Pengurusan Intervensi Krisis
- Kursus Asas Kaunseling
- Kursus Membina Personaliti Positif Dalam Pembangunan Kendiri
- Kursus Peningkatan Kecemerlangan Pengasuh di Institusi JKM (OKU)
- Kursus Pembangunan Potensi Diri Kelas Pertama



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

INSTITUT
PENGUPAYAAN WANITA BAGI NEGARA-
NEGARA PERGERAKAN BERKECUALI NAM
(NIEW)



Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2006 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia.

Sebagai sebuah institusi pembangunan wanita yang pertama bagi NAM, NIEW berhasrat untuk meningkatkan peranan wanita di negara-negara NAM melalui program-program yang dianjurkan. Sejak suku akhir abad yang lepas, pelbagai usaha telah dilakukan untuk mencapai kesaksamaan gender. Wanita berhak untuk memperoleh hak dan perlindungan yang saksama, kebebasan bersuara, kesaksamaan dari segi undang-undang; termasuk hak untuk melibatkan diri dalam bidang politik, sosial dan ekonomi dan hak untuk memperoleh pendidikan. Pengupayaan wanita juga adalah perlu bagi mencapai kemajuan dalam pembangunan dan mengurangkan kemiskinan.

Penubuhan NIEW adalah amat penting bagi membantu mencapai tujuan tersebut. Ini adalah kerana NIEW memberi fokus kepada aspek latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti kritikal contohnya, Wanita dalam bidang Politik dan Ekonomi, Wanita dalam bidang Pendidikan dan ICT dan Wanita dalam bidang Kesihatan dan Anti-keganasan terhadap Wanita. Kursus dan latihan yang diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Negara-negara Anggota NAM terhadap pelbagai pendekatan dan kaedah untuk menangani permasalahan dan isu-isu wanita khususnya di peringkat antarabangsa.

Institut ini juga menjalankan program-program yang melibatkan kajian dan pembangunan, jalinan rangkaian perhubungan dengan institusi antarabangsa, pembinaan pangkalan data dan pelbagai aktiviti lain yang berupaya menyumbang terhadap proses pengupayaan wanita di Negara-negara Anggota NAM.

Penubuhan NIEW telah menyediakan peluang untuk mengetengahkan agenda pemerksaan wanita dan kesaksamaan gender di peringkat antarabangsa dan membantu meletakkan Malaysia di barisan hadapan khususnya, sebagai penggerak dalam agenda pembangunan gender di peringkat antarabangsa.

FUNGSI JABATAN

MISI

NIEW adalah sebuah institusi NAM yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia yang dikhususkan untuk menjalankan latihan, penyelidikan dan pengurusan pengetahuan dengan kerjasama dari pihak kedutaan, pertubuhan antarabangsa, sektor swasta, ahli akademik dan masyarakat awam dalam memastikan pengupayaan wanita dan kesaksamaan gender di negara-negara anggota NAM.

VISI

Untuk menjadi pemangkin di dalam membentuk visi dan kepimpinan termasuk menetapkan keutamaan dan arah tuju polisi yang meluas untuk NIEW dan cawangan-cawangannya bersama-sama Negara-negara Anggota NAM yang lain di dalam usaha untuk mempromosi dan meningkatkan kemajuan wanita.

FUNGSI

- Mengendalikan kursus-kursus latihan dan bengkel-bengkel mengenai isu-isu wanita dan gender untuk faedah negara-negara Anggota NAM
- Menganjurkan siri-siri ceramah dan syarahan berkaitan gender dan wanita kepada agensi-agensi kerajaan, organisasi awam dan negara-negara anggota NAM;
- Mengendalikan seminar-seminar dan program-program bertaraf antarabangsa mengenai isu-isu berkaitan gender dan wanita yang terkini dan diberi perhatian serius oleh negara-negara Anggota NAM;
- Menyelaraskan dan menjalankan kajian mengenai isu-isu gender dan wanita yang menjadi keutamaan kepada negara-negara NAM;
- Mengumpul dan menerbitkan artikel serta mencari bahan-bahan mengenai gender dan wanita;
- Meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta dan orang perseorangan bagi membolehkan mereka merangka, melaksana dan memantau undang-undang dan peraturan bagi memastikan ianya sensitif dan selari terhadap keperluan gender;
- Menyediakan perkhidmatan perundingan kepada negara-negara Anggota NAM bagi membantu di dalam usaha mereka untuk melatih dan membentuk keupayaan wanita di negara masing-masing;
- Merangka strategi, merancang dan melaksanakan program ke arah mencapai misi dan visi NIEW; dan
- Mencari sumber kewangan dan tajaan dari syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan lain bagi membolehkan penyertaan wanita dari negara-negara NAM yang miskin dipertingkatkan.

PENCAPAIAN TAHUN 2009

A) KURSUS PEMBANGUNAN KAPASITI

KURSUS	BILANGAN PESERTA	TARIKH
<i>Domestic Violence for NAM Member Countries</i>	11	20-29 April 2009
<i>Women's Entrepreneurs in Creating Advantage Niche</i>	27	22 Jun-1 Julai 2009
<i>Bridging the Gender Digital Divide</i>	28	4-13 Ogos 2009
<i>Gender and Health</i>	19	28 Oktober - 6 November 2009

B) NIEW GENDER SERIES (LUNCHEON TALK)

TAJUK SEMINAR	BILANGAN PESERTA	TARIKH
<i>Gender Series 1/09: Empowerment of Women in Afghanistan</i>	92	23 Februari 2009
<i>Gender Series 2/09: Mental Health; Live More Worry Less</i>	86	14 April 2009
<i>Gender Series 3/09: Tun Mahathir Mohamed "Women's Role in nation Building"</i>	570	10 November 2009
<i>Gender Series 4/09: Forum on Disaster Management</i>	260	3 Disember 2009

C) PROGRAM – PROGRAM LAIN

TAJUK SEMINAR	BILANGAN PESERTA	TARIKH
<i>NIEW International Exhibition 2009 (NIEEX) Women of NAM: A Thousand Faces</i>	7396	23-25 Oktober 2009
<i>Book Lover's Campaign</i>	350	22-24 April 2009
<i>Tea Reception of Merdeka Award Winners</i>	300	10 Disember 2009

D) LATIHAN-LATIHAN DALAMAN

KURSUS/BENGKEL/CERAMAH	BILANGAN PESERTA	TARIKH
Ceramah Keterampilan Diri	20	5 Februari 2009
Bengkel Kewangan ESPKB	10	8-10 April 2009
Ceramah Keselamatan di Tempat Kerja	55	13 Julai 2009
Bengkel Perancangan Strategik	16	4-6 Disember 2009
Bengkel Pengurusan Majlis	20	19, 26, 27 Ogos 2009
Kursus Bahasa Inggeris	70	16 November - 31 Disember 2009
Kursus Perhubungan Awam Kementerian & Agensi	20	23-24 Disember 2009
Bengkel Pembentukan Kendiri	25	5 Mei 2009

E) LAWATAN-LAWATAN RASMI KE NIEW

DELEGASI	TARIKH
Lawatan oleh Y.A.Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor	9 Julai 2009
Lawatan oleh <i>Bangladesh Study Mission on Gender Mainstreaming to Malaysia</i>	14 April -9 Mei 2009
Lawatan oleh Delegasi dari Afghanistan	21 Ogos 2009

F) PENERBITAN

PENERBITAN	PENERBITAN
<i>Speak Up Economy</i> <i>NIEW Essential Second Edition</i> <i>Ensiklopedia of Gender Profiling</i> <i>Coffee Table Book: Women of NAM: A Thousand Faces</i>	<i>NIEW Journal Volume 1</i> <i>Video on International Women Leaders</i> <i>Video on Contribution of Hon. Tun Dr. Mahathir Mohamed in Empowering Women of Malaysia</i> <i>Video on Local Women Movements</i>

KAJIAN/PANGKALAN DATA	KAJIAN/PANGKALAN DATA
- Best Practices of Poverty Eradication in 30 Selected NAM Member Countries - Comparative Studies and Situational Analysis of Domestic Violence in Selected NAM Member Countries	- Gender Focal Point in 118 NAM Member Countries - Gender Budgeting in 118 NAM Member Countries - Acts and Regulations Related to Women in NAM Member Countries

G) MESYUARAT-MESYUARAT PENTING

MESYUARAT	BILANGAN PESERTA	TARIKH/KEKERAPAN
<i>NAM Ministerial Meeting on the Advancement of Women in Guatemala</i>	1	21-24 Januari 2009
<i>Mesyuarat International Advisory Panel (IAP) & Technical Working Committee (TWC)</i>	14	31 Julai 2009

H) PENGLIBATAN SEBAGAI JAWATANKUASA DI DALAM PROGRAM-PROGRAM KEMENTERIAN

PROGRAM	TARIKH
Majlis Pelancaran Program Jaringan Keselamatan Sosial	25 Februari 2009
Sambutan Hari Wanita Kebangsaan	25 Ogos 2009
International Violence Against Women's Day	25 November 2009
Majlis Penghargaan NUR Mutiara bersama Y.A.Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor	22 Disember 2009



Pegawai dan kakitangan NIEW, bergambar kenangan bersama Y.A.Bhg. Tun Mahathir dan YB Menteri sewaktu program NIEW Gender Series: Women's Role in Nation Building.



Kursus NIEW menyediakan platform bagi para peserta untuk bertukar pendapat dan maklumat mengenai isu-isu berkaitan gender dan wanita di peringkat antarabangsa.



Peserta kursus NIEW bersama-sama fasilitator di Pusat Sehenti Industri Kecil Sederhana di Johor Bharu.




Peserta kursus NIEW tekun mempelajari proses pembuatan coklat sewaktu lawatan ke industri kecil sederhana.



Selain kursus dan latihan, NIEW turut menganjurkan forum dan ceramah berkaitan pengupayaan wanita di peringkat antarabangsa.

Nota:



Nota:

